

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

"PROMOSI HARI MALAYSIA"
LANGGAN AKHBAR AMANAH PERCUMA T-SHIRT



untuk urusan langganan
011 3233 4322

Pas dalam dilema, kerjasama atau tidak dengan Umno



Dilema pelajar tahfiz




Tingkatkan jumlah pusat tahfiz yang berwibawa



GST BARU 6% SUDAH BISING

DATUK Seri Najib Razak menempelak rakyat negara ini yang sudah bising walaupun kerajaan baru melaksanakan 6% GST sedangkan katanya di India, GSTnya adalah 28%.



"GST di india 28%. Please remember that (tolong ingat tu). Kita baru 6% itu pun dah riuh-rendah - bising. Marah kerajaan," kata Najib ketika merasmikan Mesyuarat Agung MIC.

Laporan penuh muka 2 →



HIMPUNAN RAKYAT SAYANGI MALAYSIA HAPUS KLEPTOKRASI

14.10.2017 (SABTU) - PADANG TIMUR MBPJ, PETALING JAYA - 4.00 PETANG



Sarawak tentukan ke mana halatuju PRU 14

RAMAI penganalisis berkata, jika ingin mengetahui ke mana halatuju pengundi dan keputusan pilihan raya umum, lihatlah apa yang berlaku di Sarawak.

Jika anginnya bersama pembangkang, maka kerajaan pusat harus merasa bimbang kerana ia bakal menentukan siapa yang bakal memerintah negara selepas PRU14 nanti.

Semasa kunjungan Tun Dr Mahathir Mohamad ke Kuching baru-baru ini, ada yang mendakwa hampir 10,000 menyertai beliau dalam ceramahnya di BDC Everrise 24 September lepas itu.

Ia telah menimbulkan pelbagai ramalan tentang halatuju PRU 14 ini.

Terdapat 31 kerusi Parlimen di Sarawak menyebabkan negeri itu, bersama Sabah yang mempunyai 25 kerusi boleh menjadi penentu kepada siapa yang akan berada di Putrajaya.

Semenanjung Malaysia mempunyai 166 kerusi.

Dalam PRU 2013, lalu, Pakatan menang enam kerusi Parlimen, DAP lima dan PKR satu.



Orang ramai yang memenuhi taman BDC Kuching bagi menyertai perhimpunan pertama PH di Sarawak.

Kerajaan Sarawak membenarkan Dr Mahathir, Kit Siang dan Pengarah Pilihan Raya Amanah, Dr Hatta Ramli masuk untuk menyampaikan ceramah pada Ahad lalu walaupun sehari sebelum itu, Ketua Wanita PKR Zuraida Kamaruddin dan seorang ahli Parlimen PKR, Hee Loy Sean dilarang masuk.

Akibatnya, Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar membatalkan kunjungan beliau ke negeri itu.

Menurut bekas pengarang Utusan, Zin Mahmud dalam tulisannya, Walaupun Abang Johari berkata pemimpin PH dibenarkan masuk kerana mereka bukannya ekstremis, tetapi ternyata ucapan Dr Mahathir dalam ceramahnya itu berhubung hak wilayah mencerminkan sentimen umum rakyat Sarawak yang juga sedang diperjuangkan oleh kerajaan negeri itu.

Ucapan pertama Dr Mahathir di Sarawak selaku pengerusi PH menampilkan slogan "Tawaran Baharu, Harapan Baharu".

Majlis itu mendapat sambutan dengan kehadiran dilaporkan sehingga 10,000 orang.

Walaupun ia diadakan di kawasan kubu DAP iaitu Taman BDC di kawasan Parlimen Stampin, tetapi mesej Dr Mahathir pasti tersebar ke seluruh Sarawak dan Sabah khususnya di kalangan pemimpin kerajaan negeri di Kuching dan Kota Kinabalu.

Ia juga boleh memberi tekanan kepada Putrajaya dalam hubungannya dengan kedua negeri itu.

Dr Mahathir berjanji jika PH menang, mereka akan melihat kembali Perjanjian Malaysia 1963 dan berunding semula antara Malaya, Sarawak dan Sabah bagi mendapatkan terma yang adil bagi ketiga-tiga wilayah itu.

Beliau menyatakan bahawa kerajaan persekutuan meminda persetujuan beberapa butiran dengan tidak menepati Perjanjian Malaysia

1963 melalui saluran parlimen di mana kerusi kawasan dari Semenanjung Malaysia lebih banyak daripada Sarawak dan Sabah.

Menurut Dr Mahathir, ia dilakukan tanpa rundingan dengan Sarawak dan Sabah walaupun ia dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen.

Adalah dipercayai beliau merujuk kepada Akta Pelantar Benua 1966 dan Akta Pembangunan Petroleum 1974. Akta 1966 itu mengurangkan sempadan laut daripada 19.3 km kepada 4.8 km. Selebihnya adalah hak persekutuan, tulis Zin dalam tulisannya.

Sementara akta 1974 meletakkan hak cari gali dan melombong minyak kepada Petronas walaupun dalam Perjanjian Malaysia 1963, hak perlombongan adalah milik wilayah Sarawak dan Sabah.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan bahawa perubahan itu berlaku sebelum beliau menjadi perdana menteri. Pada Julai 1966, ketika Akta Pelantar Benua itu diluluskan, perdana menteri adalah Tunku Abdul Rahman.

GST baru 6%, kata Najib

PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak mengingatkan rakyat negara ini, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Malaysia baru 6% sahaja bukan 28% sebagaimana di India.

"GST di India 28%. Please remember that (tolong ingat tu). Kita baru 6% itu pun dah riuh-rendah - bising. Marah kerajaan," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 2,000 perwakilan MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) 24 September lalu sebagaimana dilaporkan The Malaysian Insight.

Bagi beliau, masalah kenaikan

barang bukan salah kerajaan sebaliknya peniaga yang sering menaikkan harga barang dan menuding jari kepada kerajaan.

Menurut Najib, rakyat Malaysia tidak suka bayar cukai tapi mereka hanya berminat dengan makanan dan cuti umum.

GST diperkenalkan pada 1 April 2015 dengan kadar 6%.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dilaporkan berjaya memungut hasil kutipan cukai GST sebanyak RM41.2 bilion berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM39 bilion

pada tahun lalu.

"Saya terima pandangan soal PTPTN. Kita akan kaji lebih mendalam lagi sebab ini bukan sahaja masalah kaum India tapi (masalah) semua komuniti.

"Kita tak boleh tambah cukai. Rakyat Malaysia tak suka. Mereka suka cuti umum, makan. Mereka tak suka bayar lebih banyak cukai," kata Najib lagi.

Tindakan Najib yang hanya berkata GST di India 28% dibantah oleh Pemuda AMANAH.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH


Faiz Fadzil berkata, hakikatnya pelaksanaan GST di India jauh berbeza dengan dasar GST kerajaan Barisan Nasional.

Ini kerana GST di India berbeza kadar bermula 5% sehingga kadar 28%.

Kadar 28% hanya dikenakan pada barangan tertentu seperti penghawa dingin dan peti sejuk yang melibatkan kenaikan 5% daripada cukai semasa 23% serta perjudian.

Ia tidak melibatkan sektor pendidikan, kesihatan dan perumahan, kata Faiz dalam satu kenyataannya.

"Secara realitinya, golongan berpendapatan rendah di India tidak merasai GST. Berbeza dengan dasar GST di negara ini, hampir kesemua barangan dan perkhidmatan dikenakan GST dan ditanggung oleh kesemua segmen rakyat tanpa mengira kelas dan tempat," terangnya.



Pas dalam dilema, kerjasama atau tidak dengan Umno

DATUK Husam Musa mendakwa, Pas kini dalam dilema samada mahu bekerjasama dengan Umno atau tidak ekoran bantahan Lembaga Penasihat Pas yang menentang sebarang usaha untuk berbuat demikian.

Menurut Pengerusi PH Kelantan itu, presiden parti itu Datuk Seri Abdul Hadi Awang mahu kerjasama itu dibuat tetapi tokoh-tokoh veteran dalam lembaga itu menolaknya.

"Lagipun kajian yang dibuat

oleh Kelantan sendiri mendapati kerjasama dengan Umno ditolak oleh 60% akar umbi Pas.

"Tetapi kalau tidak kerjasama dengan mana-mana pihak, Pas akan kalah teruk," kata Husam dalam satu dialog dengan penyokongnya di Kelantan.

Lembaga Penasihat Pas dipengerusikan oleh Datuk Mustafa Ali. Anggotanya adalah Subky Latif, Dr Daeng Sanusi Mariok dan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman.

Tangani masalah sosial usaha bersama

KUALA LUMPUR: Usaha mengatasi masalah sosial di Kuala Lumpur tidak harus bersifat "dari atas ke bawah" (top bottom policy) sebaliknya perlu digerakkan bersama dengan pelbagai agensi bukan kerajaan (NGO) yang giat menjalankan pelbagai program kebajikan, pembangunan dan lain-lain.

Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr Hatta Md Ramli berkata, tidak cukup sekiranya perbincangan yang dijalankan hanya melibatkan pihak kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam berhadapan isu sosial di ibu kota rakyat Malaysia.

"Di Kuala Lumpur ini juga, kita boleh bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM) dan institusi kajian yang wujud di sekitar Lembah Klang," katanya.

Dr Hatta mengulas usaha Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor mengadakan mesyuarat khas bersama semua PBT di bawah kementerian itu bagi membincangkan masalah sosial yang sedang melanda generasi muda terutamanya di Kuala Lumpur.

Menurut Dr Hatta juga, perancangan dan tindakan melalui pelbagai dasar yang bakal diperkenalkan perlu bersifat jangka panjang dan holistik yang menyentuh pelbagai isu pokok yang menatijahkan pelbagai masalah



DR HATTA MD RAMLI

yang berlaku seperti peluang ekonomi, pendapatan, pengangkutan, kos sara hidup, pendidikan dan sebagainya.

"Atas dasar kebersamaan untuk menjadikan Kuala Lumpur hebat semula dalam pelbagai aspek, saya dan Parti Amanah Negara Wilayah Persekutuan komited bersama dalam agenda murni membanjir Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota kelas dunia yang seimbang dari sudut fizikal dan rohaniah," katanya.

Baru-baru ini Tengku Adnan berkata, berdasarkan pemantauan oleh Unit Bantaras Aktiviti Haram (BAH) kementerian, pihaknya mendapati masalah sosial berlaku di semua 11 kawasan di Kuala Lumpur dengan Kampung Segambut Dalam di Segambut merupakan antara lokasi yang perlu diberi perhatian khusus.

Pemilik kedai dobi 'mesra muslim' mohon maaf

KUALA LUMPUR: Pemilik kedai dobi layan diri di Muar, Johor yang tidak membenarkan pelanggan bukan Islam menggunakan perkhidmatannya memohon ampun kepada Sultan Johor dan seluruh rakyat di Malaysia yang tersinggung dengan syarat perniagaannya.

Pemilik Elit Laundry yang enggan namanya didedahkan mengakui akur dengan arahan istana untuk mematuhi syarat tersebut selepas ia disifatkan sebagai "karut dan memalukan" oleh Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, lapor FMT.

"Saya sudah patuh pada titah Tuanku. Saya memohon maaf pada Tuanku, rakyat Johor atas apa yang berlaku dan berharap kekecohan selama beberapa hari ini akan reda. Saya sudah tidak menggunakan papan tanda berkenaan.

"Saya memang tiada niat untuk menjadikan isu ini suatu perkara yang besar," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, beliau berkata akan tetap meneruskan perniagaannya.

Sultan Johor dipetik akhbar The Star, 27 Sept lalu membidas dasar

kedai dobi itu dan memerintahkan pemiliknya memohon maaf atau berdepan penutupan.

Menurutnya, tindakan mendiskriminasi berdasarkan kaum dan agama membuatkan rakyat Johor marah dan malu.

"Saya tidak boleh menerima perkara karut ini. Ini Johor, ia milik Bangsa Johor dan milik semua kaum dan agama. Ini sebuah negeri progresif, moden dan sederhana," kata Sultan Ibrahim.

Bercakap kepada FMT, pemilik kedai dobi itu berkata sepanjang

melaksanakan pematuhan berkenaan, beberapa agensi kerajaan turut hadir ke premisnya bagi melakukan pemeriksaan.

Kata beliau, kelemahan perniagaannya akan diperbaiki di masa hadapan agar tidak lagi menyinggung perasaan Sultan Johor dan rakyat negeri berkenaan.

Sementara itu, Mufti Johor Datuk Mohd Tahrir Samsudin ketika dihubungi FMT enggan mengulas lanjut mengenai kenyataannya sebelum ini.

"Saya minta maaf, saya tidak dapat

komen isu ini, ia atas arahan dan titah Tuanku Sultan Johor," katanya.

Sebelum ini, Tahrir menyifatkan dasar kedai dobi itu sebagai "cantik".

"Syaratnya supaya tidak ada najis mughallazah dan ringan, sebab ada menyebabkan kita (umat Islam) tidak berani nak hantar takut tercampur," kata Tahrir seperti dipetik Harian Metro.

Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus sebelum ini menegur tindakan pengusaha dobi itu dan menyifatkan tindakan pemiliknya sebagai tidak wajar.

Islam ajar hukum pemimpin korup sekalipun Melayu-Islam

HULU LANGAT: Prinsip keadilan Islam tidak melihat status kaum atau agama seseorang pelaku, sebaliknya mengadili atas kesalahan yang dilakukan.

Naib Presiden AMANAH Hasanuddin Mohd Yunus berkata, ajaran ini seharusnya difahami oleh orang Islam khususnya Melayu bahawa bangsa atau agama bukan lesen untuk melakukan kesalahan.

Sebaliknya kata beliau, salah guna kuasa yang merosakkan rakyat dan negara harus dihentikan sekalipun pelaku adalah pemimpin Melayu yang beragama Islam.

Mengambil kisah Khalifah Umar, ketika anak kepada pegawainya Amru Ibnu Al-As seorang khalifah di Mesir, melakukan salah guna kuasa dengan mencambuk anak seorang kristian dalam satu pertandingan lumba kuda, Umar telah bertindak tegas.

"Umar siasat dan anak Amru didapati salah. Umar meminta anak qibti sebat. Malah Umar membenarkan jika anak qibti itu mahu sebat dengan jumlah yang lebih atas alasan anak Amru telah menggunakan kuasa bapanya untuk mencambuk anak qibti ketika pertandingan.

"Ini contoh betapa Umar tidak rasa malu untuk menghukum orang Islam yang pula anak seorang khalifah di Mesir, walaupun yang terainya orang kristian. Pada Umar, prinsip Islam adalah 'salah tetap salah,'" katanya pada ceramah Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi dekat sini, 25 Sept lalu.

Sementara itu, Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir pula berkata, Malaysia seharusnya lebih maju daripada negara-negara Asia yang lain sekiranya ditadbir dan diurus dengan

amanah.

Namun katanya, oleh kerana pemerintah negara ini adalah kleptokrat atau 'maling', maka khazanah negara hilang dan rakyat terpaksa menanggung beban.

"Selama ini kita perjuang demokrasi tapi negara ini dikuasai kleptokrasi dengan dasar pencuri atau disebut dalam bahasa jawa kerajaan 'maling'.

"Kita tidak boleh biarkan maling-maling jadi pemerintah. Sampai bila kita nak tunduk kepada golongan pencuri ini," katanya.

Turut serta pada ceramah itu, Penasihat DAP Lim Kit Siang, Ketua Sekretariat Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua, Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim dan wakil Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Datuk Abdul Rashid.

DAP nafi tuduhan kristiankan Orang Asli di Galas

KOTA BHARU: DAP Kelantan menyelar tuduhan Umno kononnya mereka mahu mengkristiankan masyarakat Orang Asli di Gua Musang dengan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Galas.

Penyelaras Impian Kelantan, Mohd Fauzi Mohd Azmi menegaskan bahawa DAP tidak pernah sama sekali menganjurkan sebarang program yang berunsur kristianiti seperti yang didakwa, lapor Raketkini.

"Penglibatan DAP di Gua Musang sebelum ini bermula selepas tsunami pada 2014 dan seterusnya mula aktif membela masyarakat Orang Asli di kawasan itu dalam isu pembalakan melampau bermula pada Oktober 2016 sehingga sekarang.

"Sepanjang penglibatan kami dengan Orang Asli di Gua Musang, DAP tidak pernah menganjurkan apa-apa program berkaitan kristianisasi di kawasan Orang Asli di seluruh Gua Musang bahkan di pinggir bandar mahupun di pedalaman," katanya.

Menurut Mohd Fauzi, DAP juga giat membantu lebih 100 keluarga yang kesemuanya beragama Islam di Kampung Pasir Tumboh, Gua Musang dan menegaskan tidak seorang pun daripada keluarga tersebut menukar agama mereka.

"Sehingga ke hari ini, tiada satu keluarga pun atau seorang pun daripada penduduk Kampung Pasir Tumboh bertukar agama ke agama Kristian.

"Malah tiada seorangpun kumpulan

penyebarkan agama Kristian pernah di bawa masuk (oleh DAP dan Impian Kelantan) ke Kampung Pasir Tumboh, Gua Musang," ujarnya.

Beliau mengulas tohmahan yang dilemparkan Adun Galas, Abdul Aziz Yusof dan pensyarah pro-Umno, Dr Kamaruzaman Abdullah yang mendakwa kononnya DAP mahu membawa agenda kristianiti ke dalam masyarakat Orang Asli di Dun Galas.

Fauzi yang juga Pengerusi DAP Suara Muda berkata, perjuangan DAP tidak terhad terhadap kepentingan sesuatu kaum dan agama seperti mana Pas dan Umno.

"Untuk perhatian umum, perjuangan DAP bukanlah seperti Pas dan Umno-BN yang menjadikan agama dan bangsa sebagai 'kosmetik' dalam perjuangan mereka bagi mendapatkan sokongan dan undi.

"Malah keahlian DAP juga tidak dihadkan pada sesuatu bangsa atau agama sahaja, malah dibuka kepada seluruh warga negara Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama mereka," tegasnya.

Beliau turut mengingatkan semua pihak agar berhenti menggunakan sentimen agama dan bangsa untuk mendapatkan sokongan rakyat.

"Kalau anda rasa sokongan kepada anda atau parti anda semakin merudum, carilah di mana kelemahan anda, bertanggungjawablah anda sebagai wakil rakyat kepada mereka yang mengundi anda," ujarnya.

Minda Pengarang

Harapan tinggi PH kepada Sarawak

WALAUPUN digelar sebagai 'deposit tetap' BN sekian lama, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Pakatan Harapan (HARAPAN) mampu mencatat kemenangan yang baik di Sarawak pada pilihan raya umum (PRU) ke-14, seterusnya menumbangkan kerajaan BN.

Pengerusi HARAPAN itu berkata demikian ketika ditanya pemberita tentang jumlah kerusi parlimen yang disasarkan mereka di Sarawak pada PRU akan datang.

"Kami belum kira (jumlah kerusi), tetapi berharap akan menang dengan jumlah kerusi (yang signifikan)," katanya pada sidang media selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, hari ini.

Ketika ditanya adakah ia akan memecah 20 kerusi, beliau berkata: "Saya tiada angka...Cukup untuk membentuk kerajaan (persekutuan)."

Seperti di Semenanjung, pembangkang mendapat sokongan yang signifikan di kawasan bandar di sana.

Pada PRU ke-13, Pakatan Rakyat memenangi 6 kerusi parlimen di negeri itu (5 DAP, 1 PKR), kebanyakannya kawasan bandar seperti Kuching, Sibuan dan Miri.

Dalam pada itu, mantan perdana menteri itu berkata beliau bersedia untuk berjumpa dengan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang menjadi parti utama BN Sarawak.

Beliau ingin berbincang dengan mereka sama ada mereka mahu atau tidak, belum pasti.

Mahathir membuat kunjungan kali pertama ke negeri itu selaku pembangkang. Beliau kemudian berucap dalam satu program di Kuching, malamnya yang dihadiri oleh puluhan ribu rakyat.

Ini pertama kali program pembangkang mendapat sambutan hebat. Suatu petanda baik bagi Pakatan Harapan. Lebih-lebih lagi memikirkan bahawa selama ini Sabah dan Sarawak menjadi pengkalan 'deposit tetap' bagi Barisan Nasional buat sekian lama. Tetapi kali ini

nampaknya sudah ada sinar perubahan.

Lebih-lebih lagi sudah terdengar pelbagai kegelisahan malah kekecewaan rakyat Sarawak kerana amat jauh ditinggalkan dari segi pembangunan.

Pada program Pakatan Harapan di Sarawak itu, diumumkan lima tawaran PH untuk Sarawak jika PH memenangi PRU akan datang. Iaitu, hak petroleum dan hasil yang adil, hak pembangunan infrastruktur asas dan tanah yang saksama, hak pendidikan berkualiti dan hak pembangunan ekonomi saksama dan pengupayaan anak muda, wanita dan golongan minoriti.

Pengerusi PH Sarawak dan juga Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jan yang mengumumkan lima tawaran PH untuk negeri tersebut memberi jaminan, ikrar tersebut akan dilaksanakan, jika menang, melalui reformasi *structural* dan tatakelola baik berpaksikan kepada Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan.

PBB memegang 14 daripada 25 kerusi Parlimen yang dimenangi BN pada PRU lalu.

Daripada sambutan luar biasa rombongan Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir, menunjukkan ada petanda bahawa rakyat Sarawak mahukan perubahan. Sudah sangat lama mereka ketinggalan dalam pembangunan ini hinggalah infrastruktur kawasan pedalaman begitu ketinggalan.

Adapun perihal Sabah, kita juga berharap rakyat Sabah juga akan membuat perubahan dalam PRU akan datang ini.

Ertinya jika ada perubahan maka kedua-dua negeri itu tidak lagi menjadi 'simpanan tetap' BN. Ia akan menikmati pembangunan yang adil, sesuai dengan hasil buminya, minyak yang kaya.

Ertinya, rakyat kedua negeri itu boleh mengharap masa depan yang menjanjikan jika mereka menerima perubahan yang diharapkan dijelmakan dalam PRU akan datang.

Pencerahan dan manhaj ummiyyun

KALIMAH Rab amat mendalam kesannya kepada Rasulullah s.a.w dan sahabat yang menganut Islam pada peringkat awal. Sedarlah kita bahawa lima ayat pertama Surah Al-Alaq adalah juga merupakan lima ayat pertama Al-Quran. Dari lima ayat tersebut, dua darinya terkandung kalimah Rab. Ini bermakna Allah memilih memperkenalkan Diri-Nya dengan kalimah-kalimah yang kuat dan padat sehingga benar-benar mengetuk minda dan qalbu. Gabungan yang erat dan mantap di antara minda dan qalbu ini melahirkan suara hati atau *conscience* manusia yang sentiasa tunduk dan patuh kepada apa yang dicintai oleh Allah.

Kalimah-kalimah besar yang terkandung dalam lima ayat pertama Al-Quran iaitu: *iqra, Rab, Rabbika, khalaq, al-insan, alaq, Al-Akram, al-qalam*, menjadikan orang tersentuh minda dan qalbunya akan berinteraktif dengan kalimah tersebut. Hakikatnya adalah ayat-ayat ini menegaskan bahawa Al-Quran adalah kalam Allah yang ditujukan bagi makhluk ciptaan Allah di kalangan manusia dan jin. Al-Quran mesti dibaca dan dilaksanakan dan seterusnya dilaksanakan.

Tidakkah aneh perintah membaca ditujukan kepada seorang lelaki yang *ummiy di kalangan kaum yang juga ummiy*? Menjadi tanggapan biasa bahawa erti ummiy adalah orang yang tidak tahu membaca dan menulis. Atau panggilan biasanya adalah buta huruf. Dalam Bahasa Inggeris dinamakan illiterate. Masyarakat biasanya menanggapi kalimah buta huruf atau *illiterate* dinisbahkan dengan kemiskinan atau golongan yang tidak berpendidikan.

Mari kita berhenti sejenak dengan tujuan menilai semula beberapa kefahaman kita. Perlu kita ingat bahawa ketika Rasulullah s.a.w diutus kepada masyarakat Makkah, orde hegemoni politik dunia ketika itu adalah bersifat dwi-polar. Dua kuasa besar dunia pada masa itu ialah Empayar Rom dan Empayar Farsi. Kedua-dua empayar ini bersengketa dalam perebutan kuasa eksklusif. Pada masa yang sama terdapat beberapa kuasa serantau yang bertapak di Mesir, Habshah-Yaman, India dan China sama ada memihak atau berkecuali di segi hubungan Rom dan Farsi.

Sekali lagi perlu kita ingat, lebih empat puluh tahun sebelum konflik antara Rom dan Farsi merebak, kuasa serantau ketika itu Habshah-Yaman dengan tentera



Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II

SAARI SUNGIP

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

bergajahnya yang diketuai oleh Abrahah menyerang kota Arab Quraisy untuk meruntuhkan Kaabah. Mereka yang hidup pada waktu itu menyaksikan bagaimana dahsyatnya tentera bergajah Abrahah dimusnahkan. Peristiwa ini diabadikan dalam Al-Quran, Surah Al-Fil (ayat 1-5) yang merupakan antara surah terawal diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w.

perihal perkembangan semasa berkenaan ekonomi dan perdagangan antarabangsa, erti pasaran terbuka serta hampir tiadanya intervensi pemerintah dalam menentukan halatuju pasaran termasuk faktor-faktor perosak kelestarian dan kerancakan ekonomi yang terdiri daripada amalan rasuah, pembaziran, amalan menipu dengan mengurangkan sukatan

...Apa yang luar-biasa bagi bangsa ummiyyun ini hampir semua pemimpin mereka mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam dan sangat kemas dan pertuturan mereka. Mereka bercakap dengan begitu bersahaja tetapi faseh dan menawan.

Selepas peristiwa tentera bergajah dan burung ababil tersebut, tiada siapa pun lagi yang berani mencabar ketuanan Arab Quraisy terhadap agama mahupun negeri tempat tinggal mereka. Maka jadilah mereka bangsa yang dihormati dan wakil-wakil daripada mereka diterima oleh pemerintah di negara-negara jiran, termasuk dua kuasa besar dunia Rom dan Farsi ketika itu sebagai diplomat yang amat dimuliakan.

Sejak Arab Quraisy diberi penghormatan sedemikian rupa, masyarakat antarabangsa sudah sedia maklum bahawa pedagang bertaraf dunia dari bumi Makkah itu adalah bangsa ummiyyun. Bahkan, dunia pada masa itu sedar bahawa di antara keistimewaan Arab Quraisy adalah mereka jadi mengerti tentang perkembangan hegemoni politik dwi-polar, ilmu

atau timbangan, sorok barang, monopoli dengan tujuan yang sama seperti sorok barang.

Apa yang luar-biasa bagi bangsa ummiyyun ini hampir semua pemimpin mereka mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam dan sangat kemas dan pertuturan mereka. Mereka bercakap dengan begitu bersahaja tetapi faseh dan menawan. Pada masa yang sama, hampir semua pemimpin Arab Quraisy yang menghafaz bukan setakat puluhan ribu bait-bait syair tetapi mereka menghafaz ratusan ribu bait-bait syair.

Dalam tamadun yang terdapat partisipasi atau mungkin boikot atau mungkin intervensi daripada kuasa besar dunia, sebolehnya bangsa ummiyyun diangkat sebagai diplomat dan pedagang antarabangsa adalah satu yang fenomenal!



Mabuk dan kuasa

KITA perlu menerima hakikat bahawa syak-wasangka di kalangan masyarakat berbilang ini semakin menjadi-jadi. Justeru itu, isu kontroversial yang mencungkil sensitiviti kaum mahupun agama, mudah mengundang reaksi yang berlainan.

Misalnya, dalam isu pesta arak, masyarakat muslim yang tidak senang dengan aktiviti sedemikian menjadi gelisah – jikalau pesta arak diberi lampu hijau pada hari ini, apa yang bakal dibenarkan pada masa depan? Pesta seks bebas, atau pesta LGBT? Sementara itu, masyarakat bukan muslim akan mempertikaikan, andainya pesta arak diharamkan pada hari ini, apa pula yang akan diharamkan seterusnya? Haram makan babi, atau haram bela anjing?

Bukan mudah untuk membina semula kepercayaan antara satu sama lain dalam tempoh yang singkat. Untuk satu dekad kebelakangan, masyarakat Melayu-muslim diasak dengan wacana bahawa mereka sedang diserang golongan bukan Melayu-muslim. Kedudukan Melayu tergugat, Islam dihina. Maka Melayu-Muslim bangkit menuntut hak dan kuasa yang lebih besar.

Sebaliknya, masyarakat bukan Melayu-muslim terkesan dengan ruang yang semakin sempit. Untuk

sekitar lama, mereka menganggap sistem yang didominasi Melayu-muslim ini tidak berlaku adil untuk mereka. Kini, amalan biasa yang tidak menjadi masalah pada zaman dahulu, dijadikan masalah dan diperbesarkan. Misalnya pertikaian berus bulu babi, 'kek halal' dalam McDonald, troli halal dan sebagainya. Jangan terperanjat jikalau ada yang bersikap sinis dan mempersoalkan, apakah satu hari nanti akan wujud wang kertas halal dan tidak halal, atau darah yang diderma itu akan dikategorikan sebagai darah halal dan tidak halal?

Jelas, kedua-dua pihak muslim dan bukan muslim takut "diberi betis mahu paha". Tiada pihak mahu bertolak ansur, kerana takut ditolak beransur-ansur. Dalam senario sedemikian, Melayu-muslim diugut untuk mengundi parti yang mempertahankan Melayu dan Islam. Lama-kelamaan, bukan Melayu-muslim yang semakin minoriti terpaksa akur dan pasrah, mengundi dengan kaki – berhijrah.

Berbalik kepada isu pesta arak, kita sebenarnya amat jelas bahawa arak diharamkan Islam. Untuk agama yang lain, arak tidak diharamkan, sungguhpun tidak digalakkan. Lebih-lebih lagi, ramai penganut agama bukan Islam tidak rigid dalam hal sedemikian. Mereka menganggap agama itu adalah



Siang-Malam
Lim Hong Siang

sesuatu di antara dirinya dengan Tuhan. Jadi, minum arak bukanlah dosa yang perlu diperbesar-besarkan, sekurang-kurangnya tidak lebih besar daripada makan rasuah. Untuk bukan muslim, arak boleh dijadikan ubat, perisa makanan, dan minuman sosial pada detik saat gembira mahupun sedih.

Ya, sesungguhnya hak bukan muslim untuk minum arak tidak dinafikan. Ia cuma dilarang untuk "dipestakan". Saya agak bimbang seandainya hujah sebegini diterima, kerana untuk saya, ia persoalan yang melibatkan kuasa. Dengan kata lain, kita menyerahkan kuasa kepada penguasa untuk menentukan apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk masyarakat.

Bayangkan, jikalau satu hari nanti penguasa mengenakan syarat sebegini kepada penulis yang dianggap

kritikal kepada kerajaan - Kamu masih ada hak untuk menulis, menerbit dan mencetak buku, tetapi buku anda dilarang untuk dijual dalam pesta buku. Alasannya, idea anda dianggap bahaya dan tidak sihat untuk pembinaan fikrah masyarakat. Bukankah alasan ini tidak masuk akal, umpama lidah parti pembangkang yang dibenarkan penerbitannya, tetapi dihalang penjualannya di tempat terbuka, dan dikhususkan hanya untuk ahli?

Dan jikalau kita mengangguk kepada penguasa untuk mengharamkan pesta arak, semata-mata pandangan kita sehaluan dengan penguasa dalam isu pesta arak kali ini, di manakah asas prinsip dan moral kita pula untuk menentang apabila penguasa mengharamkan kebebasan kita pada masa depan?

Persoalannya, masyarakat kita diselubungi rasa tidak selamat yang ketara. Kita mendahagakan kebebasan apabila diri kita dicengkam dan ditekan, namun kita cuba untuk menyekat kebebasan orang lain apabila diri kita tercabar. Kita gagal memahami bahawa kebebasan adalah sebahagian daripada keadilan. Apabila kebebasan sebahagian manusia diceroboh, maka keadilan untuk sejagat akan menjadi berat sebelah. Kebebasan yang dimaksudkan bukan

kebebasan sewenang-wenangnya. Ia dibatasi tanggungjawab, dan selagi ia tidak mengancam keselamatan awam, maka ia adalah hak setiap individu. Dalam sesebuah masyarakat yang majmuk, sudah tentu kita perlu peka terhadap sensitiviti komuniti berlainan. Tetapi ia menguji kebijaksanaan kita untuk menguruskan perbezaan. Kita perlu menentukan, apakah kita sanggup menyempitkan ruang kebebasan untuk menjaga sensitiviti semua komuniti dalam masyarakat? Contoh mudah, muslim sensitif kepada khinzir dan arak, di samping penganut Hindu sensitif kepada lembu. Jikalau pesta arak diharamkan untuk menjaga sensitiviti muslim, kita juga kena menjawab andainya saudara Hindu kita bertanya, "Apakah penyembelihan lembu terbuka boleh diharamkan untuk menjaga sensitiviti kami?"

Ringkasnya, ia persoalan persepsi, kuasa dan sensitiviti. Ia menguji sejauh manakah kita meraihkan perbezaan, sejauh mana kita serahkan kuasa kepada penguasa untuk menentukan apa yang terbaik untuk kita, dan bagaimana kebebasan boleh diuruskan sebaik-baiknya. Biar kita ketepikan emosi, dan selesaikan pertikaian secara rasional.

Penyair Usman Awang melihat Melayu

DENGAN suasana dan pelbagai perkembangan yang berlaku di kalangan sesetengah orang Melayu masa kini pelbagai pihak bertanya apa yang telah terjadi kepada orang Melayu.

Sedangkan orang Melayu berpegang teguh dengan sistem nilai Islam dengan segala kesempurnaannya. Di mana akal budi dan kira bicara orang Melayu, daya fikir mereka hingga terjadi di kalangan sesetengah orang Melayu seperti apa yang berlaku sekarang - remaja Melayu terlibat dadah, melepak di tepi tasik, warung, bawah pokok, menjadi samseng, mat rempit, peragut, mencuri dan pelbagai lagi.

Siapa pula yang membekalkan mereka dadah dan cerita ini berterusan sekian lama. Remaja ini tentu ada ibu bapa, kaum keluarga saudara mara mereka.

Biasanya kebanyakannya tinggal serumah. Bagaimana mereka keluar rumah di tengah malam atau subuh hari untuk bersama rakan-rakan mereka tanpa disedari oleh orang tua atau keluarga mereka.

Ini persoalan yang melengkari kehidupan sesetengah orang Melayu yang kini sedang diperkatakan pelbagai pihak. Ini fenomena remaja Melayu. Bagaimana pula di kalangan



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

sesetengah orang Melayu berpangkat tinggi, ternama, terlibat dengan

kegiatan rasuah yang kini berskala besar, di samping pelbagai cerita penyelewengan, pembaziran, salah guna kuasa dan pelbagai lagi.

Apa yang berlaku kepada Felda, ladang Melayu terbesar di tanah air mendedahkan perkembangan yang sangat meenjenklkan. Banyak lagi perihal sesetengah orang Melayu yang mengkaburkan imej bangsa Melayu.

Di sinilah saya menziarah kembali puisi 'Melayu' yang ditulis oleh penyair ternama, Almarhum Usman Awang puluhan tahun yang lalu. Kini ramaai yang mengungkap kembali sajak 'Melayu' ini untuk melihat wajah Melayu menurut cerminan Sasterawan Negara itu.

*Melayu
Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu bijak beralas tangan.*

*Melayu itu berani jika bersalah
Kecut takut kerana benar,
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut,
Biar mati adat
Jangan mati anak.*

*Melayu di tanah Semenanjung luas
mahnanya:
Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu
Banjar juga disebut Melayu,
Minangkabau memang Melayu,
Keturunan Acheh adalah Melayu,
Jakun dan Sakai asli Melayu,
Arab dan Pakistani, semua Melayu
Mamak dan Malbari serap ke Melayu
Malah mua'alaf bertakrif Melayu
(Setelah disunat anunya itu)*

*Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan
Sayangnya kini segala kehilangan*

*Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara*

*Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya*

*Sedangkan kampung telah tergedai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
tanah sebidang mudah terjual
Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba.
Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi*

*Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri.
Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum
Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak.*

*Watak Melayu menolak permusuhan
Setia dan sabar tiada sempadan
Tapi jika marah tak nampak telinga
Musuh dicari ke lubang cacing
Tak dapat tanduk telinga dijinjing
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan*

*Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturrahim hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan diulur sentiasa bersambut
Luka pun tidak lagi berparut*

*Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan
Selagi yang ada sanggup diberikan
Sehingga tercipta sebuah kiasan:
"Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera di hutan disusu-susukan
Anak di pangkuan mati kebuluran"*

*Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu
Masihkan tunduk tersipu-sipu?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan.*

*Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara Merdeka*

Demikianlah penyair Usman Awang melihat 'Melayu' pada masa hayatnya, puluhan tahun yang lalu. Bagaimana Melayu sekarang dengan masalah yang dihadapi sedemikian rupa. Bagaimana untuk menyelesaikannya?

AMANAHA kongsi hiba waris pelajar tahfiz

KUALA LUMPUR: Merasai betapa luhuhnya jiwa anggota keluarga apabila kehilangan insan tersayang dalam sekelip mata, pelbagai pihak tampil menyantuni dan menyatakan sokongan moral kepada keluarga mangsa kebakaran Tahfiz Ittifaqiyah, Keramat tempoh hari.

Pemimpin AMANAHA sejak hari pertama kejadian, terpanggil memberi sokongan dan berkongsi rasa kehilangan 23 pelajar termasuk warden dalam kejadian tragis 14 September itu.

Biro Kebajikan, Kemanusiaan dan Bencana Alam AMANAHA, yang diketuai Naib Presiden Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus telah menziarahi beberapa keluarga mangsa yang terlibat pada 25 September lalu.

Turut serta dalam kunjungan itu, Ketua Angkatan Wanita AMANAHA Nasional (Awan) Dr. Siti Mariah Mahmud, Pengerusi AMANAHA Negeri Selangor Ir Izham Hashim, Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng, aktivis DAP Ronnie Liu, Dr Abdul Aziz Bari dan Zulhasmi Mohd Sharif.

Antara yang dikunjungi adalah keluarga kakak kepada ibu mangsa tiga beradik iaitu Muhammad Syafiq Haikal Sulaiman, Muhammad Hafiz Iskandar Sulaiman dan Muhammad Harris Ikhwani Sulaiman yang maut dalam kejadian itu.

Keluarga itu menetap di Lembah TTDI, Taman Kosas, Ampang.

Selain itu, empat lagi keluarga



Ustaz Hasanuddin menyampaikan ucapan ringkas ketika rombongan menziarahi keluarga mangsa di Lembah TTDI, Taman Kosas.

mangsa yang terlibat turut dikunjungi masing-masing di Taman Bukit Indah, Kem KEMANTAH, Keramat Hujung dan Taman Keramat AU2.

Pada pertemuan itu, mereka menyampaikan sumbangan wang tunai kepada waris mangsa selain mengadakan bacaan doa selamat memohon keselamatan dan ketabahan kepada anggota keluarga.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita, Hasanuddin berkata isu mengenai keselamatan di premis yang dikelolakan oleh agensi kerajaan seharusnya menjadi keutamaan.



Dr Mariah menyerahkan sumbangan kepada waris mangsa.

"Seawal hari pertama lagi, kami di AMANAHA telah berada di lokasi, kami buat kenyataan bahawa semua

kegiatan agama dikatakan mesti berada di bawah Majlis Agama Islam, aktiviti membuat sekolah maahad ini



Ir Izham menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa.



Ibu saudara mangsa menjelaskan sesuatu kepada rombongan AMANAHA dan DAP.

di bawah pemantauan mereka, kalau berdaftar kena ikut peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bomba.

"Kalau tak berdaftar pula kena pastikan di bawah pemantauan (kerajaan)," katanya.

Parti komponen PH perlu kukuh kesatuan

BAYAN LEPAS: Pakatan Harapan (PH) harus mempunyai kesatuan yang mantap bagi merealisasikan 'PH lawan BN' pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) nanti.

Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution berkata, sama ada Keadilan, DAP, AMANAHA atau PPBM yang bertanding di sesuatu kawasan, semua parti harus bekerja kuat untuk memenangkan calon PH.

"Apabila kita bertanding, kalau satu kawasan itu ditandingi oleh AMANAHA, DAP, PPBM dan Keadilan akan bekerja kuat seolah-olah calon AMANAHA itu adalah calon Keadilan, DAP dan PPBM.

"Jika AMANAHA yang menang, Keadilan merasakan itu kemenangan Keadilan, PPBM merasakan itu kemenangan PPBM, dan DAP merasakan itu kemenangan DAP dan

begitulah seterusnya.

"Sehingga kita boleh mewujudkan satu kesatuan dan kecintaan ini dan akan menjadi prasyarat penting untuk menjatuhkan BN," katanya pada majlis kutipan dana PH anjuran DAP, dekat sini, 23 September lalu.

Beliau juga berkata, negeri yang diperintah PH iaitu Pulau Pinang dan Selangor juga harus menampilkan kejayaan mereka bagi meyakinkan rakyat bahawa kerajaan negeri di bawah PH lebih baik daripada negeri yang diperintah BN.

"Dua negeri ini mesti boleh menampilkan kejayaan dari segi tatakelola, pengurusan kewangan, keupayaan mengagihkan hasil negeri untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat,

integriti dan menunjukkan rekod yang baik supaya rakyat dapat tengok beza negeri PH dengan negeri BN," katanya.

Menurut beliau, PH sedang menunggu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) meluluskan pendaftaran gabungan itu bagi merealisasikan satu lawan satu dalam PRU14.



Rakyat Selangor mahu dengar cerita baharu, kata Ezam

SHAH ALAM: Bekas Senator Mohamad Ezam Mohd Nor berpandangan cadangan Umno Selangor membawa kembali gandingan tiga bekas menteri besar negeri itu bagi menguatkan Umno-BN di Selangor sebagai cerita lama sedangkan rakyat Selangor mahu mendengar cerita baharu.

"Rakyat Selangor mahu dengar cerita baharu. Hari ini cerita Selangor adalah cerita sebuah negeri yang berjaya. Hasil mahsulnya diurus baik. Simpanan negeri amat kukuh dan menyakinkan pelabur dalam dan luar negara.

"Rakyat Selangor bukan hanya berpuas hati malah merasa bangga dengan negeri mereka hari ini.

Baik penjawat awamnya juga pengusaha swasta di Selangor hari ini dengan rasa bangga berkongsi pengalaman melaksanakan dan menikmati polisi dan dasar-dasar kerajaan negeri hari ini," katanya.

Menurut Ezam, Sultan Selangor juga amat berpuas hati dengan prestasi kerajaan negeri dan perkara ini dititahkan baginda dalam majlis-majlis rasmi.

"Makanya cerita hari ini, bagi rakyat Selangor hari ini, adalah cerita MB mereka hari ini, bukan cerita MB mereka yang lalu. Yang relevan adalah MB hari ini kerana setelah sekian lama rakyat Selangor menanti kehadiran seorang MB yang mereka boleh banggakan dan harapkan," ujar Ezam.

mampu umrah EDISI 2017

DAFTAR
SEKARANG
TEMPAHAN RM1,000

Bersama:
UST. ABDUL GHANI SAMSUDIN

PAKEJ UMRAH & ZIARAH

PAKEJ DENGAN HARGA MAMPU

RM 6,999

JADUAL PENERBANGAN (11 HARI 9 MALAM)

04 DISEMBER - 14 DISEMBER



MEKAH - HOTEL SARAYA IMAN (350m)
MADINAH - CONCORDE HOTEL (150m)

DESTINASI ZIARAH

MEKAH

- ** TAIF
- MINA
- ARAFAH
- MUZDALIFAH
- MASJID HUDAIBIYAH
- * MUZIUM MEKAH DAN MADINAH
- TAPAK RUMAH KELAHIRAN NABI SAW

MADINAH

- MASJID QUBA
- MEDAN UHUD
- PASAR KURMA
- LADANG KURMA
- SAQIFAH BANI SA'IDAH
- * PAMERAN ASMA'AL HUSNA
- * PAMERAN SEJARAH MADINAH

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:

Nurhaziqah Zainal
017 - 885 3292



EL IZZAH
TRAVEL & TOURS SDN BHD
MAYBANK - 5511 9110 7318

Dilema pelajar tahfiz

Oleh **PENULIS KHAS**

Mohamad Abdullah mempunyai lima anak, empat lelaki dan satu perempuan. Kerana yakin bahawa anak-anak adalah saham di akhirat, kesemua mereka dihantar ke sekolah tahfiz bagi membolehkan kesemua mereka hafaz al Quran selepas tamat belajar nanti.

Namun, selepas dua anaknya, iaitu yang sulung dan nombor dua tamat belajar dan menghafaz al Quran, Mohamad mula berada dalam dilema. Ke mana anaknya selepas tamat belajar tahfiz?

Buat masa sekarang, Mohamad memberikan modal kepada anaknya yang sulung membuka gerai burger di depan rumahnya. Manakala si adik pula membantu abangnya.

Kedua-dua anaknya memasuki sekolah tahfiz swasta yang tidak ada pelajaran akademik biasa dan tidak mengambil peperiksaan di sekolah biasa termasuk SPM. Mereka di sana betul-betul fokus untuk menghafaz al Quran.

Inilah dilema keluarga Mohamad, seorang pegawai kerajaan yang sangat komited untuk memperjuangkan Islam di negara ini. Kempen saban hari yang dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya di masjid dan surau tentang sekolah tahfiz telah menyebabkan



mereka memilih jalan ini.

Sejak tahun 1980an, apabila zaman kebangkitan Islam berlaku, orang ramai mula sedar tentang kepentingan pendidikan Islam untuk anak-anak mereka.

Sekolah-sekolah agama swasta mula dibuka dari pra sekolah, sekolah rendah hingga ke menengah kerana kerajaan tidak menyediakan pendidikan ini atau tidak mencukupi berbanding permintaan dari ibubapa.

Selepas tamat belajar di sekolah swasta dalam negeri, mereka dihantar belajar ke luar negara kerana mereka tidak mengambil peperiksaan bagi membolehkan mereka memasuki pusat pengajian tinggi dalam negara.

Selepas tamat belajar dan pulang, mereka sekali lagi berhadapan dengan

masalah untuk memasuki alam pekerjaan.

Tanpa sijil SPM, mereka sukar mendapat tempat dalam jabatan atau pusat pengajian di bawah kerajaan.

Lalu mereka kembali ke sekolah asal mereka sebagai tenaga pengajar atau membuka pula sekolah-sekolah agama khasnya sekolah tahfiz ini. Lalu semakin ramailah lahir pelajar tahfiz ini.

Menurut satu catatan, Maahad Tahfiz atau dikenali sebagai Tahfiz al-Quran pertama diasaskan pada tahun 1966. Ia diberi nama sebagai Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan diasaskan oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman.

Sekolah ini mula beroperasi dekat Masjid Negara, Kuala Lumpur. Lepas tu,

setiap negeri membuka Maahad Tahfiz masing-masing dengan Kelantan menjadi negeri yang pertama.

Bila penerimaan masyarakat terhadap institusi tahfiz ini mula berkembang, muncul pulak maahad tahfiz persendirian (swasta). Maahad tahfiz swasta pertama yang ditubuhkan adalah Raudhatul Tahfiz al-Quran (sekarang Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat) di Jeram, Selangor.

Menurut JAKIM, berdasarkan rekod 2011, terdapat 13,000 huffaz di Malaysia dengan 278 buah sekolah.

Hanya 14 darinya terletak di bawah kerajaan manakala selebihnya iaitu 254 adalah swasta.

Jumlahnya dipercayai sudah berganda kini selepas lima tahun.

Berdasarkan rekod itu, Selangor adalah negeri yang paling banyak

sekolah tahfiz iaitu 122 buah.

Namun hanya dua darinya terletak di bawah kerajaan manakala selebihnya iaitu 120 buah di bawah swasta. Itupun yang berdaftar sahaja.

Menurut data 2015, di bawah kelolaan Jakim sahaja, ada 66 buah sekolah tahfiz di Selangor.

Di bawah kelolaan pertubuhan kebajikan pelajar-pelajar tahfiz Malaysia pula, ada enam buah.

Manakala di bawah kelolaan persatuan institusi tahfiz Al Quran Selangor (PITAS) pula ada 80 buah iaitu 12 di Gombak, Sepang (3), Hulu Langat (16), Kuala Langat (7), Hulu Selangor (7), Kuala Selangor (7), Klang (8), Petaling (15) dan Sabak Bernam (5).

Kelantan pula mempunyai 61 buah dengan hanya satu sahaja di bawah kerajaan.

Tingkatkan jumlah pusat tahfiz yang berwibawa

Oleh **ARIF ATAN**

AMANAH mencadangkan pihak berkuasa agama negeri memikirkan secara serius untuk meningkatkan jumlah institusi pendidikan Islam yang berasaskan tahfiz yang berwibawa.

Naib Presidennya, Dr Hasan Bahrom berkata, bilangan pusat tahfiz yang berwibawa sedia ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan tinggi masyarakat yang menginginkan anak mereka dididik dalam bidang tersebut.

"Bukan hanya sekadar meminda Akta 550 dalam perkara-perkara tertentu yang boleh menyelesaikan masalah yang sedia ada.

"Namun, harus juga lebih agresif menyelesaikan permasalahan (ketidakkupuhan pusat tahfiz yang berwibawa) ini secara menyeluruh supaya institusi



Dr Hasan Bahrom

ini lebih kompetitif dan berketampilan," katanya ketika dihubungi akhbar mingguan *Amanah*, 27 September lalu.

Mengulas cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), beliau bersetuju dengan keputusan tersebut bagi membolehkan institusi pendidikan tahfiz berjalan dengan lebih sistematik, berwibawa dan terancang.

Menurutnya, pendedahan bahawa terdapat 612

daripada 940 maahad tahfiz swasta yang tidak berdaftar tetapi beroperasi pada masa ini merupakan satu situasi serius.

"Justeru, tindakan yang lebih konstruktif dan menyeluruh perlu diambil, terutama apabila melibatkan sejumlah 150,000 pelajar yang masih memerlukan didikan sempurna daripada institusi tersebut.

"Oleh kerana itu, AMANAH menuntut penyelesaian secara tuntas dan menyeluruh perlu dilakukan segera," ujarnya.

Pengerusi Biro Pendidikan itu menegaskan keakuran mana-mana pihak yang hendak mengusahakan institusi tahfiz terhadap peraturan sedia ada atau yang akan ditentukan adalah wajar.

Hal tersebut, jelas Dr Hasan, melibatkan keselamatan dan masa depan generasi muda yang mendapat

pendidikan melalui sistem tersebut.

"Parti AMANAH Negara telah sekian kalinya menegaskan agar pengurusan dan tata kelola institusi pendidikan agama khususnya institusi pendidikan tahfiz di negara ini ditadbir urus dengan lebih sistematik, menepati piawaian dan garis panduan yang telah ditentukan oleh pihak berwajib.

"Tekad dan kecenderungan masyarakat untuk terus melihat anak-anak mereka terdidik dengan nilai-nilai al-Quran harus disertai dengan penyediaan prasarana pendidikan yang lebih sempurna dan kondusif.

"Sebagai sebuah parti yang mengangkat kepedulian melandasi gerak kerjanya, AMANAH bersedia menyumbang fikiran untuk meningkatkan martabat institusi pendidikan tahfiz di negara ini," tambahnya lagi.

BIL.	NEGERI	JUMLAH PUSAT PENGAJIAN DI BAWAH KERAJAAN PUSAT/NEGERI	JUMLAH PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ PERSENDIRIAN (BERDAFTAR)	JUMLAH KESELURUHAN
1	SELANGOR	2	120	122
2	KELANTAN	1	60	61
3	PERAK	1	20	21
4	KEDAH	1	15	16
5	PULAU PINANG	1	8	9
6	JOHOR	1	7	8
7	PAHANG	1	7	8
8	MELAKA	1	5	6
9	NEGERI SEMBILAN	1	3	4
10	TERENGGANU	1	3	4
11	SABAH	1	3	4
12	KUALA LUMPUR	1	2	3
13	PERLIS	1	1	2
14	SARAWAK	0	0	0
JUMLAH		14	254	278

Jumlah keseluruhan huffaz adalah anggaran seramai 13,000 di kalangan lepasan Darul Quran dan Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia.
Data diambil dari Penyelaras Pembangunan Al-Quran JPAQ Februari 2011.

Beranikah ambil tindakan?

YAYASAN Pembangunan Pondok Malaysia mempersoal sejauhmana kesungguhan dalam usaha mengelak tragedi kebakaran pusat tahfiz terus berulang apatah lagi jika melibatkan tokoh agama terkenal dan ahli parti politik.

Ketua Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarahnya, Juhaidi Yean Abdullah berkata, undang-undang dan peraturan berkaitan operasi pusat tahfiz termasuk pendaftaran dan penguatkuasaan perlu diteliti semula.

Syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Pondok dan Tahfiz seluruh negara pada 1989, ujarnya, hingga hari ini tidak dilaksanakan.

"Sebabnya, ia hanya cadangan. Untuk melaksanakannya, siapa nak pastikan ia dibuat? Andai dibuat ada 'legal standing' atau undang-undang diambil jika tidak dibuat? Persoalannya, adakah kita berani?"

"Contoh, sekolah pondok dan

tahfiz tidak berdaftar milik ulama terkenal dan ahli parti politik, adakah kita berani ambil tindakan?"

"Kita sebenarnya hanya hangat-hangat tahi ayam selesai kan sesuatu perkara. Hakikatnya, saya berani berkata kejadian sama terus berulang kerana mereka hanya berjanji. Ini yang berlaku," dipetik daripada wawancara beliau baru-baru ini.

Menurutnya, tahap kesedaran warga pondok, madrasah dan sekolah agama mengenai keselamatan kebakaran tidak banyak berubah walaupun sudah berlaku 34 kes kebakaran di sekolah pondok dan tahfiz pada tiga bulan pertama tahun ini.

Juhaidi memberitahu kes tersebut sahaja menyebabkan kerugian RM1.4 juta manakala 93 kes dengan kerugian RM7.4 juta (2016) dan 88 kes dengan kerugian RM7.2 juta pada 2015.

Perkasakan sekolah tahfiz, kerajaan kena bantu

Sekolah atau maahad tahfiz di negara ini perlu dilakukan pemerksaan secara keseluruhannya dari sudut infra dan kurikulum, kata Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad.

Katanya tragedi yang berlaku kepada Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur baru-baru ini yang mengorbankan 23 pelajar dan guru perlu menjadi pengajaran.

Katanya, dari sudut infra perlu tentukan semua keperluan piawaian dipatuhi lebih-lebih lagi yang ada asrama penuh.



Khalid Samad

"Aspek-aspek keselamatan dan kesihatan serta suasana persekitaran perlu dijaga," katanya.

Bagi beliau, langkah sesetengah pihak menggunakan alasan agama untuk melepaskan diri dari bertanggungjawab perlu dielakkan.

"Jangan digunakan alasan keagamaan untuk melepaskan diri dari tanggung-jawab penyediaan infra yang selamat dan terbaik bagi anak murid," katanya.

Beliau mencadangkan, kurikulum tahfiz perlu ada dasar bahawa sekolah-sekolah agama dan tahfiz akan menyediakan laluan untuk ke

pendidikan arus perdana atau latihan kemahiran atau profesional.

"Langkah ini perlu supaya mampu menghasilkan hufaz yang boleh berdikari," kata ahli parlimen Shah Alam itu.

Bagi beliau, matlamat sebalik pendidikan agama dan tahfiz semestinya adalah untuk menghasilkan tenaga kerja yang beragama dan bertaqwa.

"Kita inginkan doktor perubatan, jurutera, pegawai tadbir dan perniagaan yang hafiz dan celik agama. Tidak sekadar hafiz yang mempunyai punca rezeki melalui

hafazannya semata-mata. Atau ilmu agamaannya sebagai satu mata pencariannya," katanya.

Katanya, bagi mencapai pemerksaan ini, usaha seperti Smart Tahfiz di Kelantan dan Selangor boleh digunakan sebagai panduan.

"Kerajaan perlu menggembel-lingkan tenaga bersama pengamal Maahad Tahfiz swasta yang sedang berkembang pesat dewasa ini untuk menentukan visi yang mantap dan sempurna terhadap pendidikan tahfiz dan agama tercapai. Bantuan kewangan dan kepakaran perlu disediakan," katanya.

Katanya, penglibatan oleh kerajaan dari sudut kewangan dan kepakaran ini juga boleh membendung kefahaman ekstrimisme dari menular ke dalam institusi pendidikan tahfiz dan agama.

"Kerajaan mesti melihat usaha swasta untuk menyediakan sekolah-sekolah ini sebagai satu sumbangan yang perlu dibantu.

"Segala usaha mempolitikkan usaha ini perlu dielak," tegasnya.

35 peratus pusat tahfiz tidak berdaftar

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memberitahu 329 atau 35 peratus daripada 941 pusat tahfiz yang diperiksa susulan tragedi ngeri di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur pada 14 September lalu adalah tidak berdaftar.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim dilapor berkata, laporan hasil pemeriksaan ke atas kesemua pusat tahfiz terbabit akan disiapkan dalam tempoh sebulan dan maklum balas kepada Kabinet akan diberi dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, pemeriksaan pematuhan aspek piawaian

keselamatan ditetapkan sukar dibuat ekoran tiada maklumat lengkap berhubung jumlah sebenar pusat tahfiz tidak berdaftar.

"Tiada dalam rekod JAIN (Jabatan Agama Islam Negeri) dan ia memerlukan masa bagi mengenal pasti tahfiz berkenaan," dipetik daripada kenyataannya pada 26 September lalu.

Kabinet pada 22 September lalu memutuskan supaya JBPM memeriksa semua maahad tahfiz di seluruh negara untuk memastikan keselamatan pusat pengajian itu memenuhi piawaian ditetapkan ekoran

kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang meragut 21 murid dan dua tenaga pengajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dipetik berkata, pusat tahfiz yang gagal mematuhi peraturan keselamatan diberi tempoh untuk mempertingkatkan aspek itu atau diarah menghentikan operasi jika terus mengabaikannya.

Kira-kira 150,000 pelajar tahfiz terdapat di seluruh negara dengan sebahagian besar pusat pengajaran mereka terdedah kepada bahaya apabila beroperasi tanpa kelulusan aspek keselamatan bomba.

Mengulas lanjut, Wan Mohd Nor berkata, perkara asas keselamatan bagi sesebuah premis ialah memastikan penghuni dapat keluar masuk bangunan dengan selamat bagi mengelak masalah ketika kecemasan.

"Kita dapati ada bangunan tiada laluan tangga kecemasan serta aspek keselamatan lain. Aspek keselamatan di pusat tahfiz lebih terjamin dengan syarat tiada pengubahsuaian pelan asal yang sudah diluluskan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menasihati pengurusan pusat tahfiz dan sekolah pondok agar bertanggungjawab memastikan penghuni premis mereka berada dalam keadaan selamat kerana hal tersebut ama-

nah penjaga atau waris penghuni di situ.

"Islam mendidik umatnya utamakan keselamatan, misalnya kita ditegah mendekati tempat berisiko mengancam nyawa dan berbahaya.

"Wajarlah mereka (pengurusan pusat tahfiz) menitikberatkan aspek keselamatan seiring dengan apa yang dianjurkan agama," ujarnya.

Tegasnya, kebakaran meragut nyawa adalah satu pengajaran besar yang tidak patut berulang.

"Kita enggan terima masyarakat cuai dan abaikan keselamatan dan risiko terhadap kebakaran seperti tiada apa yang berlaku, selepas ini," tambahnya lagi.

Majoriti pusat tahfiz, sekolah pondok bahaya

SEBAHAGIAN besar pusat tahfiz dan sekolah pondok di seluruh negara gagal mematuhi piawaian keselamatan bangunan selain tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Paling ketara di **KELANTAN** apabila lebih 98 peratus atau 160 daripada 163 sekolah pondok di negeri itu tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki (CF) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan.

Bagaimanapun, Pengarah JBPM Kelantan, Nazili Mahmood dilapor berkata, 146 sekolah pondok mempunyai surat sokongan dari jabatan itu selepas pemilik premis melakukan pengubahsuaian struktur bangunan selain memperbaiki sistem pendawaian elektrik.

Kesemua premis yang memperoleh surat sokongan JBPM itu berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Di **TERENGGANU**, sebanyak 25 pusat pengajian Islam dikesan tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dengan 14 daripadanya sekolah pondok atau madrasah manakala masing-masing tiga bagi Sekolah Agama Rakyat (Rendah dan Menengah) serta Sekolah Rendah Agama (SRA)

Negeri.

Selain itu, dua SRA Swasta dan masing-masing satu bagi maahad tahfiz swasta, Sekolah Menengah Agama (SMA) Swasta dan SRA Rakyat.

JBPM Terengganu pula setakat 17 September lepas telah memeriksa 12 daripada 47 pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam).

Pihak JBPM negeri itu mendapati beberapa premis yang diperiksa gagal mematuhi sistem keselamatan kebakaran terutama dari segi laluan keluar ketika kecemasan selain alatan pemadam kebakaran yang perlu diservis dengan baik.

Dalam hal berkaitan, JBPM Terengganu dalam pemeriksaan di Maahad Tahfiz Ar-Rahmah, Kampung Paloh, Sungai Kiat di Kuala Terengganu pada 17 September lalu mengarahkan susunan kerusi meja diubah agar pelajar dapat keluar dengan cepat jika berlaku kecemasan.

Di **KEDAH**, terdapat 147 buah pusat tahfiz, pondok serta sekolah agama rakyat berdaftar dengan JBPM. Namun, kira-kira 80 peratus daripada 118 premis tersebut yang diperiksa gagal mematuhi aspek keselamatan kebakaran.

Teguran bertulis telah dikeluarkan kepada premis terbabit

sehingga Julai lalu antaranya kerana tidak mempunyai alat pemadam api, sistem gelung hos, pengesanan api automatik, penggera kebakaran elektrik manual, tangga kedua, tanda keluar kecemasan dan lampu kecemasan.

Di **PERAK**, 49 daripada 64 pusat tahfiz di negeri itu telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) setakat pertengahan September lalu ekoran program pemutihan sejak awal tahun ini.

Sebanyak 15 lagi premis yang tidak berdaftar itu dikesan selepas JAIPK turun padang dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Di **SELANGOR**, terdapat 104 pusat tahfiz dan sekolah pondok dengan 104 daripadanya telah diperiksa semula 21 oleh JBPM negeri sejak 21 September lalu.

Walau bagaimanapun, majoriti daripada premis yang diperiksa itu didapati masih mempunyai hanya satu pintu keluar jika kecemasan sama seperti kes di Kampung Datuk Keramat.

JBPM Selangor pada 26 September lalu mendedahkan premis terbabit juga tidak sempurna sistem pendawaian dan tiada alat pemadam api.

Di **NEGERI SEMBILAN**, terdapat 148 sekolah aliran agama berdaftar di seluruh negeri itu. Dalam pemer-

iksaan mengejut sehari selepas tragedi Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di ibu negara, JBPM mendapati asrama di sebuah pusat tahfiz terlalu sempit.

Murid dan warden di sebuah pusat tahfiz di Seremban itu juga didapati tidak mengetahui di mana kunci pintu menghubungkan bilik asrama dengan tangga kecemasan disimpan.

Di **MELAKA**, 72 peratus atau 38 daripada 53 sekolah agama swasta di negeri itu membabitkan seramai 3,115 pelajar berisiko terdedah bahaya apabila tidak menepati piawaian pelan keselamatan bangunan.

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dilapor berkata, jumlah tersebut merangkumi 14 sekolah agama di daerah Melaka Tengah dan masing-masing 12 di Alor Gajah dan Jasin.

Pada mesyuarat bersama 53 wakil pihak pengurusan sekolah agama swasta di bawah Institusi Pendidikan Islam Swasta (IPIS) pertengahan Ogos lalu, MAIM mendapati hanya 11 sekolah termasuk sembilan pusat tahfiz dan dua sekolah menengah Islam swasta lulus berdaftar sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, empat lagi tidak mengisi borang untuk tindakan pendaftaran selanjutnya. Dalam perkembangan berkaitan, Madrasah Pondok Darul Muttaqim di Krubong menjadi pusat tahfiz pertama di Melaka menubuhkan Skuad Bomba Pondok yang dilancarkan pada 6 Mei lalu.

Di **JOHOR**, terdapat 19 pusat pengajian Islam swasta masih be-

lum berdaftar seperti didedahkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dua hari selepas tragedi kebakaran maut menjelang Subuh di Kuala Lumpur itu.

Daripada jumlah itu, 15 adalah madrasah tahfiz manakala masing-masing dua SMA Swasta dan SRA Swasta.

Berbeza dengan negeri lain, **PERLIS** menyaksikan kesemua 12 pusat tahfiz yang berdaftar dengan pihak JBPM selamat dan memenuhi piawaian ditetapkan berikutan struktur bangunan yang sama seperti sekolah

kebangsaan.

Bagi membolehkan sistem keselamatan di maahad tahfiz ditingkatkan, pemilik pusat pengajian itu di seluruh negara diseru mengemukakan pelan premis masing-masing kepada pihak bomba.

Dalam hal berkaitan, Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod berkata, pemilik pusat tahfiz antara pihak yang boleh didakwa mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksan menyebabkan kematian secara cuai.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada: luqman.malaysiadateline@gmail.com

Sebelum 10 Oktober 2017

Tawaran Baru Sabah ambil kira Perjanjian Malaysia

KUALA LUMPUR: Manifesto Pakatan Harapan (PH) yang dirangka khusus untuk Sabah kali ini lebih mantap dan jitu dalam menyentuh keperluan dan aspirasi rakyat Sabah, kata Pengerusi PH negeri Christina Liew.

Christina berkata, manifesto "Tawaran Baru Untuk Sabah dan Sarawak" itu mengambil kira hakikat rakyat di dua negeri itu masih ketinggalan berbanding Malaysia Barat dalam pelbagai

bidang, lapor FMT.

Tawaran baru itu akan dimasukkan dalam manifesto gabungan pembangkang peringkat nasional dan manifesto untuk kedua-dua negeri itu.

"Pelancaran manifesto ini di peringkat pertama. Manifesto penuh akan didedahkan selepas Parlimen dibubarkan kerana jika kami bentang sekarang nanti mungkin ada orang tiru manifesto kami," katanya.

Menurut Christina,

manifesto Sabah meletakkan lima isu teras iaitu hak tadbir urus negeri, hak minyak dan gas yang adil, pembangunan prasarana dan industri, dan pembangunan pendidikan dan sumber manusia.

Tawaran baru itu katanya mesti dijamin melalui reformasi struktur dan tadbir urus bersandarkan kepada Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan.

PH pernah menggunakan nama 'Tawaran Baru' untuk manifesto pilihan raya sebelum



Christina Liew

ini dan kebanyakan janji yang termuat dalam manifesto terdahulu turut dimasukkan.

Christina bagaimanapun berkata manifesto yang akan dibentang kali ini lebih besar dan mengambil kira tuntutan rakyat Sabah yang mahukan lebih banyak hak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

"Perkara yang kami percaya penting untuk Sabah dalam Manifesto Pilihan Raya 2013 itu kami ambil dan ubah," katanya.

Beliau berkata manifesto khas untuk Sabah dan Sarawak menunjukkan gabungan pembangkang memberi

perhatian khas kepada rakyat dua negeri itu.

Bagi menyediakan manifesto itu, aktivis PH kata Christina turun padang dan menemui pelbagai pihak untuk memahami masalah dan isu mereka.

"Saya percaya BN tidak tahu apa yang rakyat mahukan. Mereka hanya tahu kemahuan sendiri. Mereka mahu beli 25 pesawat Boeing tetapi tidak tahu kita perlukan jambatan dan bekalan air di kampung-kampung," katanya.

Sejak bila pegawai kerajaan campuri urusan politik?

Oleh HUSEIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Menjawab lima soalan pegawai khas isteri Perdana Menteri berhubung Invoke, Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli mengemukakan pertanyaan balas kepada Datuk Seri Rizal Mansor; "Sejak bila pegawai kerajaan dibenarkan mencampuri urusan politik?"

Menurut Rafizi, semakan dengan Jabatan Perdana Menteri menunjukkan Rizal berpangkat Ketua Penolong Pengarah (KPP), Bahagian Khas, Pejabat Perdana Menteri dan gred perjawatan beliau boleh disahkan dari senarai rasmi perjawatan kerajaan bagi Bahagian Khas, Pejabat Perdana Menteri.

"Sebagai pegawai kanan kerajaan bergred M48 iaitu di dalam kumpulan pengurusan, Datuk Seri Rizal Mansor adalah tertakluk kepada Peraturan 21 (I), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, yang menetapkan bahawa

“Jika beliau dibiarkan berkelakuan begini, ia menimbulkan keadaan tidak adil jika ada penjawat awam yang lain juga bergiat aktif di dalam politik tetapi diambil tindakan,”

pegawai awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik," ujarnya.

Rafizi turut merujuk pekililing dikeluarkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Ismail Adam bertarikh 6 April 2009.

Sehubungan itu beliau hairan mengapa Rizal secara terbuka telah berkempen dan menyertai kegiatan-kegiatan politik yang antaranya berkempen secara rasmi bagi pihak BN dalam pilihan raya kecil (PRK) Kuala Kangsar tahun lalu; merasmikan mesyuarat agung tahunan Pemuda

Umno Kelana Jaya; dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan politik dari semasa ke semasa termasuklah kenyataan terbaru berhubung Invoke.

"Oleh yang demikian, saya akan berbincang dengan rakan-rakan peguam untuk mengambil langkah membuat aduan rasmi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atas pelanggaran terang-terangan kepada satu peraturan utama penjawat awam yang sering digunakan untuk menghukum penjawat awam yang simpati kepada pembangkang selama ini," tegas Rafizi yang juga Naib Presiden Keadilan.

Beliau juga akan membuat pelbagai tindakan susulan termasuk melalui parlimen untuk memastikan tindakan tatatertib diambil ke atas

Rizal yang memperlekehkan peraturan membabitkan penjawat awam.

"Jika beliau dibiarkan berkelakuan begini, ia menimbulkan keadaan tidak adil jika ada penjawat awam yang lain juga bergiat aktif di dalam politik tetapi diambil tindakan," katanya.

Menurut Rafizi, walaupun lima soalan yang ditanya Rizal adalah satu 'serangan politik' bertujuan menunjukkan beliau 'mencuri wang' melalui satu pertubuhan sukarelawan pilihan raya iaitu Invoke, beliau tetap menghormati hak setiap rakyat untuk mendapatkan maklumat mengenai tatakelola kewangan Invoke.

Dalam kenyataan medianya itu, Rafizi turut menjawab soalan Rizal berhubung sumber kewangan Invoke, isu sukarelawan, pelaburan wang ASB dan Tabung Haji miliknya ke dalam Invoke, sewa pejabat Invoke di seluruh negara, serta gaji, caruman Perkeso dan KWSP kakitangan Invoke.

Kesemua jawapan Rafizi berhubung isu-isu dibangkitkan pembantu khas

isteri Perdana Menteri itu disertakan dengan dokumen berkaitan dan boleh dicapai di internet.

"Saya telah menjawab secara terperinci setiap soalan yang ditanyakan. Saya lakukan ini dengan hati yang terbuka kerana saya yakin jika kita tidak menyeleweng, jika kita tidak pecah amanah, kita tidak perlu takut kepada sesiapa untuk berlaku telus.

"Oleh kerana saya telah berlaku setelus-telusnyanya dengan setiap perkara yang dibangkitkan, maka wajarlah Datuk Seri Rizal menasihati Datin Seri Rosmah dan Datuk Seri Najib untuk turut berlaku telus seperti saya dalam urusan kewangan dan kerja-kerja politik saya," tegas beliau.

Sehubungan itu, Rafizi berjanji akan mengusulkan soalan-soalan balas kepada Najib dan Rosmah dalam masa terdekat sebagai membalas inisiatif Rizal yang menuntut ketelusan beliau dalam hal ehwal kewangan Invoke.

Ahli Parlimen Subang yakin kakitangan difitnah

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Subang Sivarasa Rasia mendakwa ada usaha terancang untuk memerangkap tiga kakitangannya sehingga ditahan reman empat hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah daripada seorang warga Bangladesh.

Tiga kakitangan tersebut ialah petugas di pusat khidmat beliau di Kota Damansara iaitu Joshua Kalaiselvan, Nico Cam dan Setiausaha Politikanya Naveen Kularasan.

"Saya tahu kakitangan saya

dengan baik terutama Naveen yang juga anak saudara saya. Saya mempunyai keyakinan penuh terhadap integriti mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Sivarasa berkata siasatan itu berikutan dakwaan rasuah melibatkan seorang usahawan Bangladesh yang menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan permit pekerja Bangladesh seperti yang dibangkitkan beliau pada sidang akhbar 9 Ogos lalu.

"Saya dimaklumkan bahawa Monomiah (warga Bangladesh terbabit) telah mendapat permit

kerja kategori profesional (professional category work permits) untuk pekerja-pekerja Bangladesh dengan menggunakan dokumen-dokumen palsu.

"Pekerja-pekerja ini yang dibawa masuk menggunakan permit pekerja profesional ini kemudian ditempatkan di hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang di Kuala Lumpur sebagai pekerja am.

"Maklumat berkaitan kegiatan ini diberikan kepada saya oleh seorang warga Malaysia bernama Mohd Tahir Faizal yang juga hadir di sidang akhbar tersebut," terangnya.

Justeru kata beliau pada 24 Ogos lalu, beliau telah menghantar sepucuk surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen bersama lampiran kenyataan media dan dokumen berkaitan serta meminta temu janji untuk membincangkan isu tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Majistret Maizatul Munirah Abd Rahman membenarkan reman selama empat hari terhadap tiga lelaki tersebut yang berakhir 25 September.

Menurut peguam Paul Paulsen, mereka disiasat di bawah Seksyen

16(a) Akta SPRM.

Mohamad Tahir turut ditahan dan diiringi ke balai polis bersama tiga kakitangan Sivarasa.

"Saya mempercayai kakitangan saya telah difitnah dan dijadikan mangsa komplot oleh individu-individu yang terlibat dengan isu yang saya bangkitkan di sidang akhbar tersebut," katanya.

Walaupun Sivarasa kecewa dengan penahanan itu, beliau akan bekerjasama dengan pihak berkuasa dan berharap siasatan akan dijalankan secepat mungkin.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Berpada-padalalah bermain angka dan indeks, Najib!

MENDEKATI garis penamat penggal parlimen ke-13 ini, rakyat akan menemui pelbagai perkara 'ajaib dan anih'. Jangan terlalu terpukau sangat dengan 'silap mata' yang cuba dipergakan oleh orang politik khususnya penguasa politik. Tak kira sama ada dari BN mahu pun pembangkang termasuk dari Pakatan Harapan. Perlu dinilai secara kritis semuanya, supaya jangan acap-acap kali tertipu.

Sedikit waktu dahulu media melaporkan Malaysia ditangga ke-42 'Negara Bahagia' atau 'Happiest Country' di dunia. Namun masih di belakang Singapura (26) dan Thailand (32).

Juga dipergakan kedudukan universiti-universiti di Malaysia dalam indeks dan 'ranking' di dunia. Berkebetulan lima universiti awam tempatan tersenarai dalam senarai '300 top universities'.

Namun seorang Ahli Parlimen Pakatan Harapan mengingatkan kerajaan supaya jangan terlalu asyik dengan penilaian indeks 'QS World University Ranking' itu kerana badan penilai ini tidak mementingkan hasil penyelidikan 'Research Output' yang menjadi ukuran utama sesebuah universiti. Tatkala penilaian dibuat dengan menghitung 'hasil research' oleh badan seperti Times Higher Education (THE), tidak satu pun lima universiti awam tadi mendapat apa-apa kedudukan dalam "Top 300 Universities". Malang!

Mutakhir ini macam-macam 'indeks' atau 'ukuran' akan disajikan kepada rakyat sebagai bukti untuk memperagakan kejayaan kerajaan Najib. Yang penting buat rakyat, apa pun kata pemimpin atau media, soal besarnya adalah, "Apakah nasib dan kehidupan rakyat semakin baik atau lebih buruk?" Saya petik beberapa contoh sahaja secara selektif.

Indeks Harga Rumah Global Knight-Frank, dua hari lalu mendedahkan bahawa Malaysia di tangga ke-28, menokok 4 mata dari kedudukan 32 pada suku pertama tahun 2017 ini.

Kenaikan kedudukan ini dikatakan dibantu oleh kenaikan harga rumah sebanyak 5.3% dalam 12 bulan yang lalu. Dari 55 negara yang dipantau, Singapura berada di tangga kedua corot kerana mengalami penguncupan dan bukan peningkatan harga rumah. Buat rakyat teramai tentunya maklumat ini membebaskan. Namun yang membeli rumah sebagai aset pelaburan pastinya boleh tersenyum lebar.

Pun begitu, saya ingin memetik dari Bernama (16 Ogos 2017, dlm BI) atas tajuk 'Konsultant: Jurang Ketara antara Harga Hartanah (Rumah) dan Keupayaan'. Laporan itu mendedahkan kenyataan dibuat beberapa perunding hartanah yang menegaskan bahawa 'kadar kenaikan harga rumah dan hartanah adalah lebih tinggi dari kadar kenaikan pendapatan (income) pekerja di pasaran buruh'.

Apabila sentimen serta kuasa membeli pengguna atau rakyat terjejas akibat pendapatan yang mengalami kenaikan yang kecil dan 'ditelan' oleh inflasi atau kenaikan kos sara hidup dan barangan, tidak munasabah untuk mendapat laporan kenaikan tentang peningkatan perbelanjaan isi-rumah (domestik) dalam pertumbuhan suku pertama dan kedua.

Pertikaian ini dibangkitkan oleh kolumnis dalam majalah berwibawa seperti The Edge. Tambah mereka lagi, tatkala data dari institusi kewangan seperti bank menunjukkan 'kadar penolakan permohonan pinjaman rumah dan kereta tinggi', kerana pemohon tidak memenuhi syarat atau mudahnya tidak layak, masakan boleh pertumbuhan atau peningkatan dipacu oleh perbelanjaan isi-rumah atau domestik?

Kata mereka secara sinis, data-data ekonomi rasmi ini semakin menjadi macam cerita 'Alice in Wonderland'... semakin pelik atau

'getting curiuser and curiuser'!

Pastinya yang akan digembar-gemburkan pihak media BN dan PM Najib paling terkini adalah 'Global Competitiveness Indeks' (GCI) yang dikeluarkan oleh badan 'World Economic Forum' (WEF). Setelah mengalami kejatuhan tujuh mata tangga tahun lalu, Malaysia menokok dua mata tahun ini dengan kedudukan di tangga 23 dari 25 tahun lalu. Sejumlah 137 negara dinilai dalam 12 'tunggak' atau 'pillars' penting seumpama institusi, infrastruktur, persekitaran makro-ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

Soal besar yang ditanya para penganalisis kepada pemimpin negara adalah mampukah prestasi ini dipertahankan?

Soal besar yang mahu ditanya rakyat kepada penguasa politik negara adalah, "Sejauh mana hidup mereka lebih baik hari ini dengan indeks GCI ini?"

Pengakuan Gabenor Bank Negara baru-baru sangat berani. "Wujud 'jurang atau kesenjangan' antara data-data yang baik dan memberangsangkan ini dengan realiti kehidupan rakyat," tegasnya.

Sama ada lonjakan pelbagai indeks dan seaneka angka pertumbuhan dan ekonomi, pokoknya rakyat tetap dan terus terbeban dengan kos sara hidup akibat 'pukulan maut' yang dikenakan ke atas rakyat serentak yakni penarikan subsidi barang asas dan cukai songsang (regresif) GST yang mencekik rakyat selagi ada matahari dan bulan.

Walau pun CPI (Indeks Harga Pengguna) melonjak ke paras 3.7% di bulan Ogos berbanding 3.2% pada Julai, rakyat lebih tahu hakikat kenaikan harga barang di pasar basah dan kering dan di mana pun pasaraya dan mall yang mereka pergi.

Muram dan suram ini bukan sahaja menyalubungi rakyat sebagai pengguna tetapi



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

juga golongan peniaga dan usahawan. Telefon tidak lagi diangkat, kedai juga kerap tutup, pekerja diminta bercuti atau berhenti sementara hutang pihak kreditor terus melilit pinggang.

Pihak korporat dan konglomerat juga sakit, namun lebih parah. Tahun lalu Sept 2016, Mydin Holding Bhd melaporkan kerugian pertama dalam 57 tahun pengalaman perniagaan mereka.

Dalam suasana serba getir dan gusar ini, Najib dan Putrajaya berpada-padalalah bermain dengan angka dan indeks. Sebab rakyat masih menuntut berbilion dana 1MDB yang disonglap dan mutakhir ini berbilion dollar pula dana KWSP dan Khazanah dilaburkan untuk memberi pekerjaan kepada rakyat Amerika!

Sementara itu graduan anak bangsa terpaksa cuci tandas, menjadi jurujual atau juruwang di 7-Eleven atau SpeedMart. Juga ada yang terpaksa berhijrah mengutip buah di luar negara atau cari pekerjaan untuk kelangsungan kehidupan, sekaligus meneruskan fenomena 'brain drain' yang kronik akibat kegagalan kerajaan menjana pekerjaan yang munasabah dan bermaruah untuk anak-bangsa!

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Selepas KR1M, apa lagi projek 1Malaysia bakal 'bungkus'?

Oleh **M.NOOR HASLAM**

SUDAH masuk minggu kedua Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 'bungkus' akibat isu pengurusan dalaman apabila kontrak pengendalinya Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin) ditamatkan – dikatakan Mydin menjual barang lebih mahal dari pasaran.

Akibat penamatan kontrak itu, sebanyak 185 premis KR1M seluruh negara terpaksa tutup kedai sementara waktu sebelum KR1M 2.0 dilancarkan tahun hadapan kata menteri.

KR1M adalah projek yang diilhamkan sendiri oleh Perdana Menteri Najib Razak dan dilancarkan pada Jun 2011, dua tahun selepas Najib memperkenalkan gagasan 1Malaysia dan terdapat sekitar 250 barangan runcit dijual di KR1M.

Apabila KR1M ditutup dan proses pemulangan barang dijalankan, sudah tentu ia akan melibatkan kos-kos tambahan seperti penyewaan yang terpaksa ditampung oleh kerajaan. Sudah tentulah juga kerajaan terpaksa pula menggagau duit lain untuk menanggung perbelanjaan itu.

Dan sudah tentu, kalaulah saya pengasas KR1M, saya akan rasa malu. Apa tidaknya, KR1M sebagai salah satu pesaing rangkaian kedai-kedai runcit seluruh Malaysia yang mendapat sokongan kerajaan sudah tutup kedai. Masa yang sama, rangkaian 'kedai-kedai Aceh dan Bangladesh' yang sedia ada terus maju.

Penutupan sementara KR1M tidak akan terhenti setakat ini. Ia juga bukanlah hal antara Mydin dan KR1M semata-mata. Apa yang lebih penting, ia merupakan bukti kegagalan pengurusan produk-produk 1Malaysia Najib.

Persoalannya, adakah selepas ini produk-produk 1Malaysia yang lain seperti Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Program Susu 1Malaysia (PS1M); Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma) dan banyak lagi akan mengalami kegagalan?

Apa jadi dengan skim Menu Rakyat 1Malaysia yang digembar-gemburkan sebelum ini? Apa prestasinya, apa ceritanya?

Kita tidak mahu produk 1Malaysia yang



kononnya mahu meringankan beban rakyat sekadar memenuhi keperluan penjenamaan semula BN – Najib.

Lebih menakutkan, gagasan 1Malaysia

Najib yang didakwa sebagai pengukuh semangat perpaduan rakyat pelbagai kaum negara ini terus dibayangi kegagalan. – Rokatini.com

Janji BN kepada peneroka sukar ditunai

BANDAR PUSAT JENGAH: Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan ketulusan janji Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terhadap peneroka Felda termasuk pengumuman insentif pada sambutan Hari Felda Julai lalu yang masih belum tertunai.

"Dia (Najib) janji RM5,000 ataupun RM10,000 tapi adakah dia mampu untuk bayar? Dia boleh janji apa saja kerana dia nak undi. Tapi tuan-tuan semua cuba fikir, siapa yang akan bayar?" soalnya ketika berucap pada siri ceramah Semarak Kasih Felda dekat sini, baru-baru ini.

Tambah Tun Mahathir, janji Najib kepada peneroka Felda bermula ketika pentadbirannya memutuskan untuk menubuhkan Felda Global Ventures Holdings (FGV) pada 2012 dan menyenaraikannya dalam pasaran saham.

"Bila dia nak senaraikan pada bursa dia janji kepada peneroka semua kalau harga saham naik dari RM4 kepada RM10, semua kamu akan jadi jutawan.

"Sejumlah 77,934 keluarga peneroka membuat pinjaman lebih daripada RM3,600 bagi membayar 800 unit saham FGV pada 2012. Setiap bulan RM50 akan ditolak untuk membayar pinjaman itu," jelas beliau.

Bagaimanapun tambah beliau, harga saham FGV jatuh men-



Para pemimpin PH menunjukkan isyarat bagus kepada hadirin.

dadak daripada RM4.55 seunit kepada RM1.66 seunit namun kerajaan pimpinan Najib sudah berikrar untuk melangsaikan hutang peneroka yang membuat pinjaman bagi membeli saham itu.

"Tapi tengok la harga saham sekarang. Siapa yang betul-betul dapat kelebihan daripada FGV?" soal Tun Mahathir.

Bekas Presiden Umno itu juga menasihati peneroka supaya berfikir dengan mendalam sebelum menyokong BN walaupun ditawarkan dengan wang ringgit.

"Kerana kalau kita jual undi kita, nescaya Malaysia akan bertambah rosak dalam lima tahun kemudian kerana kerajaan yang kita ada dipimpin pencuri," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Orang ramai tidak berganjak untuk mendengar ceramah para pemimpin Pakatan Harapan walaupun hujan turun dengan lebat.

Turut berucap Presiden Persekutuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman, Pengerusi Keadilan negeri Datuk Fauzi Abdul Rahman dan bekas menteri kabinet Tan Sri Sanusi Junid.

Hadir sama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi AMANAH Pahang Dr Hamzah Jaafar.

Ceramah anjuran PH itu adalah usaha terbaru untuk meraih undi di Felda, kawasan pembangunan tanah terbesar negara yang mempunyai 54 kerusi Parlimen.

Ia juga ceramah pertama di kawasan Felda selepas Najib mengumumkan pakej insentif pada sambutan Hari Felda, Julai lalu.

Pakej yang diumumkan itu ter-



Orang ramai tidak berganjak walaupun hujan turun dengan lebat.



Mazlan sedang berucap sambil diikuti penuh minat Tun Mahathir.

masuklah bonus khas bernilai RM5,000 yang sepatutnya disalurkan pada hujung Ogos untuk 95,956 keluarga berjumlah RM474.78 juta dan pelbagai insentif lain untuk membantu melangsaikan hutang peneroka.

Antaranya adalah pelangsaan hutang sebanyak RM5,000 untuk setiap peneroka yang memilih

melakukan penanaman semula dengan Felda. Sejumlah RM519 juta diperuntukkan untuk insentif ini.

Geran bernilai RM300 juta juga diberikan untuk pelangsaan hutang pinjaman yang diambil peneroka bagi melakukan penanaman semula tanah mereka.

Anak gesa Felda berhijrah, lakukan perubahan total

KUALA LUMPUR: Sempena sambutan tahun baru Hijrah, Persekutuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) menggesa Felda melakukan perubahan menyeluruh bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi agensi pembangunan tanah negara tersebut.

Presidennya Mazlan Aliman menyenaraikan empat perkara yang perlu dinilai semula kerajaan dan pihak pengurusan tertinggi Felda iaitu adakah Felda Global Ventures (FGV) mesti dikekalkan; kewujudan kelompok peneroka yang 'bersama Felda' dan 'tidak bersama Felda'; perancangan strategik mengurangkan beban hutang peneroka yang sebahagiannya mencecah RM100,000; dan nasib Gen 2&3 Felda yang terawang-awangan di rancangan-ancangan Felda.

"Felda ditubuhkan pada tahun 1956, dengan matlamat menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Tanah seluas 508,000 hektar kebanyakannya di tanam sawit dan getah, berjaya menempatkan 112,635 orang peneroka Felda (95 peratus Melayu) di 317 Felda di seluruh negara.

"Pada tahun 1990, ladang (Felda Plantation) seluas 360,000 hektar diwujudkan, ditanam kelapa sawit sebagai sumber pendapatan utama Felda, dengan perolehan lebih RM1 bilion setahun," ujar Mazlan mengungkap sejarah penubuhan Felda.

Bagi beliau, bekas perdana menteri Tun Abdul Razak Husein dan Tun Dr Mahathir Mohamad akan dikenang sebagai Perdana Menteri yang cukup berjasa kepada warga Felda apabila menggagaskan penubuhan Felda dan mewujudkan Felda Plantation.

Bagaimanapun, tambah beliau, penyenaraian FGV di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012 adalah tragedi hitam yang hampir memusnahkan kesejahteraan dan

kedamaian warga Felda.

Ekoran daripada itu, Felda Plantation yang menyumbang hampir 75 peratus pendapatan Felda telah dipajak kepada FGV selama 99 tahun!

Mazlan yang juga ahli jawatankuasa AMANAH Nasional membangkitkan kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim bahawa kerugian pelaburan Felda dalam FGV telah mencecah RM2.06 bilion.

"Ia belum mengambil kira kerugian ditanggung oleh Tabung Haji, KWSP dan KWAP (kerana membeli saham FGV). Ia wang caruman rakyat jelata," ujarnya.

Beliau turut mempersoalkan manfaat yang diperolehi Felda dari penyenaraian FGV di Bursa Malaysia sedangkan menerusi perjanjian pajakan, FGV perlu membayar Felda RM508 juta setahun.

"Adakah (terma perjanjian ini) disempurnakan?" soal Mazlan.

Beliau turut mempersoalkan ke mana dana RM6 bilion diterima Felda hasil

penyenaraian FGV dibelanjakan setelah RM1.7 bilion diagih kepada peneroka menerusi 'durian runtuh'.

"RM4.3 bilion lagi dilabur ke mana dan apa manfaatnya untuk peneroka Felda? Yang pasti Felda sedang berdepan dengan krisis kewangan yang parah!" ujarnya.

Menurutnya, apabila Perdana Menteri mengumumkan enam insentif buat peneroka yang bernilai lebih RM1 bilion, peruntukan itu datang daripada sumber Felda yang pastinya akan memberi kesan kepada peneroka.

"Justeru Hijrah menuntut perubahan dari kesedaran para peneroka dan masyarakat Felda sendiri. Jangan dibuai dengan keseronokan beroleh RM5,000 tetapi merana sepanjang hayat," pesan beliau.

Sehubungan itu Mazlan menyeru warga Felda di 54 kerusi parlimen agar melakukan perubahan dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Felda, PTPTN, KR1M lebih perlukan dana

KUALA LUMPUR: Dana berbilion ringgit yang mahu dibelanjakan Perdana Menteri untuk 'mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat' lebih bermanfaat digunakan bagi keperluan dalam negara yang mendesak, kata Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang.

Dalam satu kenyataan media, Kit Siang menasihati Datuk Seri Najib Razak supaya menggunakan dana berjumlah RM60 bilion itu untuk mengukuhkan ekonomi negara dan bukan untuk memangkinkan ekonomi

negara maju dan kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat.

"Bermacam-macam cara boleh dilakukan untuk membantu rakyat Malaysia dengan dana sebesar itu.

"Sebagai contoh membantu Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang terpaksa ditutup sementara, membantu 100,000 peneroka Felda yang menghadapi krisis ekonomi atau 700,000 graduan yang gagal membayar hutang PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara)," ujarnya. Menteri Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainuddin baru-baru ini memaklumkan bahawa KR1M akan ditutup untuk sementara waktu bagi tujuan penambahbaikan.

Bagaimanapun ini bertentangan dengan kenyataan syarikat pengendali KR1M, Mydin Mohamed Holdings yang mendakwa mengalami kerugian besar.

KR1M yang ditubuhkan dan dirasmikan pada Jun 2011 bertujuan mengurangkan beban rakyat, selain membantu memasarkan produk pen-

gusaha industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

Sementara itu, Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) turut mengalami kerugian mencecah RM10 bilion selain harga saham yang kian menurun dan kerugian yang secara tidak langsung turut memberi kesan terhadap pendapatan peneroka.

"Tidak syak lagi, terdapat keperluan yang mendesak bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan ekoran penutupan KR1M di seluruh negara, malah ribuan peneroka serta graduan

yang gagal membayar semula hutang PTPTN memerlukan perhatian yang serupa.

"Sudah tiba untuk Najib bangkit dan menyedari bahawa realitinya kerajaan Malaysia dan ekonominya malahan dirinya tidak mampu untuk mengukuhkan ekonomi AS, adalah menjadi tugasnya sebagai Perdana Menteri untuk mengukuh ekonomi negaranya sendiri," tambahnya.

Atasi masalah keciciran dan penagihan dadah remaja

KUALA LUMPUR: Tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang telah meragut 23 nyawa 14 September lalu dan penahanan tujuh suspek yang dipercayai terlibat membakar pusat tahfiz itu menimbulkan dua persoalan penting iaitu masalah keciciran pelajar dan ketagihan dadah di kalangan remaja.

Sehubungan itu, ketua pembangkang parlimen Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mahu maklumat keciciran pelajar didedahkan kepada umum dan perbincangan menyeluruh dibuat Kementerian Dalam Negeri (KDN) membabitkan semua pihak berkepentingan, termasuk badan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras masalah penyalahgunaan dadah.

"Terkait kes penangkapan tujuh anak muda Melayu; beberapa persoalan berbangkit yang amat memprihatinkan.

"Pertama, rakyat terdedah dengan

maklumat anak-anak yang tidak ke sekolah. Apakah selama ini kita memperoleh maklumat keciciran yang sebenar?

"Dan kedua, yang lebih serius adalah masalah penyalahgunaan dadah. Masalah dadah telah merebak ke seluruh pelosok desa dan kota. Hampir setiap keluarga terkesan secara langsung atau melalui kenalan mereka. Jumlah penagih terutama di kalangan masyarakat Melayu dan India mencecah ratusan ribu," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, dadah begitu mudah diperolehi walaupun terdapat undang-undang keras untuk membanterasnya.

Walaupun penagih dan pengedar diberkas namun beliau hairan mengapa jarang sekali kedengaran tauke atau saudagar besar dadah didakwa.

"Pihak polis malah telah bertindak terhadap Jabatan Narkotik PDRM; dan kita masih menantikan maklumat

lanjut," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan KDN mengundang semua wakil parti politik, NGO dan lain-lain untuk mengadakan perbincangan mengenai masalah dadah dalam negeri.

"Janganlah hanya menumpukan perhatian terhadap tujuh pemuda yang disiasat polis. Bincang segera punca meningkat jenayah dalam negara iaitu penyalahgunaan dadah," tegas beliau.

Dr Wan Azizah yang juga Presiden Pakatan Harapan juga mengucapkan tahniah di atas kepantasan polis dan bomba menjalankan siasatan terhadap tragedi tersebut.

"Kini terserah kepada proses pengadilan dalam menentukan kesalahan dan hukuman yang setimpal terhadap yang tertuduh. Kami juga menghargai khidmat staf perubatan HKL, pasukan bomba dan semua pihak yang membantu," katanya.

SPRM digesa siasat dakwaan rasuah babitkan UBER

KUALA LUMPUR: Laporan media antarabangsa bahawa syarikat UBER mungkin telah memberi rasuah di Malaysia untuk membolehkannya beroperasi di negara ini adalah suatu yang mengejut dan membimbangkan.

Ini kerana dakwaan tersebut turut membabitkan beberapa agensi kerajaan termasuk Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).

Oleh kerana Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr. Irwan Serigar Abdullah menjawat Pengerusi MaGIC dan Pengerusi KWAP pada ketika kedua-dua transaksi melibatkan UBER itu dilaporkan berlaku pada 2016, siasatan perlu dilakukan terhadap beliau, kata Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil.

Menurut Fahmi, laporan media menyebut bahawa pada Ogos 2016, UBER telah membuat 'sumbangan korporat' bernilai ber-

puluh ribu dolar Amerika kepada MaGIC manakala pada 22 September 2016, KWAP telah melabur RM124 juta ke dalam UBER.

Parlimen Malaysia pada 27 Julai lalu, kata Fahmi telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 dan RUU Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017, yang membenarkan syarikat-syarikat e-hailing termasuk UBER untuk beroperasi secara sah.

Sehubungan itu, beliau menuntut Dr Irwan Serigar memberikan penjelasan berhubung laporan tersebut.

"Pada masa yang sama, oleh kerana isu ini melibatkan syarikat pengangkutan awam darat, agensi kerajaan dan wang tabung persaraan pegawai kerajaan, saya menggesa agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) segera memulakan siasatan," tegas beliau.

Tubuh suruhanjaya banteras jenayah komersial warga asing

SEREMBAN: Kerajaan disaran menubuhkan suruhanjaya bagi mencegah jenayah komersial termasuk yang dilakukan warga asing di negara ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sikamat Aminuddin Harun.

"Saya meneliti jumlah kerugian yang diberikan oleh PDRM (akibat jenayah komersial). Jika dilihat saban hari ada sahaja berita mengenai jenayah komersial sama ada yang dilaporkan oleh media massa mahupun yang tidak dilaporkan.

"Oleh itu saya mencadangkan kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Pencegahan Jenayah Komersial kerana jenayah komersial sukar dibanteras berbanding jenayah jalanan," ujarnya dalam satu kenyataan.

Aminuddin yang juga Pengerusi Pakatan Harapan Negeri Sembilan yakin jenayah

komersial dan penipuan siber lebih merebak di negara ini kerana terdapat 'orang dalam' dan penipuan licik ini gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak polis.

Justeru suruhanjaya yang dicadangkan itu diharap dapat menangani masalah jenayah ini selain Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga perlu memantau kemasukan pekerja asing di negara ini.

"Kebanjiran warga asing telah menyebabkan jenayah ini semakin merebak dan mereka nampaknya semakin berani melakukan jenayah.

"Saya berharap orang ramai untuk lebih berhati-hati agar jangan mudah terpedaya serta terpengaruh dengan keuntungan yang datang bergolek dan tawaran yang tidak masuk akal.

"Masyarakat perlu menjadikan pengajaran

ratusan kes sebelum ini yang pernah dilaporkan supaya tiada kejadian seumpama ini berulang," ujarnya.

Aminuddin yang juga Pengerusi Keadilan Negeri Sembilan merujuk kepada kes penipuan dalam talian yang meningkat dengan mendadak di Negeri Sembilan dengan 540 kes dilaporkan berlaku dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini membabitkan kerugian kira-kira RM4.32 juta.

Keadaan ini ujarnya lagi, semakin membimbangkan apabila jenayah komersial mencatatkan peningkatan lebih 100 peratus bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun lalu dengan pihak polis merekodkan sebanyak 225 kes membabitkan jumlah kerugian RM1.77 juta berbanding kerugian sebanyak RM4.32 juta

tahun ini.

Sindiket penipuan ini melibatkan pembelian barangan secara dalam talian, 'jerat cinta' di internet, 'Macau Scam' dan pinjaman tidak wujud.

Sindiket ini dipercayai didalangi warga asing dan turut tidak ketinggalan warga tempatan yang turut menggunakan akaun pihak ketiga untuk menjalankan urusan, bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

Siasatan pihak polis juga mendapati pihak ketiga turut menerima komisen untuk setiap urusan niaga yang berjaya.

Kes penipuan 'Macau Scam' mencatatkan nilai kerugian paling tinggi iaitu RM1.7 juta diikuti kes pembelian barangan menerusi atas talian sebanyak RM1.1 juta pada tahun ini.

Pencarum rugi jika KWSP jual saham Plus

KUALA LUMPUR: Kebimbangan bahawa kira-kira 14.5 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mungkin hilang aliran pendapatan dividen yang kukuh sekiranya dana pencen itu menjual 49 peratus kepentingannya dalam syarikat pengendali lebuhraya, PLUS Malaysia Bhd, kini semakin meningkat.

Kebimbangan ini semakin meraih momentum susulan laporan berita bahawa usahawan Tan Sri Abu Sahid Mohamad berusaha untuk mengambil alih PLUS Malaysia melalui Maju Holdings Sdn Bhd.

Selain 49 peratus ekuiti KWSP dalam Plus Malaysia, majoriti 51 peratus pegangan saham lagi dipegang oleh UEM Group Bhd, yang merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Bhd.

Penganalisis berkata cadangan itu perlu ditolak kerana kedua-dua dana pencen dan cabang pelaburan kerajaan itu menikmati



pulangan yang baik daripada pengambilalihan Plus Malaysia sejak akhir 2011.

Mereka juga berkata Plus Malaysia adalah perniagaan teras bagi Khazanah, dan pelaburan teras bagi KWSP, dan sudah pasti adalah penjana pendapatan penting bagi kedua-duanya.

Justeru, timbul persoalan mengapa dana atau Khazanah perlu menjual syarikat pengendali lebuhraya itu.

Andai penjualan dilakukan, pencarum berpendapat KWSP akan kehilangan pendapatan bernilai daripada kutipan tol dan akibatnya akan berhenti membayar dividen yang baik kepada pencarum.

Persoalan lain yang timbul

adalah mengapa perlu menjual aset negara kepada pihak swasta sedangkan ia milik rakyat menerusi syarikat berkaitan kerajaan (UEM Group) dan KWSP.

Pelaburan itu telah memberi manfaat kepada rakyat Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak, oleh itu, Plus Malaysia perlu terus kekal dalam portfolio KWSP sebagai pelaburan strategik jangka panjang, kata penganalisis itu.

Dan apabila dividen dibayar kepada Khazanah, ia masuk semula kepada kerajaan yang kemudiannya boleh digunakan untuk pembangunan infrastruktur.

Penganalisis berkata, berdasarkan sifat strategik

aset itu, Khazanah dan KWSP wajar terus kekal sebagai penjaga perniagaan tersebut kerana mereka mewakili kerajaan dan rakyat.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP Datuk Shahril Ridza Ridzuan dilaporkan berkata, KWSP tidak merancang untuk melupuskan 49 peratus pegangannya dalam Plus Malaysia kerana pelaburan dalam syarikat tersebut telah memberikan pulangan yang baik kepada dana pencen itu.

Bernama memetik beliau sebagai berkata, dana dan Kumpulan UEM telah melabur secara besar-besaran dalam mengembangkan rangkaianannya terutama di Lembah Klang.

Beliau juga dipetik sebagai berkata bahawa "PLUS Malaysia telah banyak menyumbang kepada pendapatan KWSP".

UEM Group, selepas menerima surat niat tidak terikat daripada Maju Holdings, juga berkata ia tidak berhasrat menjual sahamnya dalam Plus Malaysia.

Benarkah KWSP setuju melabur di AS?



AHLI Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua meragui sama ada keputusan kerajaan untuk melabur wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Amerika Syarikat (AS) mendapat sokongan jawatankuasa pelaburan agensi terbabit atau wujud campur tangan politik.

Beliau juga mahu Perdana Menteri mengemukakan bukti bahawa keputusan untuk melabur wang KWSP di negara kuasa besar dunia itu mendapat persetujuan jawatankuasa pelaburannya.

"Memandangkan Datuk Seri Najib mendakwa keputusan itu bukannya dibuat oleh ahli politik, kami ingin bertanya jika jawatankuasa pelaburan KWSP telah membuat keputusan untuk melabur US\$3 bilion hingga US\$4 bilion untuk menyokong pembangunan semula infrastruktur di Amerika Syarikat," soalnya.

Najib sebelum ini mendakwa keputusan untuk melabur di AS bukan dibuat oleh ahli politik, sebaliknya oleh jawatankuasa pelaburan KWSP.

Menurut Tony, jika pelaburan itu tidak dipengaruhi oleh politik, dan jika KWSP tidak memutuskan untuk melabur jumlah tertentu di AS, ia bermakna Najib membuat janji kosong kepada Presiden AS Donald Trump.

Ada masa saya terlepas pandang, kata Mahathir

"**KALAU** nak kata saya seorang yang perfect saya mengaku, tetapi saya manusia biasa, ada masa saya terlepas pandang," kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menjelaskan mengenai kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) dalam urusan niaga mata wang asing pada awal dekad 1980-an di prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI), 18 September lalu.

Dr Mahathir menjawab soalan Pegawai Pengendali Datuk Suhaimi Ibrahim mengapa beliau tidak mengambil berat mengenai kerugian BNM yang sangat besar itu.

"No matter how careful you are (walaupun anda begitu berhati-hati) dalam menguruskan sesuatu, ada yang terlepas dalam pandangan saya. Contohnya saya melantik orang yang salah (ke jawatan tertentu)," kata Dr Mahathir tanpa menamakan individu berkenaan.

Menjawab soalan Suhaimi mengapa beliau tidak mengambil berat mengenai kerugian BNM kerana ia juga dilaporkan oleh media asing, Dr Mahathir mengakui tidak mengendahkan laporan media asing kerana mereka selalu mengkritiknya.

"Saya ambil laporan (mengenai kerugian BNM) oleh pegawai saya. Saya berpegang kepada laporan pegawai-pegawai saya termasuk Menteri Kewangan dan juga Gabenor," katanya.

MCA bantah DBKL tolak penganjuran pesta arak

MCA membantah keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menolak permohonan penganjuran 'Better Beer Festival 2017' yang dijadual pada 6 dan 7 Oktober ini.

Ketua Biro Keharmonian Agama MCA Ti Lian Ker berkata, DBKL harus konsisten dan telus dalam keputusannya serta tidak tunduk kepada desakan politik.

Pesta arak itu dicadangkan diadakan di Solaris Damansara dari pukul 2 petang hingga 11 malam.

Mengulas lanjut, Ti Lian Ker berkata, DBKL harus memikirkan mengenai pelancong dari seluruh dunia dan industri berkaitan yang telah mengeluarkan perbelanjaan untuk menyertai acara yang diadakan secara bermusim ini.

"DBKL tidak boleh dilihat membuat keputusan berdasarkan keinginan mereka atau kepada tekanan politik atau pihak ekstremis.

"Ini juga boleh menggalakkan lebih banyak tekanan keras dan ekstremis jika DBKL dilihat lemah dalam menegakkan undang-undang atau dasar awam mereka sendiri," kata pemimpin parti kerabat BN itu.

Benci DAP bukan hujah tapi helah

KUALA LUMPUR: Alasan parti politik tertentu untuk tidak menjalin hubungan dengan DAP hanyalah helah politik dan tidak disandarkan dengan hujah, kata Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

Menurut beliau, Pas khususnya selalu menggunakan dalil 'hilfu-al-fudul' yang bermaksud kerjasama antara orang-orang Arab jahiliyah bukan Islam menentang kezaliman yang dilakukan oleh musuh yang sama.

Beliau menambah, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda jika kerjasama seperti itu wujud selepas nubuwah (kenabian) nescaya baginda s.a.w. akan menyokong.

"Benar DAP ramai orang (ahli) bukan Islam tapi mereka konsisten tak suka dan lawan kezaliman, salah guna kuasa, rasuah, pembaziran, perkauman sempit dan mahukan pemerintahan yang bersih dan baik, telus, bertanggungjawab, tak membazir, tolong rakyat dan lain-lain.

"Jadi di mana salahnya AMANAH jika ia bekerjasama dengan DAP?" tulisnya di

Facebook.

Beliau menjawab alasan yang diberikan pemimpin parti itu bahawa tidak salah untuk Pas berkawan dengan Umno yang ahlinya Melayu-Islam jika AMANAH boleh berbaik-baik dengan DAP yang bukan Melayu-Islam.

Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional itu juga berkata, bangsa dan agama tidak menjadi persoalan dalam mewujudkan pakatan politik kerana yang penting adalah isu yang diperjuangkan.

"Saya kata Islam tentang (lawan) kezaliman, salah guna kuasa, curi harta rakyat, pembaziran atau berjuang atas nama bangsa tak kiralah seseorang itu Melayu atau Islam sekalipun.

"Takkanlah parti suci (Pas) tak nampak apa yang Umno-BN telah lakukan dalam negara ini seperti isu wang rakyat lesap dalam skala yang amat besar dalam isu IMDB dan saman DOJ, isu cukai GST yang bebaskan rakyat, luluskan banyak akta zalim seperti Sosma, Pota, Poca atau MKN, MAS rugi berbilion ringgit dan

tak ada seorang pun yang kena dakwa sebaliknya pekerja MAS yang jadi mangsa kena buang kerja, isu FGV dan banyak lagi," katanya.

Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Nasional itu berkata, jika Pas berpendapat tidak salah berbaik dengan Umno meskipun mereka zalim, rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya hanya kerana mereka Melayu Islam, Pas telah menyokong fahaman asabiyah.

"Tidaklah itu fahaman asabiyah (nasionalisme) yang selama ini 'parti suci' lawan habis-habisan dan pernah angkat tema 'Menggempur pemikiran asabiyah' dalam muktamar?

"Bukankah presiden 'parti suci' antara yang selalu baca hadis melarang kita mengajak, berjuang dan mati dalam asabiyah dan asabiyah itu adalah 'an tuiina qaumaka 'ala al-dzulmi' (Kamu menolong bangsa kamu di atas kezaliman) maknanya walaupun zalim kita kena sokong sebab dia Melayu," katanya.

Tawaran baru PH untuk Sabah dan Sarawak



Ribuan penduduk Kuching hadir pada majlis ceramah PH.



Rakyat Sarawak daripada pelbagai bangsa meriah menyambut PH di Kuching.



Antara pemimpin PH yang hadir pada sambutan Hari Malaysia di Kota Kinabalu.



Perisytiharan Tawaran Baru Untuk Sabah.



Para pemimpin

uk

KUCHING: Pakatan Harapan (PH) komited untuk memperkasa hak dan autonomi Sarawak melalui lima teras 'Tawaran Baru' khusus buat wilayah ini.

Tawaran tersebut dibacakan di hadapan ribuan hadirin oleh Pengerusi PH Sarawak, Chong Chieng Jen dalam suatu ceramah mega di Kuching, 24 September lalu.

"Pakatan Harapan bertekad dan berjanji menjamin lima teras untuk Wilayah Sarawak dan rakyat Sarawak," katanya yang juga Pengerusi DAP Sarawak.

Lima tawaran itu adalah hak kerajaan wilayah; hak petroleum dan hasil yang adil; hak pembangunan infrastruktur asas dan tanah saksama; hak pendidikan berkualiti; dan hak pembangunan ekonomi saksama dan pengupayaan anak muda, wanita dan golongan minoriti.

"Lima teras ini kami jamin melalui reformasi struktural dan tatakelola baik berpaksikan Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan," kata Chieng Jen.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad, Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, Pengarah Pilihan Raya AMANAH Dr Hatta Ramli dan Pengerusi Keadilan Sarawak Baru Bian.

DI KOTA KINABALU pada 22 September, berlangsung sambutan Hari Malaysia dan perisytiharan Tawaran Baru Untuk Sabah.

Majlis yang berlangsung di sebuah hotel dekat sini dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu negeri Sabah.

Antara pemimpin PH yang hadir ialah Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Pemangku Pengerusi DAP Tan Kok Wai, Setiausaha PH Datuk Saifuddin Abdullah, Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus, Pengerusi PH negeri Christina Liew dan para pemimpin PH negeri.

"Saudara-saudara kita di Sabah bukan menagih untuk berpisah dari Malaysia. Mereka mahukan hak mereka sebagaimana dalam Perjanjian Malaysia dan Perlembagaan negara," kata Ustaz Hasanuddin.

ngikuti ceramah



Para pemimpin utama PH di pentas ceramah.



PH menyanyikan lagu kebangsaan pada sambutan Hari Malaysia di Kota Kinabalu.



Sidang media seusai majlis.



Kehadiran Tun Mahathir menjadi tumpuan rakyat Sarawak.



Khemah untuk orang ramai penuh sesak dengan kehadiran warga Sarawak.

GST: Najib terdesak bandingkan dengan India

Kelolaan ARIF ATAN

Perdana Menteri tidak wajar terus untuk menghalalkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sehingga membandingkan dengan negara lain.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, masalah utama rakyat akibat tekanan GST tidak diselesaikan kerajaan BN di bawah Datuk Seri Najib Razak.

Tindakan membandingkan kadar GST di negara ini dengan India, ujamnya, adalah kenyataan terdesak Perdana Menteri dalam mendapatkan keyakinan rakyat selain kehilangan sokongan menteri kabinetnya.

Menurutnya, Najib dengan nada menghina kononnya rakyat Malaysia tidak perlu marah dengan pelaksanaan GST kerana kadar GST di India jauh lebih tinggi iaitu 28 peratus selepas sedar permainan politik beliau di Amerika Syarikat tidak berjaya.

"Setelah tiada lagi panglima



kabinetnya sanggup merendahkan kredibiliti masing-masing, Perdana Menteri sendiri terpaksa mengeluarkan kenyataan yang dilihat naif oleh rakyat.

"Tiada lagi suara-suara seperti Datuk Ahmad Maslan yang pernah mengeluarkan kenyataan GST akan mengurangkan harga barang. Ternyata, kenyataan tersebut meleset setelah dua tahun pelaksanaan GST, harga barang semakin melonjak naik," tegasnya.

Beliau berpendapat Najib gagal melakukan kaji selidik berkaitan fakta lengkap pelaksanaan GST di India memandangkan polisi cukai di negara itu jauh berbeza dengan dasar GST kerajaan BN.

"GST di India berbeza kadar bermula lima peratus sehingga kadar 28 peratus dan kadar 28 peratus hanya dikenakan pada barangan tertentu seperti penghawa dingin dan peti sejuk yang melibatkan kenaikan lima peratus daripada cukai semasa 23

peratus serta perjudian," katanya.

Jelasnya, pelaksanaan GST di India tidak membabitkan sektor pendidikan, kesihatan dan perumahan dengan golongan berpendapatan rendah tidak dikenakan GST.

"Berbeza dengan dasar GST di negara ini, hampir kesemua barangan dan perkhidmatan dikenakan GST dan ditanggung oleh kesemua segmen rakyat tanpa mengira kelas dan tempat," bidasnya dalam satu kenyataan, 26 September lalu.

Sehubungan itu, pihaknya sekali lagi mendesak agar GST dihapuskan bagi meringankan beban rakyat ekoran sifat cukai regresif itu yang tidak membantu rakyat.

Faiz berkata, subsidi komoditi rakyat seperti minyak, minyak masak, gula dan beras ditarik balik serta bajet bidang ekonomi utama negara seperti pendidikan dan kesihatan dipotong walaupun kerajaan mengutip GST hampir RM42 bilion setahun.

Mengulas lanjut pertemuan Najib

dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump baru-baru ini, Faiz berkata Perdana Menteri terpaksa membayar harga yang tinggi dalam usaha membersihkan nama yang dikaitkan sebagai *Malaysian Official 1* (MO1).

Najib, jelasnya, menyedari usaha tersebut ternyata gagal apabila gagal mengembalikan keyakinan rakyat bahkan ditertawakan.

"Alasan beliau untuk membantu ekonomi AS dengan dana hampir AS\$24 bilion (RM100 bilion) tidak sedikit pun meringankan beban hidup rakyat di negara ini sedangkan wang sebanyak itu harus diguna bagi memulihkan ekonomi negara.

"Ironinya, dari manakah sumber kewangan kerajaan bagi membina infrastruktur di AS sedangkan kerajaan terpaksa berhutang kepada kerajaan China untuk projek infrastruktur tempatan seperti Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ERCL) sebanyak RM55 bilion?" soalnya.

'Orang kanan' Zahid seleweng duit rakyat?

PEMUDA AMANAH Perak mendesak Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi menjawab dakwaan tentang penglibatan 'orang kanan' Ahli Parlimen Bagan Datoh itu dalam penyelewengan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Timbalan Ketuaanya, Ahmad Shafiq Ahmad Ariffin berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 14 September lalu telah menahan seorang Ketua Pemuda Umno Bahagian bergelar Doktor bersama tiga yang lain kerana disyaki terbabit dengan jenayah mencecah hampir RM40 juta itu.

"Mengikut maklumat, Ketua Pemuda Umno Bahagian berumur 38 tahun itu adalah 'orang kanan' kepada Datuk Seri Dr Zahid Hamidi dan khabar angin ini bertiup kencang di laman sosial Facebook.

"Oleh yang demikian, Pemuda AMANAH Negeri Perak mendesak Dr Zahid Hamidi memberi penjelasan sama ada benar atau pun tidak dakwaan tersebut," tegasnya.

Mengulas sikap membisu Zahid, beliau

berkata, tindakan tersebut adalah sangat tidak bertanggungjawab dan telah menggadaikan integritinya apabila seolah-olah merestui penyelewengan dana kerajaan itu.

"Sehingga hari ini, Zahid membisu biarpun banyak pihak termasuklah daripada ahli Umno sendiri telah mengaitkan individu tersebut dengan beliau.

"Kami sangat mengambil serius tentang penyelewengan yang berlaku ini kerana ia melibatkan wang rakyat dengan jumlah yang begitu besar. Tindakan mereka menyeleweng dana ini adalah satu pengkhianatan terhadap rakyat dan negara," ujamnya.

Ahmad Shafiq juga menyifatkan rasuah dan penyelewengan yang sedang berlaku di negara ini berada pada tahap serius apabila individu berjawatan hanya di peringkat bahagian pun boleh terbabit dalam skandal penyelewengan besar.

"Kami mendesak agar SPRM terus menyiasat skandal ini seterusnya membawa individu yang terlibat ke muka pengadilan," tegasnya lagi.

Sekilas Kata...

DUKA UMAT... "Bulan ini (September) adalah bulan duka buat ummah. Kita kehilangan seorang lagi permata bernilai.



Dr Atiq Hamid aktivis dakwah yang piawai. Beliau pernah banggakan negara dengan keputusan cemerlang 15A dalam SPM. Aktif dengan NGO dakwah

IKRAM. Al-Fatihah."

BIAR DIANGKAT... "Jadi pemimpin biarlah diangkat bukan mengangkat diri sendiri. Jadilah seperti Jose Rizal atau



Jeneral Sudirman. Biarlah nama kita terpahat di dada sejarah tanahair, bukan lagi 30 tahun cucu kita masih membaca kisah Hang Tuah dan Hang Jebat atau kitab

nukilan Hamka semata-mata."

HASBIE MUDA
Ketua Pemuda AMANAH
Negeri Terengganu

SYAFIQ AZMI
Ketua Pemuda AMANAH
Negeri Melaka



SAMA BERDUKA... Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan bersama Ketua Pakatan Harapan Kelantan, Datuk Husam Musa pada 26 September lalu meninjau lokasi kebakaran melibatkan 20 unit rumah di Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu.



SELAMI RASA... Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi bersama Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub dan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil pada 27 September lalu menziarahi keluarga di kawasan Masjid Lapangan Terbang Subang yang dipaksa pindah.

SEKITAR PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) SESI 2017/2018

Mahasiswa bimbang dibuang kolej

Kelolaan **ARIF ATAN**

BERMULA 14 September lalu sehingga 5 Oktober ini, Pilihan Raya Kampus (PRK) bagi sesi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2017/2018 berlangsung di seluruh Universiti Awam (UA).

Walau bagaimanapun, situasi PRK di sebahagian besar UA menyaksikan PRK yang tidak adil apabila dominasi kumpulan mahasiswa yang 'direstui' pentadbiran universiti selain taktik kotor masih berterusan berlaku.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Gerakan Aspirasi yang pro kerajaan BN menang dengan majoriti 37 kerusi pada pengundian 19 September lalu.

Dalam PRK yang dilihat Demokrat UKM sebagai tidak bersih dan berat sebelah itu, sebanyak 19 kerusi dimenangi tanpa bertanding sekali gus menyaksikan Inspirasi yang diterajui oleh ISIUUKM dan Gamis kecundang teruk.

Berdasarkan kaji selidik Demokrat UKM sehari selepas keputusan, sebanyak 74 peratus daripada 233 responden yang merupakan penuntut universiti itu bersetuju bahawa PRK UKM 2017 adalah kotor dan tidak adil.

Justeru, Demokrat UKM



mendesak pihak pentadbiran universiti supaya mengambil serius suara mahasiswa tersebut dan pada masa sama menyeru pelajar terus bersama gerakan itu dalam usaha menuntut pilihan raya yang bersih dan adil.

"Jika pentadbiran tidak mampu untuk membuat PRK yang bersih, usahlah bazir masa dan wang mahasiswa UKM untuk membuat pilihan raya. Lantik sajalah calon-calon yang disayangi anda sebagai MPP," dipetik daripada kenyataan Demokrat UKM.

Terdahulu, tempoh kempen calon bertanding di UKM menyaksikan sejumlah papan tanda di kampus itu diconteng cat biru oleh pihak tidak bertanggungjawab dengan turut tertera perkataan 'mati'.

Kehadiran penyokong Aspirasi pada hari penamaan calon, 14 September pula jauh lebih besar berbanding Inspirasi. Difahamkan wujud kerahan ke atas setiap kolej supaya menghantar 150 penyokong untuk hadir ke Pusanika iaitu tempat penamaan calon.

Penyokong Aspirasi UKM juga dikatakan menghalang calon dan penyokong Inspirasi untuk masuk



Vandalisme berlaku pada tempoh kempen PRK UKM tahun ini.

berkempen di Kolej Za'ba dan Kolej Keris Mas sehingga berlaku sedikit kekecohan.

Bahkan, mahasiswa tahun satu didakwa telah dipaksa untuk turun ke halaman kolej bagi menghalang kempen dari kumpulan Inspirasi.

Mengulas keengganan pelajar selain kumpulan Inspirasi untuk tampil bertanding menentang Aspirasi UKM, aktivis mahasiswa Asheeq Ali berpendapat, situasi itu berlaku kerana penuntut bimbang dikenakan tindakan dibuang dari kolej penginapan.

Menceritakan pengalamannya, beliau sendiri pernah mengalami keadaan itu selepas berusaha mendapatkan pencadang dan penyokong untuk rakannya ber-

tanding di kerusi Fakulti Undang-undang pada sesi pemilihan sebelum ini.

"Bukan dia (rakan) sahaja, penyokong dan pencadang yang saya dapatkan juga untuk dia turut dibuang tanpa sebarang alasan. Saya pula, sudah dua tahun dibuang kolej. Inilah realiti demokrasi di bumi UKM," katanya.

Sehubungan itu, Asheeq menyeru mahasiswa UKM usah membiarkan diri terus diperbodohkan sebaliknya bersama-sama Demokrat UKM dalam menuntut PRK yang bersih.

"Sampai bila perkara ini akan berterusan dan sampai bila ma-

hasiswa akan diperalatkan oleh sang penguasa yang tamak akan kuasa?" soalnya lagi.

Di Universiti Utara Malaysia (UUM), PRK mungkin sudah tidak relevan dengan majoriti mahasiswa di sana apabila kumpulan Pro-Aspirasi menang besar

dengan menguasai 34 daripada 38 kerusi ketika proses penamaan calon pada 21 September lalu.

Hanya 10 calon dari tiga pusat pengajian bertanding iaitu Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) seramai empat calon, Pusat Pengajian Undang-undang (tiga calon) dan Pusat Pengajian Antarabangsa (tiga calon).



Dulu bersendirian sekarang bergabung

Tiga pertubuhan pelajar iaitu Angkatan Mahasiswa, Demokrat UM dan Universiti Malaya Association Youth (Umany) bergabung menentang Penggerak yang pro-pentadbiran pada Pilihan Raya Kampus (PRK) kali ini.

Pendekatan tersebut berbeza pada PRK 2016 apabila pelbagai kumpulan pro-mahasiswa bertanding secara bersendirian.

Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) menyifatkan PRK tahun ini sebagai 'pesta yang sangat dinamik' dengan gabungan ketiga-tiga front tersebut serius memperjuangkan Agenda Mahasiswa.

Exco Dakwah dan Kemanusiaan PMIUM, Ahmad Syifaa Abd Khaliq berkata, kesepakatan ketiga-tiga pertubuhan mahasiswa itu demi kepentingan mahasiswa membawa konsep kongsi kuasa yang dinantikan masyarakat kampus.

"Saya kira langkah sulung inilah antara bukti jiwa besar kesepakatan ini untuk diberi mandat membentuk kerajaan mahasiswa," ujarnya lagi.

Penggerak Mahasiswa sudah dua tahun menguasai Universiti Malaya (UM) tetapi koordinator Demokrat UM, Daniel Mizan Qayyum menyifatkan kepimpinan tersebut hanya memberi janji palsu kepada mahasiswa apabila masalah berulang setiap tahun.

"Sampai bila kita hendak dibuai retorik? Sudah dua tahun janji tapi tiada hasil? Politik yang membina adalah politik yang tidak lari di sebalik kritikan dan bersembunyi di sebalik



Agenda Mahasiswa menggariskan 9 tarikan pada PRK kali ini

terma seperti 'mahasiswa rasional', 'diplomasi', mahupun penerus legasi.

"Sudah dua sesi Majlis Perwakilan Pelajar didominasi Penggerak Mahasiswa namun masih gagal dan kembali dengan janji sama tanpa solusi sebenar," bidasnya.

Penuntut jurusan undang-undang itu mempersoalkan legasi yang ditinggalkan Penggerak apabila pelbagai isu seperti penempatan kolej, pendaftaran subjek dan merit berulang setiap tahun.

"Inisiatif MPP dan Parlimen Mahasiswa yang majoriti daripada Penggerak UM hanya memberi janji palsu kepada mahasiswa UM. Amat malang apabila mahasiswa ini juga yang mahu diangkat semula," ujarnya lagi dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

Jika anda memilih calon ASPIRASI, mengapakah anda membuat pilihan tersebut?

228 responses



Lebih separuh mahasiswa UKM bimbang dibuang kolej jika tidak mengundi Aspirasi.

Luaskan Harapan dengan maksudnya

TIADA siapa terduga, negeri Darul Takzim ini akan menjadi kunci untuk kemenangan bagi mengambil tampuk pemerintahan negara. Mungkin jika dicanang perkara ini 13 tahun lalu sewaktu Pas atau pembangkang waktu itu hanya menang satu kerusi di Dewan Undangan Negeri (Dun) Senggarang sahaja, pasti semua akan mengatakan misi ini mustahil. Dalam sedar atau tidak, ketika itu semangnya tiada siapa menduga kerusi Dun Senggarang itu boleh jatuh ke tangan Pas disebabkan berlakunya kesilapan teknikal semasa penamaan calon.

Kemenangan satu Dun di Pilihanraya Umum (PRU11) itu telah menggambarkan tiada yang mustahil dalam gerakan politik di Malaysia. Dr. Ramli Kari adalah manusia yang secara tiba-tiba menjadi hero pembangkang di negeri Johor yang serasanya seperti suatu kejutan budaya yang berlaku dalam plot parti Pas mahu pun pembangkang waktu itu.

Itu sejarah yang tidak dapat dipadam. Asalnya Johor terkenal dengan gologan pembangkang dari parti-parti lama. Pada tahun 1950an lagi wujud gerakan pembangkang yang berjuang di negeri ini. Seperti Parti Negara di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. Selepas itu perjuangan itu diteruskan dengan kewujudan parti-parti gerakan sosialis.

Parti Rakyat Malaysia, antara parti yang mengambil tempat di hati rakyat Johor. Bisik-bisik rakyat Johor yang menjadi perbualan adalah 'Parti Kepala Lembu'. Parti itu adalah parti pembangkang yang menjadi perhatian pengundi waktu itu.

Sekitar tahun 1980an, parti itu menjadi sebutan ramai yang mampu serba sedikit menggugat kedudukan parti pemerintah Barisan Nasional (BN). Pada tahun 1988, sejarah negeri ini telah mencatatkan kemenangan pertama Parti Bebas yang ber-

Kembara Selatan Amni Jagat



tanding menggunakan lambang 'kunci' menewaskan BN di parlimen Johor Bahru.

Ramai yang maklum dengan berita popular berkenaan dengan Parti Bebas atau Parti Kunci (gelaran setengah pihak) yang diwakili bekas Ahli Parlimen BN di situ, Tan Sri Shahrir Abdul Samad. Namun begitulah gelombang sejarah yang wujud sekitar politik di negeri ini. Ia sedikit sebanyak adalah sebuah rakaman yang indah untuk diperhatikan bagi mewujudkan persepsi mengenai cita rasa rakyat Johor.

Seperti yang disebutkan di atas, gelombang rakyat pada tahun 2004 tidak berlaku kerana sewaktu itu pengaruh yang kuat berkenaan dengan trend Islamik yang dibawa Perdana Menteri baru waktu itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi menusuk jiwa dan minda rakyat Johor.

Tertanggung perhatian umum rakyat kepada plot atau kumpulan pembangkang. Secara kebetulan waktu itu kekuatan pembangkang juga tidak mampu untuk menandingi kekuatan kumpulan pemerintah. Hasilnya seperti dinyatakan di atas, berlaku juga kemenangan tetapi hanya dengan satu kerusi dan ia disebabkan kesilapan teknikal dalam isu pengisian borang.

Setelah empat tahun berlalu (dari PRU11), berlaku sebuah gelombang yang memuncak di seluruh Malaysia pada PRU12. Tempatnya memasuki ke negeri ini. Akhirnya wujud kekuatan yang diharapkan. Sebanyak enam kerusi DUN Johor telah terlepas ke tangan pembangkang yang mana, dua telah dimenangi oleh PAS dan empat telah

dimenangi oleh DAP.

Sekali lagi kejutan pada PRU13 di mana, plot pembangkang yang waktu itu diberi gelaran Pakatan Rakyat (PR) telah menggegarkan bumi Johor ini dengan gelombang kebangkitan rakyat sehingga tersingkirnya Menteri Besar Johor Tan Sri Dato' Abdul Ghani Othman.

Begitulah sejarah yang berlaku di negeri selatan semenanjung ini. Dari sejarahlah yang membawa Menteri Besar Johor hari ini begitu bertungkus lumus menjaga hati rakyat Johor. Menteri Besar Dato' Seri Khaled Nordin hari ini terpaksa mewujudkan pelbagai perkara bagi memulihkan semangat rakyat di negeri ini agar tidak berpaling ke parti-parti pembangkang.

Khaled terpaksa berhadapan dengan gelombang rakyat yang begitu memuncak pada saat ini. Rata-rata rakyat mulai tersepit dengan kehidupan yang begitu mencabar. Dari soal kos sara hidup hinggalah perkara yang berkaitan masa depan anak-anak mereka. Cabaran ini telah disahut lebih kuat lagi apabila sekali lagi tamparan hebat yang diberikan pembangkang akan tiba di mana wujud suatu kesepakatan dalam pembentukan gerakan rakyat yang diberi nama Pakatan Harapan (PH).

Diketahui oleh bekas Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohammad, gerakan ini semakin mendapat perhatian rakyat di negeri ini. Malah gelombang itu telah pun disemarakkan dengan barisan PH di Johor telah menamakan bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Ketua atau Pengerusi yang akan mengepal struktur gerakan rakyat di Johor.

Dari inisiatif itu, gerakan ini telah memasuki fasa ke arah mewujudkan gelombang dan gelombang itu diberi nama 'Luaskan Harapan'. Impaknya kian menjalar ke dasar hati rakyat dan pada peringkat awal ini,

gelombang Luaskan Harapan yang dirasmikan pada 14 September 2017 itu telah pun dirasakan.

Indikatornya akan berlaku pada program pelancaran PH Johor pada 29 September 2017 ini di mana gelombang akan dibawa obornya oleh Tun Dr. Mahathir sendiri yang akan bertandang ke negeri ini. Ini suatu petikan yang menarik untuk membangkitkan semangat perubahan di hati rakyat Johor.

Dalam perbincangan untuk mewujudkan gelombang 'Luaskan Harapan' ini, saya di antara manusia yang menjadi saksi dalam pembentukan yang bakal dibawa serta konsepnya yang mengarah ke perjuangan memenangi rakyat. Antara perkara lain adalah mewujudkan manifesto atau aku janji di negeri ini sebagai sebahagian besar inisiatif membantu rakyat di negeri Johor.

Kepercayaan atau kesusahan untuk menanggung kos sara hidup yang tinggi di negeri ini begitu ketara kerana Johor adalah negeri yang berhampiran dengan negara Singapura, justeru perbezaan cara hidup dari segi pendapatan memang menjadi perbandingan yang ketara.

Kebanyakan rakyat di negeri ini khususnya mereka yang tinggal sekitar Johor Bahru, adalah mengsa yang terpaksa bekerja di negara Singapura. Sekitar jam 4:00 pagi lagi, kita akan dapat lihat bagaimana rakyat Johor ini sudah membanjiri kesunyian jalan pintu masuk ke negara Kota Singa tersebut untuk berkerja di sana.

Dari kefahaman itu, gerakan menyelamatkan rakyat di negeri ini mula digerakkan. Dari sejarah kepada suasana hari ini, ia telah mencerminkan sifat rakyat Johor sebagai 'memberontak dalam diam' dan perkara itulah yang membuatkan kerajaan negeri ini begitu risau serta bimbang akan keputusan yang didapati pada PRU14 yang akan datang. ■

Tawaran baharu untuk Sarawak, Sabah

Oleh **ABU FIRDAUS**

KETIKA Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad pergi ke Kuching baru-baru ini, beliau bukan saja dibenarkan masuk ke negeri itu tetapi kandungan ceramahnya juga tentunya dialu-alukan oleh kerajaan Sarawak, walaupun tidak dinyatakan secara rasmi.

Ini kerana Dr Mahathir berkata bahawa jika Pakatan Harapan memenangi pilihan raya umum ke-14 dan menguasai Putrajaya, mereka akan mengadakan rundingan semula dengan Sarawak dan Sabah supaya ketiga-tiga pihak termasuk Malaya yang menandatangani Perjanjian Malaysia 1963 memperoleh keadilan. Maka ini merupakan Tawaran Baharu daripada Pakatan Harapan kepada Sarawak, dan juga Sabah.

Dari satu segi Dr Mahathir telah mengaku bahawa hak wilayah Sarawak dan Sabah telah terhakis berhubung dengan soal sumber alam dan kedudukan kedua-dua

negeri itu. Ini kerana Sarawak dan Sabah seperti Singapura dan Malaya adalah wilayah yang setaraf.

Tetapi kini Sarawak dan Sabah hanyalah negeri-negeri setaraf dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Tetapi dalam proses ini, entiti politik Malaya, sama ada sebagai wilayah atau negara sudah hilang. Semenanjung Malaysia tidak setaraf dengan Malaya atau Tanah Melayu. Semenanjung Malaysia hanya terdiri daripada 11 buah negeri.

Menurut Dr Mahathir, kehakisan kedudukan Sarawak dan Sabah tidak dirundingkan dengan kedua-dua pihak itu tetapi dilakukan melalui Parlimen yang didominasi oleh ahli-ahli parlimen dari Semenanjung Malaysia.

Namun begitu, Dr Mahathir berkata, proses ini berlaku bukan semasa beliau menjadi Perdana Menteri. Ia berlaku pada zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

Namun begitu Dr Mahathir adalah anggota kabinet Tun Razak dan Hussein Onn.

Apabila mendengar butiran ceramah Dr Mahathir ini, kerajaan Sarawak boleh menggunakan hujah-hujah ini untuk memberi tekanan kepada Putrajaya dalam rundingan antara keduanya. Kuching sejak kepimpinan Tan Sri Adnan Satem berazam untuk memperoleh kembali hak Sarawak seperti mana dalam Perjanjian Malaysia yang asal.

Tetapi apa yang dialami oleh Sarawak dan Sabah ini tidak boleh disalahkan kepada Kuala Lumpur semata-mata. Ia berlaku kerana kerjasama pemimpin-pemimpin Perikatan Sarawak dan Perikatan Sabah, kemudiannya Barisan Nasional Sarawak dan Barisan Nasional Sabah dengan Perikatan dan Barisan Nasional pusat.

Pihak yang mempertahankan kepentingan wilayah Sarawak dan Sabah adalah parti-parti pembangkang di sana. Banyak parti pem-

bangkang negeri dalam waktu tertentu turut menyertai Perikatan dan Barisan Nasional. Tetapi parti yang konsisten menentang Perikatan dan Barisan Nasional ialah DAP. Tetapi parti itu bersifat nasional dan bukannya kenegerian Sarawak dan Sabah.

Soal Sarawak dan Sabah adalah perkara dasar yang pendirian Pakatan Harapan wajar dibincang dan diputuskan oleh Majlis Presiden. Namun begitu ketika Dr Mahathir berada di Kuching itu, semua pemimpin parti Pakatan Harapan hadir yang menunjukkan sokongan bulat pada beliau. Lim Kit Siang yang turut melalui tahun-tahun di mana kedudukan Sarawak dan Sabah terhakis ada sama dan tentu menyokong Tawaran Baharu yang diumumkan oleh Dr Mahathir.

Pakatan Harapan yang menerima Dr Mahathir pada tahun ini tidak perlu mempertahankan apa yang dilakukan oleh beliau pada masa-masa lalu. Apa yang perlu diper-

tanggungjawabkan ialah hanya ketika Parti 'Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyertai Pakatan Harapan.

Setiap parti Pakatan Harapan perlu sentiasa merujuk pada idealisme asal masing-masing. PPBM komited untuk mempertahankan hak peribumi atau bumiputera bukan saja di Semenanjung Malaysia tetapi juga Sarawak dan Sabah.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) memperjuangkan keadilan semua rakyat termasuk Sarawak dan Sabah. DAP memperjuangkan demokrasi Parti Amanah Negara menuntut pemerintahan yang beramanah di seluruh negara. Inilah tawaran dari Pakatan Harapan yang mahu memberi harapan kepada rakyat Malaysia untuk memiliki negara lebih baik, sama ada di Semenanjung Malaysia, Sarawak mahu pun Sabah. ■

Pengangkutan awam bukan sekadar infrastruktur mega

“Negara maju bukanlah negara di mana orang miskin mempunyai kereta. Negara maju adalah negara di mana orang kaya menaiki kenderaan awam...”

RAMAI di antara kita yang berbabas tentang bandar berdaya huni (liveable city), bandar kreatif (creative city) atau bandar lestari (sustainable city). Di sini kami ingin menekankan aspek politik bandar dengan idea bandar sosial (social city). Sebuah bandar dianggap baik jika ia inklusif secara sosial dan ekonomi.

Dengan dasar yang betul, sesebuah bandar mampu menyediakan banyak peluang untuk memperbaiki taraf hidup dan menjadi tempat untuk semua individu mengembangkan potensi yang mungkin tidak ditawarkan di kawasan luar bandar atau kawasan pertanian.

Bagaimanapun, sesebuah bandar boleh meluaskan jurang antara yang miskin dan yang kaya, dan memburukkan lagi situasi terutama apabila masyarakat disusun untuk menguntungkan sekumpulan kecil golongan di atas dengan mengorbankan mereka yang di bawah. Agenda 'bandar sosial' ingin membincangkan bagaimana sesebuah bandar mampu menawarkan kehidupan yang lebih baik yang diinginkan orang ramai dari konteks yang bersifat lestari dan inklusif.

Hari ini, lebih 50 peratus daripada penduduk dunia hidup di kawasan bandar. Sementara di Malaysia, 70 peratus daripada rakyat negara ini menghuni kawasan bandar.

Pentadbiran bandar adalah persoalan politik yang penting di seluruh dunia. Kecekapan pentadbiran bandar selalunya menentukan nasib kerajaan yang mentadbir. Negara China yang hanya mempunyai satu parti politik sekalipun perlu prihatin dengan kualiti udara di bandar seperti Beijing dan bandar-bandar utama lain kerana ia mempengaruhi populariti kerajaan. Malah, selalunya, Datuk Bandar yang popular di kalangan masyarakat akan terpilih menjadi ketua negara seperti Presiden Jokowi di Indonesia.

Untuk memastikan sesebuah bandar berfungsi, sistem pengangkutan adalah faktor utama. Malaysia adalah contoh sebuah negara yang tidak mempunyai sistem pengangkutan yang cekap yang menyebabkan rakyat terjejas dari segi ekonomi dan kualiti hidup.

Kereta dan motosikal

Malaysia mempunyai 11 juta kereta peribadi berdaftar dan 11 juta lagi motosikal. Tinjauan Nielsen pada 2014 menunjukkan Malaysia merupakan negara ketiga tertinggi per kapita di dunia dalam pemilikan kereta dengan 93 peratus isi rumah memiliki sekurang-kurangnya sebuah kereta, dan 54 peratus memiliki lebih daripada sebuah kereta.

Enrique Penalosa, bekas Datuk Bandar Bogota, Colombia pernah berkata: "Negara maju bukanlah negara di mana orang miskin mempunyai kereta. Negara maju adalah negara di mana orang kaya menaiki

kenderaan awam."

Situasi itu terjadi sebaliknya di negara kita dengan situasinya adalah "kebanyakan orang miskin mempunyai kereta, dan jika mereka lebih miskin mereka menunggang motosikal."

Di Malaysia, dengan kadar pemilikan kenderaan peribadi yang tinggi, sistem pengangkutan yang diperlukan golongan wanita, pelajar, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan golongan miskin tidak diurus dengan baik.

Malaysia merupakan salah sebuah negara dengan kadar kematian jalan raya per kapita tertinggi di dunia. Setiap tahun, lebih kurang 7,000 korban kemalangan jalan raya dan tidak kurang juga jumlahnya yang cedera parah. Dua per tiga kematian melibatkan penunggang motosikal.

Kerajaan mengambil pendekatan bahawa kemalangan jalan raya boleh dikurangkan hanya dengan mendidik pengguna jalan raya untuk berhemah. Namun hakikat sebenarnya adalah pengguna motosikal terdedah dengan kemalangan jalan raya berbanding mereka yang memandu kereta.

Hisham, salah seorang penduduk di Parlimen saya lumpuh seumur hidup selepas terlibat kemalangan motosikal pada tahun 2000, ketika anak lelakinya baru berumur satu tahun. Pada hari menjelang Hari Raya 2016 pula, saya begitu terkilang mendengar khabar buruk anaknya yang sudah berumur 17 tahun pula terlibat dalam kemalangan motosikal.

Sangat menyayat hati apabila tragedi ini sehingga melibatkan dua generasi.

Keretapi

Malangnya, pengangkutan awam yang berfungsi dengan cekap bukan keutamaan Perdana Menteri Najib Razak. Beliau digelar oleh rakan-rakan sekerjanya sebagai "bapa pengangkutan awam", sedangkan Najib cuma membina infrastruktur mega dan bukannya sistem perhubungan.

Hanya mereka yang berada di sektor pembinaan yang teruja dengan tiket projek-projek besar seperti MRT dan sambungan LRT kerana mereka mendapat manfaat langsung daripada kontrak-kontrak seumpamanya.

Pelbagai infrastruktur mega itu tidak "terhubung" antara satu sama lain. MRT dan KTM mempunyai sistem masing-masing, bukannya sebagai sistem tunggal.

Selain itu, tiada kesan transformatif kepada kehidupan rakyat biasa di Kuala Lumpur kerana ia hanyalah binaan konkrit dan keretapi, bukannya sistem. Ia hanya untuk Kuala Lumpur dengan kos yang tinggi.

Ahli Parlimen Serdang Dr Ong Kian Ming pakar dalam topik ini. Kajiannya mendedahkan bahawa Prasarana mempunyai hutang

lebih RM20 bilion dan pembinaan MRT saja sudah mencecah kos RM2.1 bilion, tidak termasuk kos tanah. Sedangkan, rakyat Malaysia di luar Kuala Lumpur tidak mendapat apa-apa manfaat daripada projek infrastruktur ini.

Perkhidmatan bas

Sesebuah sistem perhubungan yang cekap menghubungkan seseorang daripada rumahnya ke destinasi melalui semua jenis pengangkutan awam, yang mana-mana yang sesuai baginya. Bas merupakan pilihan paling murah. Saya sering berjenaka bahawa dengan rasuah dan kejatuhan ringgit, bas buatan Eropah mungkin bernilai tidak lebih RM700,000.

Bas dan beberapa bentuk sistem Bas Rapid Transit (BRT) perlu menjadi sebahagian daripada penyelesaian. Kuala Lumpur mempunyai 1,500 bas pada 1985 ketika Lembah Klang berkeluasan sepertiga keluasan hari ini. Lembah Klang yang hari ini jauh lebih luas, hanya terdapat kurang daripada 1,000 bas. Sesebuah sistem perhubungan yang cekap seharusnya menyelesaikan persoalan-persoalan utama ini sebelum membuat keputusan membina infrastruktur mega.

Perkhidmatan bas yang ada di Malaysia adalah dengan tambang yang dibayar pengguna perkhidmatan, sehinggalah pada 2008, bas percuma CAT (Transit Kawasan Pusat) diperkenalkan melalui idea kerajaan Pulau Pinang. Sebelum itu, kerajaan, baik di peringkat negeri mahupun persekutuan, beranggapan tanggungjawab mereka hanyalah membina dan menyelenggara jalan, bukannya menyediakan pengangkutan awam.

Tujuan pengangkutan awam

Idea menyediakan perkhidmatan bas percuma bukan semata-mata menyediakan bas percuma, tapi lebih sebagai mengambil konteks bahawa kerajaanlah yang perlu membayar pengangkutan awam. Pengangkutan awam adalah untuk kepentingan rakyat.

Jika kita ingin memenuhi keperluan sistem pengangkutan seluruh negara serta tidak terhad di Kuala Lumpur saja, sistem pengangkutan dengan kos penggunaan yang lebih berpatutan perlu dilaksanakan, bukan sekadar membina infrastruktur mega yang mahal. Perlu diingat, kesesakan jalan tidak hanya terjadi di Kuala Lumpur, tapi juga di bandar-bandar kecil lain.

Satu lagi sebab untuk mempertimbangkan pilihan pengangkutan yang lebih murah adalah seperti jalan raya yang cuma sesak ketika waktu kemuncak, pengangkutan awam juga hanya sesak pada waktu itu. Maka, membina infrastruktur mega bererti



kemudahan itu terbiar tidak digunakan kebanyakan masa.

Tujuan pengangkutan awam seluruh dunia adalah untuk membawa pengguna berulang-alik dari rumah ke tempat kerja pada hari bekerja, ketika waktu kemuncak. Ia bukan semata-mata untuk membawa pengguna ke pusat membeli belah.

Ada salah faham yang besar bahawa infrastruktur pengangkutan awam mega boleh didirikan dengan meniru "model Hong Kong" iaitu "pembangunan berorientasikan transit" melalui penjualan tanah sekitar stesen transit untuk pembangunan hartanah seperti pusat membeli belah dan kondominium.

KL Sentral dan pelbagai lagi "Sentral" seumpamanya di seluruh negara membuktikan bahawa pendekatan hartanah seperti itu tidak meningkatkan kualiti atau penggunaan pengangkutan awam.

Mengubah pengangkutan awam di Malaysia untuk menjadi lebih lestari dan inklusif adalah visi saya. Salah satu sebab adalah kerana ayah saya pernah menjadi pemandu teksi dan pemandu bas mini. Sejak saya menggunakan bas awam ke sekolah 25 tahun lalu, saya fikir kita mampu memperbaiki pengangkutan awam kita.

Untuk negara ini, perbincangan tentang sistem pengangkutan akan semakin menjadi lebih penting dengan keperluan sistem pengangkutan yang meningkat dengan populasi yang semakin bertambah (seperti mana halnya di bandar-bandar selain Kuala Lumpur). Selain itu, perbincangan ini juga penting untuk memastikan penjimatan sumber asli, mengurangkan kemalangan jalan raya serta memenuhi tawaran-tawaran ekonomi dan daya huni yang ada.

Kita perlukan model baru dalam pengangkutan awam untuk kepentingan semua.

■ **Liew Chin Tong ialah Ahli Parlimen Kluang dan Pengerusi REFGSA. Tulisan ini adalah sedutan ucapan beliau di Persidangan Social City 2 pada 19 September 2017 di Kuala Lumpur.**

Surat terbuka Rafizi untuk tauke lembu

Tindakan suami Ketua Wanita Umno Datuk Seri Salleh Ismail mengiklankan tuntutan mufis terhadap Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli kerana mendakwa Naib Presiden Keadilan itu gagal mematuhi perintah mahkamah yang mengarahkan beliau membayar pampasan kepada Ketua Pengarah Eksekutif National Feedlot Corporation (NFC) itu membingungkan Rafizi. Ini kerana beliau tidak langsung dihubungi peguam Salleh bagi mengadakan perbincangan berhubung pembayaran tersebut. Malah Ismail mendakwa terpaksa berbuat demikian kerana usaha menghubungi Rafizi gagal. Berikut adalah surat terbuka Rafizi yang ditujukan kepada Ismail bagi menjawab dakwaan beliau.

Assalamualaikum wbt.

Ke hadapan Dato' Seri Salleh Ismail yang dikasihi.

Saya ada terbaca berita mengenai keluhan Dato' Seri yang menghubungi Berita Harian sekitar jam 7 malam tadi (24 Sept) kerana Dato' Seri belum menerima cek dari saya.

Saya ada sertakan petikan skrin dari Berita Harian sebab saya khuatir Dato' Seri ingat saya memfitnah Dato' Seri. Kalau Dato' Seri failkan saman terhadap saya sekali lagi kerana berita ini, nanti Dato' Seri kena bayar peguam yang mahal untuk menguruskan kes saman yang baru itu.

Saya minta maaf kalau sedikit kelewatan beberapa jam itu begitu meresahkan Dato' Seri sehingga mendorong Dato' Seri menghubungi wartawan (Rafidah) selepas waktu kerja biasa. Lagi pun saya tengok Rafidah telah pun menghubungi salah seorang peguam saya (Razlan Hadri) yang telah mengesahkan bahawa saya telah menyerahkan cek kepada peguam saya. Razlan juga telah pun memaklumkan Rafidah yang cek itu akan disampaikan kepada peguam Dato' Seri esok.

Semasa saya dan peguam saya berbincang mengenai kepada siapa saya patut menulis cek berjumlah RM306,999.18 itu, saya dinasihatkan untuk menulisnya kepada peguam Dato' Seri yang berbulan-bulan kononnya tidak dapat mencari saya. Padahal saya tiap-tiap hari ada buat #liveFB. Pusat khidmat saya pun dibuka sepanjang minggu tetapi peguam Dato' Seri ini tidak dapat cari saya seperti mana pihak berkuasa tidak

berjaya mencari Jho Low.

Mungkin sebab muka saya ada iras Cina sedikit dan saya pun tembam-tembam juga, agaknya kerani dari firma peguam Dato' Seri tersalah cari Jho Low!

Mulanya saya mahu membayar kesemua RM306,999.18 itu kepada Dato' Seri. Saya pun bersimpati dengan Dato' Seri. Setiap kali kita bertemu di mahkamah, Dato' Seri nampak murung sekali.

Saya tak salahkan Dato' Seri kerana bebanan hidup kebelakangan ini sangat menekan. Saya yakin Dato' Seri juga ada terkesan dengan GST, tambah-tambah dalam keadaan perniagaan Dato' Seri tidak begitu baik. Saya tahu pasaraya di Singapura itu ditutup dan mungkin juga perniagaan-perniagaan lain.

Oleh kerana saya memang tidak setuju dengan pengenalan GST sekarang, saya harap Dato' Seri bersabar selagi kita tidak menukar kerajaan kerana selagi itulah kita kena bayar GST.

Hati saya memang mahu membayar kesemua RM306,999.18 kepada Dato' Seri.

Kemudian barulah peguam saya mengingatkan bahawa RM306,999.18 bukan semuanya milik Dato' Seri.

Mengikut notis mahkamah yang peguam Dato' Seri tampal di pintu rumah saya minggu ini, hanya RM150,000 yang perlu dibayar kepada Dato' Seri (beserta faedah).

RM50,000 lagi (beserta faedah) sebenarnya diarahkan dibayar kepada NFC. Saya pun tidak ingat berapa lagi wang baki dari RM250 juta yang

belum dibelanjakan yang telah dipulangkan kepada kerajaan, tetapi jumlah yang dibelanjakan untuk membeli kondominium dan harta lain adalah lebih dari RM50,000.

Jadi wang RM50,000 ini diperlukan oleh NFC untuk membayar balik wang rakyat yang sudah dibelanjakan tetapi NFC masih berhutang dengan rakyat Malaysia.

Baki RM100,000 lagi adalah jumlah khusus untuk dibayar kepada peguam-peguam Dato' Seri. Saya tahu peguam Dato' Seri tidak mengambil kes ini secara percuma seperti peguam-peguam saya.

Untuk meringankan beban kewangan Dato' Seri yang sudah banyak (dengan GST dan lain-lain), saya kena pastikan wang RM100,000 ini sampai kepada peguam.

Daripada menulis 3 cek yang berasingan kepada 3 pihak, saya telah menulis kesemuanya kepada peguam Dato' Seri yang bernama Khalek Awang itu. Saya telah meminta peguam saya Siau Sun & Michele untuk berhubung dengan peguam Dato' Seri supaya cek dapat diserahkan secepat mungkin. Saya ingat agaknya dengan cara itu juga peguam Dato' Seri boleh belajar kaedah yang lebih mudah untuk menghubungi saya iaitu melalui peguam masing-masing.

Itu pun saya agak keberatan untuk menulis cek sekaligus kepada peguam Khalek Awang kerana saya ingat Dato' Seri mungkin lebih memerlukan. Tetapi saya tidak mahu menyusahkan Dato' Seri takut-takut Dato' Seri ingat wang kepada peguam atau NFC boleh digunakan sesuka hati. Saya takut Dato' Seri terbelanja wang yang milik NFC atau peguam Dato' Seri untuk menternak lembu, seperti dulu Dato' Seri terbelanja wang RM250 juta untuk membeli kondominium.

Saya harap menjelang jam 7 petang esok Dato' Seri dapatlah cek itu. Saya harap kalau Dato' Seri gembira pun jangan sampai tidur dengan cek itu.

Satu perkara lagi, ada kawan saya di Pandan tanya sama ada Dato' Seri sudah bayar kesemuanya wang RM250 juta yang diambil untuk bela lembu dahulu. Kata kawan saya, kalau Dato' Seri cepat-cepat bayar, boleh juga kami gunakan wang itu untuk kurangkan GST atau kurangkan

harga petrol.

Kalau boleh Dato' Seri bayarlah sebelum pukul 7 petang esok, saya bimbang kawan saya itu akan sawan dan mula menelefon wartawan Berita Harian kerana belum menerima RM250 juta milik rakyat itu.

Baiklah Dato' Seri, anak saya sudah marah kerana saya sibuk menulis surat kepada Dato' Seri. Katanya dulu saya selalu tiada di rumah kerana mencari lembu di dalam kondominium-kondominium di Bangsar. Sekarang masih lagi berpusing-pusing dengan kes lembu ini.

Sampaikan salam kepada anak-anak Dato' Seri juga.

Sampaikan salam hormat dan simpati kepada Dato' Seri Shahrizat Jalil kerana beliau masih terpaksa bekerja pada umur ini walaupun dipencenkan sejak tahun 2008 lagi. Namun dalam keadaan serba GST ini, kita boleh bernafas lega sedikit kalau isteri kita ada pendapatan tetap. Lebih-lebih lagi Dato' Seri Shahrizat dapat gaji menteri tiap-tiap bulan.

Sehingga kita ketemu lagi minggu depan di Mahkamah Rayuan kerana mahkamah akan memutuskan permohonan rayuan saya membatalkan keputusan yang berpihak kepada Dato' Seri.

Jika saya menang, Insya Allah saya akan menampal notis tuntutan sebesar pintu rumah di pintu pagar rumah Dato' Seri untuk membayar kembali jumlah RM306,999.18 ini.

Saya bergurau sahaja. Saya yakin jika pun Dato' Seri diarahkan mengembalikan wang itu minggu depan, seminggu dapat merasa wang itu bolehlah mengurangkan beban beberapa sen membayar GST untuk minggu ini.

Saya mendoakan Dato' Seri sekeluarga bahagia dan kekal sampai bila-bila.

Yang benar;

Rafizi

25 September 2017

11.30 malam

PS: Dato' Seri masih menjual daging lembu di Meatworks? Kalau masih ada, ingat nak singgah belanja Tun Mahathir minggu depan.

BAGAIMANA MELAYU MASA KINI?

60 tahun telah merdeka
Masih bergetar seruan
Dr. Burhanudin Al-Helmy
Di atas robohnya kota Melaka
Kita bangunkan jiwa merdeka
Bersatulah seluruh baka

Tetapi apa yang terjadi
Kepada Melayu masa kini
Bulan masih mengambang
Awan masih berarak
Air laut Selat Melaka
Masih membiru

Ke mana perginya jati diri
Orang Melayu sebagai pengembara lautan
Ke mana hilangnya Keris Taming Sari
Lenyapnya seruan Hang Tuah
Tak Melayu hilang di dunia
Pergi bersama ribut taufan masa kini

Remaja Melayu terlibat dadah
Berkhayal sepanjang malam
Di tepi tasik dan di mana-mana
Jadi pelumba malam
Tercicir dari sekolah
Jadi remaja gelandangan

Ada orang besar
Atau orang-orang besar

Terlibat rasuah dan salah guna kuasa
Dosa?
Ah seperti lalat hinggap di hidung

Di tengah gemerlapan lampu
Bandaraya yang indah
Remaja melepak
Dan berkhayal dengan dadah
Ini naratif remaja Melayu masa kini
Ketika kehidupan sangat mencabar

Para ilmuan terpinggir
Dipandang sinis
Malah dicurigai
Mereka tidak memiliki kuasa
Yang ada cuma data-data
Dan kata-kata

Demikian sebuah masyarakat yang runtuh
Ketika sebahagiannya
Membisu, mahu menjadi orang baik-baik
Seperti kata Napoleon Bonaparte
"The world suffer a lot
Not because tyrani of the bad people
But because the silence of good people"

A. SHUKUR HARUN
Subang Jaya
27 September 2017

SAJAK

Perumahan rakyat: Pemuda Umno perlu bezakan realiti dengan janji

Oleh MOHD AMMAR ATAN

TERGELAK besar saya bila membaca kenyataan Pengerusi Biro Perumahan Pemuda Umno Nazir Hussin, di dada akhbar Sinar Online yang bersungguh menutup kegagalan besar kerajaan kleptokrat Umno dalam menepati janji 1.1 juta pembinaan rumah mampu milik seperti mana yang telah dijanjikan dalam manifesto PRU14 yang lalu.

Setakat nak menipu ahli Umno sendiri bolehlah, tapi rakyat bukan bodoh untuk mempercayai sesuatu yang tidak selari dengan realiti di hadapan mata mereka.

Mari saya tunjukkan data terkini kedudukan rumah mampu milik seluruh Malaysia kepada Pemuda Umno.

Kerajaan BN telah berjanji untuk bina 1.1 juta rumah mampu milik menjelang 2018. Setakat ini, hanya 241,745 unit rumah mampu milik atau 21.3% telah tercapai daripada sasaran asal kerajaan untuk disiapkan.

Pada tahun 2013, kerajaan telah berjanji untuk

menyediakan 1 juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun, menjelang 2018. Tiga tahun kemudian, kerajaan telah meningkatkan sasaran kepada 1.1 juta sasaran unit rumah mampu milik dengan tujuan untuk memenuhi kehendak pasaran.

Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) antara contoh mudah kegagalan kerajaan kleptokrat Umno-BN dalam menepati janji mereka kepada rakyat.

Menjelang 2018, PR1MA sepatutnya telah membina 500,000 unit rumah mampu milik, malangnya setakat ini hanya 9,791 unit rumah atau 2% yang berjaya disiapkan.

Malangnya buat rakyat Malaysia, mereka telah ditipu bulat-bulat oleh Pemuda Umno dalam isu perumahan mampu milik. Justeru, kerajaan BN perlu memohon maaf kepada rakyat kerana gagal untuk menepati janjinya dalam membina 1.1 juta unit rumah mampu milik untuk rakyat.

Penulis ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Pemuda AMANAH Nasional.

PH Melaka umum struktur organisasi

KOTA MELAKA: Pakatan Harapan (PH) Melaka 24 Sept lalu mengumumkan struktur kepimpinannya bagi memantapkan lagi gerak kerja mendepani pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Pengerusi AMANAH Melaka Adly Zahari yang dilantik sebagai Pengerusi PH negeri sebelum ini mengumumkan Timbalan Pengerusi PH Melaka yang disandang Pengerusi Keadilan negeri Shamsul Iskandar Mohd Akin, Pengerusi DAP negeri Tey Kok Kiew dan Pengerusi PPBM negeri Mohd Redzuan Md Yusof.

Naib Pengerusi negeri disandang Mohd Rafiq Naizamohideen (PPBM) yang juga Pengarah Pilihan Raya; Gue Teck (DAP) juga Pengarah Penerangan; Mohd Sofi Wahab (AMANAH) yang memegang portfolio Pengarah Tawaran/Manifesto manakala Gsami Nathan (Keadilan) sebagai Pengarah Perpaduan.

Setiausaha disandang Khoo Poay Tiong, Bendahari Azizan Hasan, Ketua Wanita Mahani Misban, Ketua Pemuda Ramlan Meon, Pengarah Mobilisasi Yuhaizad Abdullah, Pengarah Undang-undang Rusnah Aluai dan Pengarah Ekonomi Mohd Zairi Suboh.

"Dengan terbentuknya struktur organisasi ini, PH Melaka akan memberi sepenuh komitmen bagi mengurus semula ketirisan atas sebarang sebab terutamanya rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berleluasa dalam kerajaan negeri ketika ini," kenyataan rasmi gabungan itu dipetik.

Dalam perkembangan berasingan, keputusan Pas untuk bertanding 13 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Melaka membuktikan parti itu tidak serius untuk mencabar BN dan hanya bertindak sebagai 'pengacau'.

Mohd Sofi yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Melaka mempersoalkan komitmen parti itu untuk menukar kerajaan negeri jika hanya bertanding pada bilangan kerusi Dun yang tidak mencapai bilangan majoriti mudah bagi membentuk kerajaan.

Mana-mana parti politik yang ingin membentuk kerajaan di Melaka perlu menguasai sekurang-kurangnya 15 kerusi Dun.

Beliau mengulas kenyataan Pesuruhjaya Pas negeri Kamarudin Sidek bahawa keputusan bertanding 13 kerusi itu dibuat kerana parti itu terpaksa berhadapan dengan pertembungan tiga penjurong dan pada



Barisan kepimpinan PH Melaka pada sidang media mengumumkan struktur kepimpinan PH negeri.

masa sama menentang musuh tradisinya BN.

"AMANAH dan Pakatan Harapan komited untuk menubuhkan BN dan seterusnya menubuhkan kerajaan baru yang adil, bersih, telus serta peduli rakyat.

"Oleh itu adalah sia-sia jika rakyat memberikan undi kepada Pas kerana Pas hampir

pasti tidak akan dapat menubuhkan kerajaan dengan keputusan bertanding di sebahagian kerusi sahaja," katanya.

Sehubungan itu beliau menasihati pengundi agar tidak membazirkan undi pada pilihan raya umum akan datang dan bertekad memilih parti-parti gabungan PH di negeri itu jika mahukan perubahan politik.

Hussain Yee Tokoh Maal Hijrah P.Pinang

Oleh **ZAINULFAQAR YAACOB**

AIR ITAM: Pendakwah terkenal antarabangsa, Hussain Yee, diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1439H/2017M sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Pulau Pinang di Masjid Negeri di sini, baru-baru ini.

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Seri Utama Dr. Abdul Rahman Abbas menyarungkan jubah khas serta menyampaikan trofi, sijil pengiktirafan dan cenderamata kepada penerima.

Turut menyaksikan penyampaian anugerah ialah Timbalan Ketua Menteri, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peng-

guna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pena-sihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Dato' Anas Ahmad Zakie; serta Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd. Salim.

Hussain Yee atau nama sebenarnya Mohd Hussain Abdullah, 62, ialah pengasas Al-Khadeem iaitu pusat pendidikan dakwah kemasyarakatan antarabangsa membabitkan saudara baru di Petaling Jaya, Selangor sejak 1984.

Beliau anak jati Kedah namun berhijrah ke Pulau Pinang sejak tahun 1960-an ketika masih beragama Buddha.

Selepas memeluk Islam pada 1968 di negeri ini, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang hadis di Universiti Islam Madinah pada 1972 hingga 1978, serta berpeluang menjadi pelajar

kepada ulama besar hadis, Sheikh Muhammad Nasiruddin Al-Bani.

Beliau kini menjadi selebriti dakwah dalam beberapa rangkaian televisyen di peringkat antarabangsa.

Selain petah berbahasa Melayu, bakat berpidato dalam bahasa Inggeris, Arab dan Cina telah membawa beliau menyampaikan mesej Al-Quran dan dialog keamanan antara agama ke lebih 20 negara antaranya Hong Kong, China, Fiji, Australia, New Zealand, Maldives, Kashmir, India, Pakistan, Denmark, Turki dan Belanda.

Sheikh Hussain ditemui berkata, gerakan dakwah di Malaysia termasuk di Pulau Pinang begitu digalakkan oleh kerajaan dan mendapat sokongan banyak pihak.

"Kita mesti terus membawa mesej Al-Quran, Sunnah dan mesej keamanan kepada dunia dan mereka yang masih belum mengenal Islam, sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. untuk menghakis (sentimen) Islamophobia.

"Kita mesti berusaha untuk menghakis perasaan takut orang bukan Islam kepada Islam, dan satu lagi adalah melaksanakan kebajikan kepa-

da manusia tidak kira Islam ataupun bukan Islam," jelas Hussain kepada pemberita.

Selain Hussain, Muhammad Syazwan Menon, 29, dipilih menerima Anugerah Suadara Mithali; Pengasas Yayasan dan Madrasah An-Nahdhoh, Ustaz Abdul Mutalib Ma'arof, 43, menerima Anugerah Pendakwah Negeri; Rosadah Rameli, 64, menerima Anugerah Ibu Mithali; Penolong Profesor Jabatan Bioteknologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim menerima Anugerah Hijrah Inovasi; dan Abdul Hamid Ibrahim Naina menerima Anugerah Bapa Mithali.

Sebelum itu, Tun Abdul Rahman ketika menyampaikan amanat memberitahu, penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah ke Yatrib lalu menubuhkan Madinah Al-Munawwarah, sebenarnya mengajar erti pengorbanan yang begitu besar untuk dihayati umat.

Justeru, beliau sekali lagi menyeru seluruh umat Islam dan bukan Islam supaya saling berkorban kepentingan diri demi mengukuhkan lagi tali persaudaraan, semangat kekitaan serta keharmonian kaum dan beragama di negeri ini.



MAKAN MALAM DAP... Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu kehormat majlis Makan Malam DAP Pulau Pinang yang berlangsung baru-baru ini. Kehadiran Tun Mahathir diarak dengan paluan kompang masuk ke stadium tertutup itu dengan diiringi para pemimpin DAP dan PH. Antara yang hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail.



Hussain Yee menerima anugerah daripada Yang di-Pertua Negeri selepas diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Pulau Pinang.

Pulau Pinang perkasa institusi pendidikan Islam

GEORGETOWN: Kerajaan negeri telah menyumbang RM57.64 juta untuk pembangunan sekolah pendidikan Islam di negeri ini sejak 2008 berdasarkan permohonan dan keperluan tanpa mengira fahaman politik pemilikinya, kata Setiausaha Penerangan Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang Zulkifli Mohamed.

Menurut Zulkifli, jumlah sumbangan itu hampir tiga kali ganda melebihi sumbangan kerajaan negeri BN, iaitu kira-kira RM20.11 juta dalam tempoh yang sama dari tahun 1999-2007.

"Pada Jun 2016, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyumbang RM15 juta untuk pembangunan Pusat Pendidikan Islam At-Itqan, Teluk Kumbar.

"Kerajaan negeri juga menyumbang RM1.75 juta secara tahunan kepada institusi pendidikan Islam melibatkan sekolah Kafa, sekolah agama rakyat, tadika Islam (Tadis), maahad tahfiz dan pondok.

"Bantuan itu membabitkan tambahan elaan guru, penambahbaikan prasarana dan pembelian alat bantuan mengajar," ujarnya menjawab dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan Pakatan Harapan negeri meminggirkan institusi pendidikan Islam.

Peruntukan ini, jelas beliau tidak termasuk sumbangan khas dan bonus tahunan kepada guru, pelajar dan kakitangan sekolah, pondok, Tadis dan tahfiz serta sumbangan tahunan kepada para hufaz berjumlah RM500 seorang,

melalui program Ijtimak dan Anugerah Al-Hufaz anjuran kerajaan negeri sejak 2008.

"Menuduh kerajaan negeri anti, benci dan dengki terhadap institusi agama, seperti mana tohmahan oleh Ketua Penerangan Pas Pulau Pinang, Yusni Md Piah adalah berniat jahat.

"Rekod Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sejak 2010-2017 membuktikan Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum (SRIBU) telah menerima sumbangan hampir setengah juta iaitu RM414,910,00 dan Sekolah Rendah Islam Al-Ansar (SRIA) sebanyak RM 196,610.00.

"Bukti itu sekaligus menolak fitnah yang dicanang oleh Yusni kononnya kerajaan negeri tidak menyalurkan sumbangan kepada kedua-dua sekolah berkenaan kerana kononnya sikap hipokrisi dan pilih kasih kerajaan negeri terhadap institusi pendidikan agama khususnya yang dimiliki (aktivis) Pas," ujar beliau.

Zulkifli menambah, kebencian kepada kerajaan negeri kerana berbeza fahaman politik tidak mewajarkan perbuatan mengadu domba dan menabur fitnah seperti kononnya Pulau Pinang melarang azan malah sehingga sanggup menghukum untuk mengebumikan orang Islam yang tidak menyokong parti tertentu di jirat.

"Sesungguhnya dosa fitnah lebih besar daripada membunuh," pesan beliau.

Menurut Zulkifli, kerajaan negeri memandang serius tragedi yang meragut nyawa

pelajar dan guru-guru tahfiz di Selangor dan bertindak proaktif bagi mengelak tragedi itu berulang di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, tambah beliau Exco Hal Ehwal Agama negeri Datuk Abdul Malik Kasim menegaskan pendirian kerajaan negeri untuk tidak berkompromi dan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang mengabaikan keselamatan Maahad Tahfiz sehingga meragut nyawa para pelajar dan guru.

Kerajaan negeri juga, jelas Zulkifli memberi komitmen untuk terus membantu dan memantau 47 maahad tahfiz berdaftar dan kira-kira 20 yang tidak berdaftar di negeri ini.

Malah tambah beliau, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan kerajaan pusat termasuk meminda Akta Pendidikan (Akta 550) bagi membantu perkembangan institusi pendidikan Islam negeri ini ke arah lebih cemerlang.

Ketua Menteri Lim Guan Eng ketika menyampaikan sumbangan kepada sekolah agama rakyat sempena perasmian Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah Guar Jering, Permatang Pauh pada 13 November 2016 memberi jaminan bahawa kerajaan Pakatan Harapan negeri akan terus memberi sumbangan dan membantu perkembangan institusi pendidikan Islam negeri ini.

Sebagai rekod, Maahad At-Tarbiah Guar Jering dibina kerajaan negeri dengan kos RM1.3 juta.

Azmin ucap selamat kepada tiga bekas MB

KLANG: Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengucapkan 'selamat berjaya' kepada tiga bekas menteri besar iaitu Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, Tan Sri Abu Hassan Omar dan Dr Mohamad Khir Toyo yang dilapor akan bekerjasama untuk merampas kembali Selangor daripada Pakatan Harapan (PH).

"Ini membuktikan kepemimpinan sedia ada dalam Umno Selangor gagal tarik sokongan rakyat. Kalau itu sahaja kualiti yang ada, semoga berjaya untuk mereka," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Selangor Bio Bay, di Pulau Indah, dekat sini, baru-baru ini.

Azmin berkata, rakyat sedia maklum sejarah tiga tokoh itu hingga menjadi bekas Menteri Besar Selangor.

"Terpaksa guna yang lama untuk tarik sokongan dan kita pun kenal siapa tiga (orang) ini dan kenapa mereka mantan? Semua orang tahu kenapa mereka jadi mantan sekarang," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar sebelum ini berkata tiga bekas Menteri Besar Selangor akan bergabung bagi memastikan BN menawan kembali negeri itu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Beliau juga berkata penyertaan semula Muhamad dalam Umno juga memberi aura baharu buat BN di negeri itu.

Menurutnya, pembabitan pemimpin Pemuda Umno bahagian dalam skandal penyelewengan sebesar ini menzahirkan betapa seriusnya gejala rasuah dan penyelewengan yang sedang berlaku di negara ini.

"Kami mendesak agar SPRM terus menyiasat skandal ini seterusnya membawa individu yang terlibat ke muka pengadilan," ujarnya.

Pemimpin Pemuda Umno Bagan Datoh didakwa seleweng RM40 juta

IPOH: Pemuda AMANAH Negeri Perak memandang serius penahanan reman seorang pemimpin Pemuda Umno Bahagian Bagan Datoh oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan menyeleweng wang peruntukan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

SPRM pada 14 September lalu dilapor menahan pemimpin Pemuda Umno itu bersama tiga yang lain kerana disyaki menyeleweng dana kerajaan bernilai hampir RM40 juta.

"Mengikut maklumat Ketua Pemuda Umno Bahagian berumur 38 tahun itu adalah 'orang

kanan' kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi di parlimen Bagan Datoh dan khabar angin ini bertuip kencang di laman sosial Facebook.

"Oleh yang demikian, Pemuda AMANAH Negeri Perak mendesak Dr Zahid Hamidi memberi penjelasan sama ada benar ataupun tidak dakwaan tersebut," kata Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Perak Ahmad Shafiq Ahmad Ariffin.

Menurut Shafiq, sehingga kini Ahmad Zahid terus membisu biarpun banyak pihak termasuk ahli Umno telah mengaitkan

individu terbabit dengan beliau.

"Tindakan Ahli Parlimen Bagan Datoh itu mendiamkan diri adalah sangat tidak bertanggungjawab dan telah menggadaikan integritinya apabila seolah-olah merestui penyelewengan dana kerajaan itu," kata Shafiq.

Pemuda AMANAH Perak, ujarnya memandang serius dakwaan penyelewengan yang berlaku kerana ia melibatkan wang rakyat dengan jumlah yang begitu besar.

"Tindakan mereka menyeleweng dana ini adalah satu pengkhianatan terhadap rakyat dan negara," tegasnya.

Pulau Pinang beri bantuan RM400 untuk mangsa banjir

GEORGETOWN: Setiap keluarga dan bangunan yang rosak dilanda banjir akan diberikan bantuan RM400 oleh kerajaan negeri.

Bayaran sekali gus (one-off) itu membabitkan 2000 mangsa pada kejadian banjir paling buruk dalam sejarah negeri itu.

Banjir yang berlaku akibat tempas Taufan Doksuri pada 15 September lalu telah mengakibatkan kerosakan kepada bangunan dan kenderaan yang terperangkap dalam banjir.

Menurut Ketua Menteri Lim Guan Eng bantuan RM400 itu akan diberikan kepada setiap keluarga dan pemilik bangunan yang terjejas banjir.

"Perlu ditegaskan bahawa bayaran ini bukanlah suatu 'precedent' (kes duluan) tetapi adalah 'one-off' berikutan hujan lebat luar biasa akibat tempas besar Taufan Doksuri, yang mana jumlah hujan turun yang direkodkan dalam sehari adalah bersamaan dengan sebulan," ujarnya.

Buat pertama kali, paras air Empangan Air Itam meningkat begitu mendadak iaitu 26% dalam tempoh masa sehari.

Seramai 200 keluarga yang berdaftar telah dipindahkan ke sebelas pusat pemindahan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seluruh negeri Pulau Pinang.

"Bayaran RM400 ini akan diuruskan oleh wakil rakyat, ahli majlis perbandaran dan JKKK Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di bawah seliaan Exco Kebajikan Masyarakat, YB Phee Boon Poh, manakala bagi agensi kerajaan negeri akan diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri, YB Dato' Sarul Bahiyah Abu.

"Borang-borang permohonan akan dikeluarkan pada hari Isnin minggu hadapan (25 Sept) dan ianya harus dipulangkan dalam tempoh sebulan sebelum bayaran RM400 dibuat," jelas beliau.



Guan Eng melawat tanah runtuh di Kondominium Greenlane Park, Solok Tembaga, Georgetown yang berlaku akibat hujan lebat 15 Sept lalu.

AMANAHA fokus keluarga terabai

KOTA BHARU: Situasi ekonomi kritikal sekarang menyebabkan terdapat keluarga yang tidak mampu menyediakan makanan asas kepada anak-anak.

Pengerusi AMANAHA Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah mahu ahli-ahli AMANAHA peka kepada masalah ini khususnya di sekitar tempat tinggal masing-masing.

"Sebagai parti yang menjadikan gerak kerja peduli rakyat, menjadi tanggung jawab kita untuk mengambil cakra perkara ini," katanya ketika melancarkan program Kampit Beras AMANAHA Untuk Asnaf di Wisma Tok Guru, Salor, baru-baru ini.

"Saya mendengar sendiri kisah satu keluarga terbiar dari seorang pengurus pusat penjagaan anak yatim dan miskin di Tumpat.

"Dia menceritakan bagaimana seorang penghuni pusat yang dijaganya tidak makan dan asyik termenung waktu kawan-kawannya makan.

"Bila ditanya adakah dia sakit atau ada masalah kesihatan, kanak-kanak itu mem-

beritahu dia tidak sanggup makan kerana mengenang adik-adiknya di rumah yang tiada makanan," katanya.

Menurutnya, pengurus pusat itu kemudian mengajak anak itu ke rumahnya dan mendapati memang benar keluarga itu kehabisan makanan.

"Ayah budak itu lumpuh kerana strok dan ibunya tidak lagi bekerja kerana menjaga suaminya yang terlantar.

"Tiga lagi anak masih ada bersama ibu bapanya dan semasa pengurus pusat itu datang sudah tiga hari mereka tiada makanan asas, cuma minum air sejuk dan roti pemberian jiran," katanya.

Kisah seperti ini, kata Wan Abdul Rahim boleh terjadi di mana-mana dalam keadaan harga barang naik melambung sekarang sedangkan punca pencarian semakin sempit.

"Sebab itu meskipun kita parti daif tapi perlu sedar keadaan rakyat yang semakin tertekan sekarang perlu diberi keutamaan," katanya.

AMANAHA Kelantan melancarkan program beras untuk asnaf bagi memberi peluang



Normala menyampaikan beras AMANAHA kepada asnaf disaksikan Wan Abdul Rahim.

para penderma memberi sumbangan kepada golongan miskin dan terpinggir.

Para penderma boleh membeli beras 5 kg sekampit dengan harga RM14.50 untuk didermakan melalui AMANAHA peringkat negeri, kawasan atau cawangan mengikut pilihan mereka.

"Kita labelkan di kampit beras ini 'tidak

boleh dijual' kerana selepas didermakan beras ini tidak boleh dijual oleh penerima," katanya.

Turut menyampaikan sumbangan di majlis pelancaran itu ialah Timbalan Pengerusi AMANAHA Kelantan Ustaz Muhammad Husain dan Ketua Awan Kelantan Normala Mohd Nadzar.

Pengurus baru KAFA disaran tumpu hapus rasuah

KOTA BHARU: Wanita Pakatan Harapan (PH) Kota Bharu mahu presiden baru Kelab Bola Sepak Kelantan (KAFA) Bibi Ramjani Ali Khan memberi fokus untuk menghapuskan perjudian dalam permainan bola sepak yang selalu menjadikan penonton rasa tertipu.

"Kita mengharapkan beliau menjadi peneraju bola sepak yang berkeupayaan membayar gaji para pemain dan tidak menggadai harapan pembeli tiket perlawanan kepada apa-apa perlawanan dan judi bolasepak," kata satu kenyataan yang dikeluarkan Wanita PH Kota Bharu.

Kenyataan itu ditandatangani Ketua Wanita Keadilan Kota Bharu Mahani Abdul Moin, Ketua Sri-kandi PPBM Kota Bharu Noormala Abdul Kadir, Ketua Angkatan

Wanita AMANAHA Negara (Awan) Kota Bharu Ariza Mohamed dan Ketua Wanita DAP Kota Bharu Irene Yeoh.

"Terpilih sebagai pemimpin bukanlah mudah, apatah lagi melepasi ujian sebagai pemimpin.

"Wanita Pakatan Harapan Kota Bharu bersama ribuan peminat bola sepak Kelantan, mengucapkan syabas buat Bibi Ramjani Ali Khan yang terpilih sebagai Presiden KAFA pertama di kalangan wanita dan yang kedua dalam sejarah kemajuan sukan bolasepak negara," kata kenyataan itu.

Menurut mereka, wanita Kelantan memang memiliki keistimewaan tersendiri dalam melahirkan tokoh dan kejayaan dalam pelbagai bidang.

"Imej kijang pada logo KAFA

asal-usulnya datang dari peristiwa perjuangan hebat sejarah Kelantan.

"la dikatakan binatang permainan kesayangan raja teragung dalam sejarah Kelantan, yakni Cik Siti Wan Kembang yang berabad lamanya, negeri Kelantan digelar negeri Cik Siti Wan Kembang.

"Ratusan tahun sebelum itu, sebelum tercipta Tanah Serendah Sekebun Bunga, seorang tokoh legenda wanita Kelantan bernama Putri Urduja telah berjaya mengalahkan Raja Sukhotai," katanya.

Kijang kata Wanita PH Kota Bharu, adalah binatang pilihan Cik Siti Wan Kembang yang begitu misteri.

"Kijang itu sendiri sejenis binatang yang banyak dikaitkan dengan alam ketuhanan dan



Bibi Ramjani Ali Khan

banyak terkandung dalam syair sufi. Apatah lagi wangian kasturi yang sering dikaitkan dengan kijang dan syurga," katanya.

Wanita PH juga amat yakin wanita mampu melonjakkan

pasukan bola sepak hingga berjaya dengan cemerlang.

"Sudah terbukti contoh kemampuan seorang wanita apabila pasukan bolasepak Thailand yang dipimpin oleh pengurus wanita bernama Watanya Wongopasi boleh menjuarai perlawanan bolasepak Sukan Sea Kuala Lumpur 2017.

"Harapan semua, selepas ini kita bakal melihat kemenangan demi kemenangan hasil rembatan kencang ke gol lawan pasukan bolasepak Kelantan.

"Dan kesemua aksi itu di belakngnya ialah seorang wanita, Pengurus KAFA, namanya Bibi Ramjani Ali Khan, pasukan pengurusannya dengan dokongan ribuan penyokong The Red Warrior," kenyataan Wanita PH Kota Bharu itu dipetik.

Makan malam PRU14 AMANAHA Kelantan sasar kutipan RM1 juta

KOTA BHARU: Parti Amanah Negara (AMANAHA) Kelantan akan mengadakan makan malam khas untuk mengumpul dana menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14), 10 Oktober ini.

"Kita sasarkan kutipan RM1 juta bagi persiapan menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan bila-bila masa," kata pengarah majlis makan malam itu, Ir. Nor Marzuki Yaacob pada sidang media baru-baru ini.

Menurut beliau, majlis yang akan diadakan di Sweet Beach Resort itu bakal dihadiri pemimpin-pemimpin utama Pakatan Harapan (PH) di peringkat nasional dan negeri.

"Untuk kategori jualan meja, sumbangan berharga RM1000, RM3000 dan RM5000 bagi satu

meja akan dibuka kepada mana-mana penderma.

"Bagi kategori sumbangan individu, organisasi dan korporat tiada limit harga dan perderma boleh terus berhubung dengan pimpinan AMANAHA Kelantan untuk menderma," katanya.

Sementara itu, Pengerusi AMANAHA Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah yang ditanya pembahagian kerusi PH Kelantan berkata, perkara itu belum muktamad.

"Sebagai parti yang diputuskan untuk mengetuai peringkat negeri, tentulah AMANAHA menjadi pihak yang utama.

"Bagaimanapun perbincangan terus dibuka bagi memilih yang terbaik dan mampu menang," katanya.

Semua parti, katanya diambil kira termasuk DAP yang tidak pernah bertanding di Kelantan.

"Memang DAP menyatakan hasrat bertanding tetapi perkara itu belum dimuktamadkan oleh gabungan PH. DAP hanya berhasrat untuk (bertanding) Dun, tidak untuk Parlimen," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Timbalan Pengerusi PH Kelantan berkata pembahagian kerusi Parlimen di negeri ini masih belum dimuktamadkan.

"Terdapat empat kerusi Parlimen yang belum diselesaikan kerana bertindih dan setakat ini rundingan masih berjalan dengan parti lain," katanya.



Program makan malam AMANAHA Kelantan mensasarkan kutipan RM1 juta.

Presiden Halimah jadi kebanggaan rakyat Singapura

SIKAP ramah dan tulus Presiden Singapura, Halimah Yacob bergaul mesra dengan masyarakat setempat tanpa mengira bangsa, agama mahupun usia menjadi kekuatan kepada beliau untuk melaksanakan tugas baru selaku ketua negara.

Wanita pertama yang menggalas tanggung jawab selaku presiden negara republik itu bukan sahaja mampu menarik sokongan generasi muda, malah memikat hati golongan tua.

Ini terbukti apabila dua warga emas kaum Tionghoa, Sim Goon Hua, 80 dan Lim Ah Kheoh, 82, sanggup berjalan kaki ke ibu pejabat Persatuan Rakyat (PA) di King's George Avenue pada hari penamaan calon semata-mata untuk melihat dan bertemu Halimah.

Namun Goon Hua dan Ah Kheoh terpaksa meninggalkan tempat itu sekitar sejam kemudian dengan rasa hampa kerana tidak dapat bertemu Halimah yang padat dengan jadual.

Bagaimanapun dua warga emas itu akhirnya dapat bertemu Halimah di Istana Presiden dalam satu majlis awam.

Goon Hua sempat membawa bersamanya kain disulam tulisan Mandarin dengan kata-kata ucapan "kebahagiaan, kejayaan dan keamanan" sebagai hadiah buat Halimah.



Halimah bersama Goon Hua dan Ah Kheoh dalam majlis di Istana Presiden.

Ia tidak berakhir begitu sahaja, keputusan Halimah untuk terus tinggal di rumah pangsa yang didiami sejak sekian lama menarik perhatian rakyat republik itu terutama jiran-jirannya.

Seorang pemilik kedai runcit, Lee Swee Seng bangga kerana menjadi jiran Halimah.

Premis perniagaannya terletak berhampiran blok kediaman Halimah.

Premis perniagaannya terletak berhampiran blok kediaman Halimah.

Beliau berasa bangga kerana Presiden Singapura itu terus tinggal di Yishun Avenue walaupun kini memegang jawatan tertinggi negara.

Sejak mengendalikan kedai runcit di sebuah kolong blok di Yishun Avenue 4, 17 tahun lalu,

Halimah dan keluarga menjadi pelanggan tetap Swee Seng.

Kedai runcit Swee Seng, 53, menjadi tempat terdekat bagi ketua negara itu sekeluarga membeli barang dapur seperti roti dan sebagainya.

Ramai juga penduduk apartmen berdekatan yang mahu melihat presiden mereka lebih dekat apatah lagi ketika Halimah pergi dan kembali daripada pejabat.

Seorang penduduk, Victor Soh tidak melepaskan peluang bergambar dengan kereta rasmi Halimah di tempat letak kereta khas di bawah blok presiden itu tinggal.

Penduduk tahu Presiden Halimah Yacob masih tinggal di flat keluarganya dan begitu ghairah untuk berkunjung ke blok berkenaan bagi melihat kelibat presiden kelapan



Swee Seng, pemilik kedai runcit dekat blok kediaman Halimah bangga Presiden Singapura itu terus tinggal di Yishun.



Victor Soh tidak melepaskan peluang bergambar dengan kereta rasmi Halimah.

Singapura itu.

Semasa Halimah pulang ke rumah pada tengah hari sebelum menghadiri upacara mengangkat sumpah presiden di Istana, beberapa orang awam yang

sedang menunggu di bawah bloknya segera mengeluarkan telefon bimbit masing-masing untuk merakam gambar beliau. - sumber BH Singapura.

Hidupkan budaya bincang bukan memulau

TEBRAU: Wanita Pakatan Harapan (PH) perlu menyuburkan budaya wacana dan dialog dengan semua pihak dan tidak bersikap 'lebih suci dari orang lain' (holier than thou) kerana ia tidak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat.

Ketua Biro Penerangan Wanita PH Nasional Aiman Athirah Aljundi berkata, gerakan politik perlu menerima kepelbagaian dalam menjalankan tanggung jawab agar semua pihak dapat merasakan mereka terbela.

Athirah menjawab soalan hadirin di program wacana 'Wanita Penentu Masa Depan Negara' anjuran Wanita PH Negeri Johor, dekat sini, baru-baru ini.

Dalam sesi soal jawab, beliau ditanya tentang kehadiran aktivis kontroversi Siti Kassim dalam program 'Wanita Tolak Politik Toksik' yang diadakan di Kuala Lumpur dan pandangan PH berhubung tuntutan golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan

Transgender (LGBT).

"Ada beberapa perkara yang kami tidak bersetuju dengan Siti Kassim serta LGBT, itu adalah pendirian PH dan saya sendiri secara peribadi. Memang perkara ini telah dibahas banyak kali namun kebanyakan orang yang mahu mencari silap kami tidak memandangkan perbincangan tersebut," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa Siti Kassim dan golongan LGBT adalah pengundi yang sah di negara ini dan mempunyai hak untuk bersuara.

Sehubungan itu, beliau menyarankan dialog dan perbincangan diadakan dengan pihak-pihak terbabit dan bukan meminggirkan mereka.

"Sebagai sebuah gerakan politik di negara ini, kita harus menerima pembabitan pelbagai pihak termasuk golongan seperti Siti Kassim bersama rakan-rakannya.

"Sekurang-kurangnya Siti Kassim bersama rakannya mempunyai kesedaran dalam berpolitik

walau dia seorang wanita dan bagi saya baguslah Siti Kassim mempunyai kesedaran sedemikian sebagai seorang rakyat di Malaysia," ujarnya mengulas kehadiran Siti Kassim dalam program 'Wanita Tolak Politik Toksik'.

Menurut Athirah, Wanita PH perlu mengelak dari sentimen yang merasakan diri sendiri suci dan tidak pernah berbuat dosa sehingga tidak mahu menerima pembabitan orang yang dianggap 'tidak suci'.

Siti Kassim atau nama sebenarnya Siti Zabedah Kassim kerap menyatakan pandangan yang dianggap berlawanan atau bertentangan dengan budaya masyarakat negara ini.

Aktivis hak asasi dan alam sekitar itu juga sering kali dikecam kerana mengeluarkan kenyataan yang dianggap asing dari kefahaman umum umat Islam.

Wanita PH mahu lebih kerusi

TEBRAU: Wanita perlu diberikan lebih kerusi Dun atau Parlimen bagi memastikan mereka tidak terpinggir dalam menentukan corak pembangunan negara, kata Pengerusi Bersih 5 Maria Chin Abdullah.

"Perlunya suara wanita di dalam Dewan Rakyat hari ini kerana suara tersebut tidak sampai sepuluh peratus dan ini membuatkan wanita terpinggir jauh dari sebarang keputusan mahu pun perubahan yang dibuat oleh dewan tersebut.

"Penglibatan wanita dalam politik perlu digerakkan dan wanita perlu turut serta dalam politik di Malaysia. Sememangnya, wanita lebih teruk terjejas jika sebarang keputusan itu dibuat tanpa mendengar suara mereka contohnya macam kenaikan harga barang, yang terjejas teruk adalah kaum wanita," katanya.

Maria berucap pada program wacana 'Wanita Penentu Masa Depan Negara' anjuran Wanita Pakatan Harapan (PH) Negeri

Johor dekat sini, baru-baru ini.

Pandangan itu disambut baik Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar yang turut menjadi ahli panel dalam forum yang hanya memfokuskan kepada wanita itu.

"Saya menyambut baik cadangan untuk meramaikan lagi ahli parlimen dari kalangan wanita dan perkara ini akan cuba dibawa ke dalam PH agar cadangan ini diterima pakai oleh PH untuk membariskan wanita-wanita yang berkaliber sebagai calon pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

"Selain itu perjuangan untuk memartabatkan wanita dalam politik akan digerakkan.

"Saya akan mencadangkan kuota kepada wanita diberi sebanyak tiga puluh peratus di Dewan Rakyat kelak," katanya.

Program tersebut dihadiri lebih 500 orang dan turut membariskan Ahli Parlimen DAP Kulai Teo Nie Ching dan Ketua Biro Penerangan Wanita PH Nasional Aiman Athirah Al-Jundi.

Henti arak dengan berhikmah

ARAK hanya diharamkan secara taklif syar'ie ke atas umat Islam manakala kepada bukan Islam taklif syarie' pengharamannya tidak dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Syariat Islam memberi ruang kepada non-muslim untuk menkonsumsi arak atau alkohol atas dua sebab. Pertama, Islam tidak mahu memaksa tanggungjawab syar'ie ke atas bukan Islam atas konsep La Ikraha (tiada paksaan), dan kedua Islam menghormati hak agama lain jika amalan agamanya mengizinkan perbuatan tersebut.

Apa yang saya utarakan dalam artikel sebelum ini (sila rujuk 'Pesta arak dan hal berkenaan dalam menentukan hak bukan Islam dalam Siasah Syar'iah') adalah atas premis Masalah Kekuasaan dalam memelihara hak-hak kewarganegaraan apabila melibatkan perhimpunan mempromosikan arak.

Artikel kali ini membicarakan premis dakwah dalam menangani gejala arak dan kaitannya melalui kaedah nasihat dan

peringatan. Isu gejala arak atau alkoholism selain dibicarakan dalam konteks siasah syar'iah dari segi hak perlu diberi sentuhan dakwah secara hikmah.

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan ber-bahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (An Nahl: 125)

Asas dakwah bermula dengan fahaman bahawa kita hanya mengingkari perbuatan seseorang atas sebab implikasi perbuatan berpotensi merosakkan diri namun untuk melakukannya kita perlu ada sifat kasih kepadanya dan membimbingnya keluar dari potensi kerosakan. Ramai kita tersasar apabila kita gabungkan kebencian terhadap perbuatan dan pelaku sekaligus!

Dalam konteks kebersamaan, isu arak atau dalam konteks penyakit sosial di-

sebut 'alcohol menace' dikongsi kesan buruknya oleh semua pihak dan bukan orang Islam sahaja. Ini adalah peluang terbaik untuk kerangka dakwah bekerjasama dengan semua pihak muslim dan nonmuslim menanganinya secara inklusif isu kesan alkohol dan bukan secara eksklusif.

Berbagai pendekatan yang kreatif seperti melihat kesan rumahtangga, sosial, kesihatan dan ekonomi boleh dikongsi maklumat bersama dengan badan bukan kerajaan (NGO) bukan Islam yang menjurus kepada matlamat menangani gejala alkohol.

Jauhi sama sekali tanggapan isu arak adalah antara Islam lawan bukan Islam, ia adalah isu universal dan masalah bersama. Pandangan sesetengah pihak bahawa pesta arak menghina Islam lantas satu perhimpunan besar akan diadakan untuk tujuan tersebut hanya memburukkan keadaan.

Kita akan lihat ia akan menjadi eksploitasi politik dan para oportunist dan kelompok rasis akan terus melebarkan lagi ke-



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF

bencian jurang muslim dan nonmuslim. Pesta arak dalam kerangka dakwah dengan hikmah (bil hikmah) adalah 'way forward' menangani isu secara efektif bukan kebencian dan mengambil kesempatan siapa lebih Islamik!

Akhirnya janganlah pesta arak ini malingkan kita daripada gejala lebih besar mudaratnya yang membuatkan seluruh rakyat derita apabila pemimpin negara merompak harta rakyat dalam amalan kleptokrasi terbesar dunia!

"HENTI MINUM, TIADA PESTA ARAK"

■ **Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH, Pengerusi AMANAH Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Parit Buntar.**

Maahad tahfiz perlu diurus secara sistematik

PARTI Amanah Negara (AMANAH) telah sekian kalinya menegaskan agar pengurusan dan tata kelola institusi pendidikan agama khususnya institusi pendidikan tahfiz di negara ini ditadbir urus dengan lebih sistematik, menepati piawaian dan garis panduan yang telah ditentukan oleh pihak yang berwajib.

Keakuran mana-mana pihak yang hendak mengusahakan institusi ini kepada peraturan yang sedia ada atau yang akan ditentukan adalah sesuatu yang wajar, kerana ia melibatkan keselamatan dan masa depan generasi muda yang mendapat didikan dalam institusi tersebut.

Tekad dan kecenderungan masyarakat untuk terus melihat anak-anak mereka terdidik dengan nilai-nilai al-Quran harus disertai dengan penyediaan prasarana pendidikan yang lebih sempurna dan kondusif sama ada dari aspek pembelajaran, pengajaran dan persekitaran yang selesa dan menyenangkan selari dengan perkembangan pemikiran, jiwa, perwatakan Adan psikologi anak-anak didik di institusi yang melahirkan insan hufaz yang amat bermanfaat kepada negara.

Anak-anak dan ibubapa yang menggalas tanggung jawab untuk melahirkan insan yang hafiz al-Quran wajar didokong bersama oleh semua pihak.

Namun apabila terdapat 940 maahad tahfiz swasta yang sedang beroperasi di negara ini, dan sebahagiannya berdaftar (612 buah) sementara sebahagian lagi tidak berdaftar (321 buah) dengan kerajaan, ianya suatu senario yang serius untuk dilihat. Justeru itu tindakan yang lebih konstruktif dan menyeluruh perlu diambil, terutama apabila ia melibatkan sejumlah 150,000 orang pelajar yang masih memerlukan didikan yang sempurna terlibat dengan institusi tersebut. Kerana itu AMANAH menuntut penyelesaian secara tuntas dan menyeluruh perlu dilakukan segera.

Sekiranya Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menjadi salah satu perkara yang boleh membantutkan pertumbuhan institusi pendidikan agama khususnya institusi pendidikan tahfiz swasta dan terlepasnya tanggung jawab tatakelola pihak berkuasa agama untuk mengawal selia institusi tersebut, ia perlu dinilai

semula dan dilihat kembali secara menyeluruh.

Justeru AMANAH memberi pandangan akta itu haruslah dipinda dan pindaan itu mestilah disertai dengan tindakan yang komprehensif, bagi membolehkan institusi pendidikan agama itu berjalan dengan lebih sistematik, berwibawa dan terancang.

Untuk memastikan institusi pendidikan tahfiz di negara ini mengikut landasan dan peraturan yang sedia ada dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), dan bagi memenuhi tuntutan sebahagian masyarakat yang berkecenderungan menghantar anak-anak mereka di institusi pendidikan tahfiz, AMANAH mencadangkan supaya pihak berkuasa agama memikirkan secara serius untuk memperbanyakkan institusi pendidikan agama yang berasaskan tahfiz di seluruh negara.

Sekalipun sekarang ini telah wujud institusi seperti itu, namun ianya tidak mencukupi untuk menampung permintaan masyarakat yang berkecenderungan ke arah pendidikan tersebut. Bukan hanya sekadar meminda Akta 550 dalam per-



PENDAPAT
DR HASAN BAHROM

kara-perkara tertentu yang boleh menyelesaikan masalah yang sedia ada, tetapi juga harus lebih agresif menyelesaikan permasalahan ini secara menyeluruh supaya institusi ini lebih kompetatif dan berketrampilan.

Sebagai sebuah parti yang mengangkat kepedulian melandasi gerak kerjanya, AMANAH bersedia menyumbang fikiran untuk meningkatkan martabat institusi pendidikan tahfiz di negara ini.

#AmanahDemiNegara

■ **Dr Hasan Bahrom ialah Naib Presiden AMANAH dan Pengerusi Biro Pendidikan AMANAH Nasional.**

Dedah nilai 'alpha' bersekali umum harga minyak

PENETAPAN harga mingguan untuk petrol dan diesel telah pun sedia mengundang perdebatan dan kegelisahan awam.

Ketidaktentuan harga bahan api, apatah lagi jika konsisten meningkat saban minggu, telah menyebabkan harga barangan keperluan harian turut mencanak naik dan semestinya sukar untuk turun sekalipun harga bahan api turun untuk beberapa tempoh.

Lebih memeritkan bagi warga muda yang terpaksa bergantung sepenuhnya pada kenderaan peribadi untuk ke tempat kerja rentetan lokasi yang jauh dan kecekapan sistem pengangkutan awam yang masih di tahap sederhana.

besar daripada gaji bulanan untuk dihalakan ke stesen-stesen minyak kini bukan lagi satu pilihan, bahkan keperitan yang perlu ditelan dengan pahit.

Justeru penting untuk pihak kerajaan berlaku telus dan jujur dengan rakyat. Sikap Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang terus membisu dan amat berahsia tentang nilai 'alpha' dalam formula APM serta kaedah sebenar pengiraan bahan api ini sama sekali tidak boleh diterima.

Bahkan lebih jauh, sikap ini telah ditanggap ramai pihak sebagai perancangan tersusun untuk kerajaan merahsiakan keuntungan sebenar yang dikaut saban minggu.

Sebelum kita menuntut sesuatu yang mustahil untuk dipenuhi seperti membekukan kelebihan kad inden untuk semua menteri kabinet, elok Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mendedahkan dahulu nilai 'alpha' rasmi yang diguna pakai sewaktu pengumuman harga mingguan petrol dan diesel.

Jika gagal, pihak menteri telah mengiyakan telahan awam bahawa kerajaan memang sengaja berselindung untuk menipu setiap sen daripada poket rakyat. "Menggalas Harapan Perubahan" #PemudaBekerja



■ **Penulis ialah Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional.**

A double jeopardy in Najib's PR debacle!

By **DR DZULKEFLY AHMAD**

YOU could actually hear PM Najib breathed a big sigh of relief at any opportunity that arises, as to deflect the attention away from his recent PR debacle of the Trump meet.

The decision of Tan Sri Mohammad Taib to return to Umno came in very timely. To sensationalise it further, eight assemblymen from the ruling government were banded to be crossing over with him.

The fact that Najib relished on such event is a clear admission of his willingness to allow for any other 'happening' to take immediate centre stage in national politics.

To the chagrin of Najib and his 'spin doctors', despite much hype, the press conference was arguably a huge letdown. After a prolonged delay, only the ex-MB, Mat Taib appeared. By then the double jeopardy of sort, was visible on Najib's face.

Doubtless, after the 6 min video of the recorded part of the meeting in the White House went viral, Najib's first PR debacle in current political history unfolded and could no longer be retracted.

Yes, the rakyat took real offence of Najib's very-unfortunate statement of 'We want to help you in strengthening the US economy' when he submitted his three 'strong value

proposition' programmes.

It would have served him well, if only he cared to watch of how his predecessor, Tun Mahathir, faced his counterpart, President George W Bush then. Najib's was really a far cry.

Though the POTUS was visibly elated and pleased, Najib could have in fact, inadvertently 'humiliated' Trump by overdoing it. More fatal and greivous perhaps, is the fact that he could no longer 'rationalised' his original statement of why he did it all, to save the US economy!

So stop your vain attempt at white-washing or making good of your blunders, Mr Prime Minister! Unlike many apple-polishers ministers, smarter ones like Khairy Jamaluddin and Johari Ghani did not even be bothered trying.

Be that as it may, could we again ask you whether 'strengthening the US economy' was the real reason for purchasing 25 Boeing 737's and eight 787 Dreamliners for our national carrier, MAS?

As if that wasn't sufficient to 'strengthen the US economy', you will be committing another 25 more 737 MAX 10 in the near future, while emphatically saying of its strong 'probability' and not 'possibility' of doing it!

Lo and behold, you really went overboard

when you in fact invoked the name of AirAsia, an entirely private entity, you hope to persuade to purchase of the US' GE engine.

Similarly, in the same vein, of the additional EPF fund of US\$ 3billion to US\$4 billion, adding on to the already invested \$7 billion. So is the case of Khazanah fund.

Stand up Mr PM and answer! Why do you only now turn around to tell us all this grandmother story to the rakyat, of making good profit and return from all these investments, Mr Prime Minister?

Why not be outright with Trump and tell him that we believe that we could make more handsome profit when we knew of your effort to inject a fiscal stimulus to turn around the US economy?

Tell us why we shouldn't accuse you of desperately trying to curry Trump's favours?

We would have been more dignified and exalted, as a modest sovereign nation, if only you have honestly explained why our EPF and Khazanah will continue to be invested in the US ie for the good return on investment, we had thus far. But you didn't!

So why are you so frantically wanting to win Trump's favour and pleasure? Did it ever occur to you that Trump is in no position to influence the actions of the US Department of Justice (DoJ)?

Surely you're very well aware that Trump, in more ways than one, is in the same boat as you're i.e. scandal-ridden and a subject of investigation of the DoJ?

Having courted China and almost married to the new superpower with a dowry of RM-144billion, we thought you're smart enough to be in for a 'game of poker' with President Trump! But you clearly failed.

Are you under an illusion that Trump is not aware that Malaysia is buying four of China's so-called Littoral Mission ships, hence Malaysia's perceived alignment with China, in the event of a flare up with the American over the so-called Nine-Dash Line?

Besides the fear of being 'crucified' on 1MDB, were you also worried-sick that all the earlier posturing towards China have in fact irked the Americans and President Trump?

You've clearly erred in Trump meet and you erred again, so quickly in Mat Taib's return. Who are you trying to fool, Mr Prime Minister?

Indeed it was the greatest folly and a double jeopardy in bad political investment. I rest my case...

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

The ugly two faced hipocritical Malaysian government

By **RAJA BAHRIN SHAH**

I cringe with disgust and shame when our Ministers open their mouth with their double faced hipocritical statements. This is especially so when they try to fool the international world with their hollier than thou moral grandstanding.

The latest statement came from our foreign minister Anifah Aman who said, "Malaysia had restated its call for the GMM (Malaysia's own- Global Movement of Moderates) to douse the flames of hatred and stem the influence and myopic ideas of intolerance, xenophobia and racial hatred." Hello Minister where have you been?

As a foreign minister you have really been truly alien to what has been happening in Malaysia despite the existence of the internet. Try attending Parliament once in a while in your spare time, you might just be able to appreciate the increasing intolerance and the racial as well as religious bigotry that has created a stench in our country and Parliament.

The government's own Mufti from the Prime Minister's home state of Pahang has openly pronounced DAP members as 'kafir harbi' and it is justified to wage war on them. Religious leaders from Umno's new ally Pas, had openly declared "halal darah" - it is permissible to shed the blood of fellow muslims, those who disagree with their point of views !

have personally voiced my grave concern on these issues in Parliament to no avail. The silence from the Government is getting increasingly more deafening as 14th General Election (GE) draws closer!

On the home front, the government takes the view that as long as these statements are directed at others and not at them, they see no evil, hear no evil and speak of no evil against the offending culprits. Najib himself, has the same attitude. He shares the same values with his new soul mate President Trump, who remained deafeningly silent on the fatal racist-religious violence at Charlottesville.

On the international scene Najib offered hipocritical encouraging words of support to the President of Bangladesh saying that Malaysia and other countries will support her nation in facing the huge Rohingya refugee crisis of some 500,000 displaced people.

Why did Malaysia turned away a few boat loads of prosecuted Rohingya Muslim refugees facing death and ethnic cleansing last year when we in the 1970's accepted about 100,000 Vietnamese economic refugees and accomodated them on Pulau Bidong and also at Sungai Besi?

Khairy our Sports Minister, also had the "gall to urge the United Nations to call a special emergency session on the Rohingya issue when a motion at a regular Parliament sitting last year was rejected with all both Umno and Pas members not supporting the motion which I tabled.

About a week later both Umno and Pas leaders lead by Najib held a special gathering at Stadium Titiwangsa on the same issue. Why demand a special United Nation session on the Rohingya ethnic cleansing when we are unwilling to debate and make an official stand in our very own Parliament that was already in session ? Perhaps sports Minister Khairy would be sporting enough to respond.

The Global Movements of Moderates was founded by Najib who appointed Nasaruddin Mat Isa to promote his so called moderate or "wasatiyah" brand of Islam. Although Nasaruddin was removed from the Pas syura council by the moderate and very highly respected as well as highly regarded late Nik Aziz, Nasaruddin until this day is still a Pas member and is seen as the main figure bringing Pas and Umno together after Nik Aziz's death.

Its seems strange that the Global Movements of Moderates is being led by the controversial Nasaruddin who is known to be the main mover for the link between the racially inclined Umno and the now increasingly hardlined religious Pas after the passing away of the moderate and much respected as well as loved Nik Aziz.

The Umno lead government was already seen as an extreme-right racial entity with its dominant ultra Malay supremacy views. With its new ally and advisor Pas of today, with its extreme views on Islam and its new found Malay

supremacy values, what could be a more dangerous and explosive combination.

It is absolutely disgraceful and hipocritical for us to have the Global Movements of Moderates to preach moderate moral values at the United Nation when it is being led by a Pas member that has been credited for engineering the unity of the ultra Malay supremists Umno and the increasingly extreme Pas whose religious leaders legitimise "penghapusan" (elimination) of those who disagree with them.

Do not preach to the United Nation values which the Government itself does not subscribe to and practise at home. There is this often quoted phrase, "We see Islam in the West, and Muslims in the East". We see more Islamic values like good governance and integrity being observed and practised in the west today than in the so called Islamic nations deeply mired in corruption and kleptocracy.

Can't we see and hear the world condemning and laughing at our folly? There is none more blind than those who refuse to see the stark hipocrisy and the dark reality staring us in our face.

■ **Raja Bahrin Shah is International Bureau Chairman for AMANAH and MP for Kuala Terengganu.**

Apabila ekstrem dianggap tegas

TIDADA siapa yang boleh menafikan bahawa 'kesedaran Islam' semakin meningkat di kalangan masyarakat Melayu di negara kita. Kebanyakan surau dan Masjid semakin 'hidup' dan jumlah hadir semakin bertambah. Program-program keagamaan semakin mendapat sambutan dan imej-imej keagamaan semakin jelas kelihatan. Sekolah-sekolah agama bersama Maahad Tahfiz berkembang dan walaupun daif, mendapat sambutan.

Secara umumnya ianya sesuatu yang dialu-alukan. Namun pada masa yang sama ianya juga membawa bersama potensi kekeliruan dan reaksi negatif dari masyarakat Islam dan bukan Islam sekiranya ianya tidak dipantau dan kesilapan-kesilapan tertentu tidak ditangani. Namun ia perlu ditangani secara bijak dan berhemah.

Reaksi negatif yang dimaksudkan adalah penolakan, bukan sahaja oleh bukan Islam tetapi juga oleh sebahagian umat Islam sendiri, terhadap Islam yang seperti mana dipamerkan, iaitu Islam yang ekstrem dan tidak masuk akal. Dan Islam secara ekstrem sedemikian rupa sudah mula diperlihatkan.

Secara umumnya Islam ekstrem ini dihasilkan apabila semangat mengatasi akal dan ilmu. Ia boleh membawa kepada ketegangan dan perbalahan, sedangkan Islam inginkan kesatuan dan keamanan. Ketegangan dan perbalahan adalah perkara yang Islam mahu selesaikan dan bukan mencetuskan. Islam mencapai penyelesaiannya melalui keadilan. Namun ada yang mencetuskan perbalahan dan ianya dilihat sebagai

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD

'ketegasan' dalam berpegang kepada Islam!

Kalau dulu, ekstremis dalam agama membawa kepada mengikut kumpulan tarikat yang songsang dan amalan bertapa. Namun sekarang ianya membawa kepada bermuamalat dan bersiyasah secara yang songsang. Ini lebih merbahaya kerana mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dan imej Islam sendiri dirosakkan pada pandangan masyarakat.

Kedai dobi yang khas hanya untuk orang Islam, gelas minuman yang diasingkan untuk Muslim dan non-Muslim, usaha menghalang program bukan Islam atas alasan 'sensitif', usaha memaksa semua berakhlak mengikut kehendak Islam kerana Islam agama majoriti, menahan seseorang kerana bercakap mengenai Islam, malahan mempertahankan kerajaan yang korup atas alasan menjaga kepentingan umat dan diterajui orang Islam, ini semua bagi saya, adalah ekstremis agama.

Kerana istilah 'ekstremis' membawa erti 'melampaui batas'. Maksudnya Islam tak suruh buat, malahan membantahnya, namun dilakukan juga dan dilakukan atas niat kononnya mengikut Islam. Atau lebih tepat, 'bertegas untuk mengikut Islam'.

Dari mana datangnya pandangan perlunya dobi khas untuk orang

“ Dari mana datangnya pandangan perlunya dobi khas untuk orang Islam? Kerana dianggap baju-baju dan pakaian bukan Islam 'mungkin' bernajis? Tidak mungkinkah baju orang Islam juga ada najis? ”

Islam? Kerana dianggap baju-baju dan pakaian bukan Islam 'mungkin' bernajis? Tidak mungkinkah baju orang Islam juga ada najis? 'Fiqh mungkin' yang menetapkan hukuman atas dasar "sesuatu yang mungkin" tak pernah saya pelajari. Mungkin ini dan mungkin itu, akhirnya hiduplah kamu dalam gua bersendirian.

Begitu juga 'fiqh sensitif'. Walaupun sensitiviti itu diambil kira dalam persoalan pelaksanaan, tetapi tidak apabila menentukan hukum. Apa yang dibenarkan tetap dibenarkan hanya perlu dibuat dengan cara yang sesuai. Kalau tidak begitu maka semua yang dibenarkan boleh menjadi tidak dibenarkan atas sebab 'sensitif'. Oleh kerana warna oren dianggap 'sensitif' maka tidak dibenarkan sesiapa memakai pakaian oren. Oleh kerana bahasa Mandarin dianggap 'sensitif' maka penggunaannya diharamkan. Oleh kerana dunia barat sensitif terhadap hijab, maka semua dilarang memakainya; apa macam?

'Fiqh majoriti' juga ada penganutnya. Apabila majoriti berpegang kepada pandangan begini maka semua kena ikut begini. Oleh kerana Islam adalah agama persekutuan dan umat Islam adalah majoriti, maka hak umat Islam sahaja yang perlu diambil-kira. Sedangkan Islam mengajar kita bahawa pihak minoriti juga tetap ada haknya dan perlu dihormati. Amalan demokrasi mengambil dari konsep Islam yang

menghormati hak minoriti, tiba-tiba ada di kalangan umat Islam yang menolak konsep minoriti punyai hak?

Dan baru-baru ini ada wartawan Turki ditahan kerana memberi ucapan yang menyentuh persoalan Islam. Sedangkan dia dijemput sebagai ahli panel. Maka ditahan kerana tiada tauliah. Fahaman Islam hendak dikuasai dan dikawal oleh institusi kerajaan sehingga tiada yang boleh bercakap mengenai Islam? Islam adalah milik dan monopoli Jabatan Agama Islam? Hanya mereka dan yang diluluskan mereka sahaja dibenarkan bercakap mengenai Islam?

Tidakkah ini merupakan satu tindakan ekstrem yang merosakkan imej Islam? Seolah-olah Islam begitu tertutup dan mengongkong? Tidak menghormati hak bersuara dan memberi pandangan?

Sedangkan kebangkitan kesedaran Islam yang sedang kita alami bukan datang asalnya dari usaha mereka. Malahan mengikut pengalaman sejarah, banyak juga ketikanya Jabatan Agama Islam dalam sesebuah kerajaan menghalang usaha membangkitkan umat mengikut kehendak Islam! Kisah Imam Ahmad ibnu Hambal menghadapi golongan Mu'tazilah adalah sebagai contoh yang jelas. Pada ketika itu maka semua ulama kerajaan bersama menentanginya!

Ilmu dan kefahaman mesti tertegak

atas hujah. Ini yang kita pelajari dari sejarah hidup Nabi s.a.w., para sahabat dan ulama-ulama muktabar sepanjang zaman. Bukan atas halangan dan sekatan. 'Fiqh Tauliah' ini juga sesuatu yang baharu bagi saya. Tiada jaminan ianya tidak digunakan untuk mempertahankan kerajaan yang songsang. Malahan boleh dijamin ianya akan diperalatkan oleh kerajaan yang songsang!

'Fiqh pro-kleptokrasi' juga ekstremis bagi saya. Demi kepentingan umat, maka sama-sama kita pertahankan yang mencuri dan merompak khazanah negara! Namun pada hakikatnya ianya sesuatu yang lama. Hanya mengambil wajah yang baharu. Ianya 'fiqh ulama istana'.

KESIMPULAN

Usaha menyelewengkan kebangkitan kesedaran umat terhadap tuntutan agama yang diusahakan sekian lama merupakan bahaya utama dihadapi gerakan Islam dewasa ini. Ianya boleh diselewengkan oleh fahaman ekstremis hasil lebihnya semangat dan kurangnya ilmu serta oleh pembawa 'fiqh ulama istana'.

Oleh itu usaha memperjuangkan dan memperlihatkan Islam sebagai agama rahmat untuk semua perlu dipertingkatkan dan dipertahankan. Mesti ada yang sanggup bersuara membantah ekstremis agama sama ada dari kalangan orang persendirian mahu pun kumpulan, NGO dan juga kerajaan.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Beritahu susah berjuang Islam padahal tak susah pun...

MEREKA mengaku pejuang Islam. Kemudian mereka gambarkan perjuangan mereka begitu sukar, susah, penuh onak duri, nyawa terancam, kehidupan terhimpit.

Lalu, mereka bacakan ayat al-Quran, hadis dan sirah Nabi tentang sulitnya berjuang Islam. Mereka termasuk kelompok orang yang dimaksudkan oleh ayat dan hadis itu. Pentaksub mereka pun angguk setuju dengan tafsiran itu.

Jika ditinjau, apa yang mereka namakan perjuangan Islam itu adalah perjuangan Islam dalam versi yang mereka cipta sendiri. Bahkan jika diteliti dengan jujur, perjuangan itu tidak menepati perjuangan Islam yang diwariskan



PENDAPAT
ZOLKHARNAIN ABDIN
AL-ABYADHI

oleh Nabi.

Perjuangan Islam Nabi penuh dengan kasih-sayang, menghormati manusia, mengelak perseteruan, membina hubungan baik dengan semua orang dan tidak memandang

orang lain yang berbeza sebagai musuh agama.

Sementara perjuangan Islam yang mereka bawa tidak seperti perjuangan yang dibawa oleh Nabi. Dengan rasa suci diri, mereka bermusuhan dengan semua orang yang berbeza, mempamerkan Islam dalam wajah tanpa toleransi dan suka melabel orang lain 'musuh Islam'.

Ayat yang suka mereka baca adalah ayat perang, padahal ayat perang sesuai diimplementasi hukumannya dalam suasana perang, bukan suasana aman. Malaysia kini bukan dalam kancah perang seperti latarbelakang ayat yang dibaca itu. Sambil mereka mengaku

berjuang Islam dalam versi yang mereka cipta itu, mereka pun beritahu orang, perjuangan Islam sukar dan payah. Seolah-olah mereka sudah mewarisi perjuangan Nabi yang sukar itu, dan merekalah pejuang Islam tulen.

Namun di sela-sela kesipongangan itu, hakikatnya mereka tidak susah pun. Mereka ada gaji bulanan puluhan ribu sebagai ahli parlimen, pakai kereta sedap, ke sana-sini naik belon (pesawat), pangkal nama ada datuk, hadiah kereta mewah kepada isteri, ada yang ada isteri lebih daripada satu dan banyak lagi.

"Berjuang Islam" dalam keadaan sebegitu mereka kata susah, sukar, payah? Nak bandingkan perjuangan

mereka dengan perjuangan Nabi? Nak letakkan maksud ayat al-Quran tentang susah perjuangan untuk diri mereka?

Inilah yang boleh dinamakan 'candu agama', yakni menamakan sesuatu atas nama agama untuk menarik sokongan umum dengan labanya pulang kepada diri sendiri.

Namun pentaksub mereka tetap bertakbir, mereka tetap rasa diri mereka suci, dan hujan yang turun tanpa henti adalah simbol kemenangan mereka. Khurafat apakah yang sedang mereka promosikan?

Penulis ialah Pengarah Syariah Parti Amanah Negara.



Acara pukul bantal dalam air meriuhkan suasana.

Tutup bulan merdeka dengan pesta sukan air

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

TUMPAT: Kebelakangan ini amat jarang kedengaran acara bulan merdeka disambut di peringkat kampung.

Namun suasana berbeza di Tumpat, Kelantan apabila Parti Amanah Negara (AMANAH) Dun Kelaboran, menganjurkan sukan rakyat berbentuk pesta air sempena menutup sambutan bulan merdeka, 22 Sept lalu.

Menurut pengerusi jawatankuasa Dun (JDun) AMANAH Kelaboran, Nik Faizah Othman, idea untuk mengadakan pesta air mini itu datang dari penduduk tempatan sendiri.

"Kata orang ramai telah lama pesta air yang mejadi kebiasaan di kampung-kampung satu ketika dulu kini tidak lagi diadakan.

"Setelah mengadakan mesyuarat, pihak JDun bersetuju untuk menjadi penganjur acara ini.

"Sungguh menarik kerana begitu ramai remaja dan orang dewasa begitu berminat



Nik Faizah, bertudung oren bersama menyaksikan pesta sukan air.

dan mendaftar untuk bersama dalam acara-acara yang dicadangkan," katanya.

Menurutnya, pelbagai acara tradisi yang kini semakin dilupakan diperkenalkan semula dalam sambutan berkenaan.

"Antara acara utama adalah pertandingan wau cantik, pertandingan wau naik, isi air dalam botol, lawan tarik tali dengan perahu, baling telur, dan katok (pukul) bantal dalam air.

"Selain itu beberapa acara sampingan lain seperti cabutan nombor bertuah turut diadakan," katanya.

Nik Faizah mengucapkan terima kasih kepada penduduk Kampung Pak Jah, tempat pesta itu diadakan.

"Kepada golongan wanita,

pemuda, remaja dan kanak-kanak yang memberi sumbangan diharapkan dapat terus memberi kerjasama dalam program yang kita anjurkan pada masa depan.

"Secara khusus saya amat berterima kasih kepada saudara Zamri Yaacob atau lebih dikenali Abe Yi Tok Jogho yang



Zamri Yaacob atau lebih dikenali Abe Yi Tok Jogho.

bertungkus lumus membantu dan menyelenggara sepenuhnya program sukan air ini," katanya.

Ketua AMANAH Kawasan Tumpat Wan Mohd Johari Omar turut hadir bersama ahli-ahli jawatankuasanya dan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dan cenderahati kepada peserta.



Beradu kecekapan mengawal perahu dalam acara tarik tali dalam perahu.



PARIT BUNTAR: Hujan berterusan sejak awal pagi 15 September lalu menyebabkan beberapa kawasan di Parit Buntar dan Bagan Serai dilanda banjir kilat pada sebelah petang.

Keadaan itu menyebabkan sekurang-kurangnya 50 rumah di Taman Kerian, Pekan Baru, Jalan Ismail Arof, Taman Aman Sejahtera dan Taman Damai di Parit Buntar, dinaiki air.

Kawasan pusat bandar termasuk perhentian bas Hentian Raya dan 20 premis perniagaan turut dinaiki air setinggi 0.3 meter namun keadaan terkawal.

Berikutan itu Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa pada hari yang sama turun padang untuk membarikan bantuan segera.

Redah hujan dan banjir bantu penduduk



Dr Mujahid membantu mengawal lalu lintas di sekitar pekan Parit Buntar.



Melawat sebuah rumah yang dinaiki air.



Membantu menolak kenderaan yang terperangkap akibat jalan dinaiki air.

PROMOSI OKTOBER

**JOM IKLAN DENGAN
AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI
50 RIBU
PEMBACA
ANDA
SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN
DAPAT JIKA BERIKLAN
DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.



UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

6 AMANAH kongsi hiba waris pelajar tahfiz 10 Tawaran Baru Sabah ambil kira Perjanjian Malaysia 29 Pencarum rugi jika KWSP jual saham Plus



ms26

Husein Yee Tokoh Maal Hijrah Pulau Pinang

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 70 | 1 - 7 OKTOBER 2017


WAKTU SOLAT							
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.							
SUMBER: JAKIM							
TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1.10.2017	5:35	5:45	7:00	13:06	16:16	19:07	20:16
2.10.2017	5:35	5:45	6:59	13:05	16:16	19:07	20:16
3.10.2017	5:35	5:45	6:59	13:05	16:16	19:06	20:15
4.10.2017	5:34	5:44	6:59	13:05	16:16	19:06	20:15
5.10.2017	5:34	5:44	6:59	13:04	16:17	19:05	20:14
6.10.2017	5:34	5:44	6:58	13:04	16:17	19:05	20:14
7.10.2017	5:34	5:44	6:58	13:04	16:17	19:05	20:14

SARAWAK BUKA HALATUJU PRU 14

SAMBUTAN hangat penduduk Kuching ke atas rombongan Pakatan Harapan (PH) yang diketuai pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad 24 September lalu bakal mewarnakan halatuju politik Malaysia khususnya pilihan raya umum akan datang kerana apa yang berlaku di Sarawak selalunya menentukan ke mana hala tuju politik Malaysia.

Analisa dan laporan penuh muka 2, 16 dan 17 →

Lautan manusia memenuhi kawasan BDC Everrise, Kuching 24 September lepas membayangkan sambutan rakyat Sarawak kepada PH.



Perkasakan pengajian tahfiz



SEMUA pihak perlu membuka dimensi baru untuk memperkasakan pengajian tahfiz di Malaysia bukan sekadar keselamatan pelajarinya tetapi juga masa depan mereka dalam memanfaatkan ilmu yang mereka dapat serta alam kerjaya yang bakal mereka tempuh selepas tamat belajar.

Ini berikutan lebih 300 kes kebakaran pusat tahfiz dan masalah keperluan hidup di alam pekerjaan yang mula dihadapi akibat lambakan pelajar ini yang tidak dilengkapkan dengan keperluan kemahiran yang diperlukan alam pekerjaan.

"Kematian 23 pelajar dan guru tahfiz di Keramat sepatutnya membuka mata untuk semua pihak melihat perkara ini untuk memperkasakan lagi pengajian tahfiz di Malaysia dari pelbagai aspek," kata Khalid Samad, Pengarah Komunikasi AMANAH.

← LAPORAN PENUH MUKA 8

SABUN MANJAKANI
KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

HANDMADE
 NO HARMFUL CHEMICALS
 PARABEN FREE
 HALAL

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare